**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

# USTAZ JALALUDDIN BIN MISPAN@MISLAN,

# GURU BESAR SEKOLAH RENDAH AGAMA BERSEPADU (SRAB)

# KOTA TINGGI, JOHOR

# MENGENAI WARISAN SENI KHAT


**NUR HALIZA BINTI KAMAT**

**(2020960533)**

**SITI MAIZATUL AISYAH BINTI JOHARI**

**(2020970863)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**


**SEMESTER MAC 2021-JULAI 2021**

**ISI KANDUNGAN**


| | Isi Kandungan | M/S |
|---|---|---|
| | Abstrak<br>Penghargaan<br>Senarai Abrevasi<br>Senarai Singkatan<br>Rujukan Kata | i<br>ii<br>iii<br>iv<br>v-vi |
| 1.0 | Biodata Penemubual<br>1.1 Siti Maizatul Aisyah Binti Johari<br>1.2 Nur Haliza Binti Kamat | 1-2 |
| 2.0 | Biodata Tokoh<br>2.1 Biodata Jalaluddin Bin Mispan@Mislan<br>2.2 Pengenalan kepada Jalaluddin Bin Mispan@Mislan | 3-4 |
| 3.0 | Sejarah Lisan<br>3.1 Pengenalan<br>3.2 Objektif Sejarah Lisan<br>3.3 Kepentingan Sejarah Lisan | 5-8 |
| 4.0 | Kajian Literatur<br>4.1 Seni Warisan<br>4.2 Seni Khat | 9-10 |
| 5.0 | Transkrip Temubual Bersama Jalaluddin Bin Mispan@Mislan | 11-73 |
| 6.0 | Log Tembual | 74-102 |
| 7.0 | Ralat | 103 |
| 8.0 | Glosari | 104-107 |
| 9.0 | Indeks | 108-110 |
| 10.0 | Bibliografi | 111-113 |
| 11.0 | Lampiran<br>11.1 Biografi Tokoh<br>11.2 Surat Perjanjian<br>11.3 Senarai Soalan<br>11.4 Diari Penyelidikan<br>11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan | 114-127 |

## ABSTRAK

*Transkrip ini mengenai seorang tokoh yang sudah berkecimpung dalam seni warisan khat selama lebih kurang 25 tahun. Warisan seni khat mempunyai keunikannya yang tersendiri dan sudah dikenali ketika dahulu lagi. Namun begitu, sesetengah generasi masa kini kurang peka, mengetahui apa itu seni khat dan bagaimana caranya untuk menulis khat. Transkrip ini turut mengungkapkan serba sedikit mengenai latar belakang tokoh dalam seni warisan khat. Bermula dari bagaimana tokoh mula melibatkan diri dalam seni warisan ini, kajian ini turut memfokuskan jenis-jenis khat yang terkenal di Malaysia, cara dan jangka masa untuk menguasai seni khat, peralatan-peralatan untuk melakukan satu hasil seni khat, cabaran bagi mengekalkan seni khat, sumbangan dan harapan dalam seni khat dan juga isu yang berkaitan dengan tulisan jawi dan seni khat di Malaysia. Selain itu, tokoh turut mengupas serba sedikit mengenai Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor dalam mengekalkan usaha untuk memelihara seni khat daripada lupus ditelan zaman. Kajian ini mampu memberikan impak kepada masyarakat, organisasi dan agensi untuk terus mengenali apa itu seni khat dan mengapa perlu dipeliharanya. Kajian ini juga diharapkan mampu membuka mata generasi pada masa kini untuk mengetahui lebih lanjut mengenai seni khat dan tulisan jawi.*

**Kata Kunci**

Sejarah Lisan, Temubual, Seni Warisan, Seni Khat, Jawi

# PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat dengan limpah dan kurnia-Nya, kami dapat menyiapkan kajian kami dalam seni warisan dan kami memilih seni warisan khat sebagai kajian kami. Kajian ini juga turut menjadi tugasan kami bagi subjek IMR606 iaitu *Oral Documentation* bagi sesi Mac 2021 hingga Julai 2021 untuk semester 5. Kami turut bersyukur kerana kami dapat menyiapkan kajian ini mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Pelbagai cabaran kami lalui dan kami berjaya menempuhi cabaran tersebut bersama-sama sepanjang menyiapkan kajian ini. Apatah lagi dengan situasi di negara kita pada hari ini yang dilanda dengan pandemik Covid-19. Bukan mudah bagi kami untuk menyiapkan kajian ini secara atas talian dan malah tinggal di rumah yang berbeza kawasan.

Jutaan terima kasih kami ucapkan yang tidak terhingga kepada pensyarah kami, Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin yang sudi serta sanggup memberi tunjuk ajar dari awal hingga akhirnya kami mampu menyiapkan kajian ini. Pelbagai jenis soalan kami telah berikan kepada pensyarah kami dan beliau tidak jemu dan lelah menjawab dengan penuh kesabaran. Kami sangat beruntung kerana kami masih dapat bertemu dengan pensyarah kami walaupun hanya untuk sebulan dan perlu untuk kembali ke rumah untuk menyambung sesi pembelajaran kami secara atas talian di atas arahan pihak universiti. Pelbagai peringatan serta tips-tips yang beliau telah berikan sepanjang kami melakukan kajian ini.

Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan kepada tokoh kami, Ustaz Jalaluddin Bin Mispan @ Mislan yang sudi menerima pelawaan kami untuk ditemuramah. Beliau memberikan kerjasama yang amat baik kepada kami sepanjang kami menemu bual serta ketika meminta maklumat-maklumat yang kami perlukan bagi menyiapkan kajian ini. Terima kasih ustaz. Jasa ustaz akan kami kenang sampai bila-bila.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan dari kelas kami, JIM2465B yang turut bersama-sama membantu kami dalam menyiapkan kajian ini. Kami berharap semoga segala urusan kalian dipermudahkan pada masa-masa akan datang.

Akhir sekali kepada ahli-ahli keluarga yang kami sayangi. Ucapan penghargaan turut diberikan kerana mereka sentiasa menyokong kami ketika kami melakukan kajian ini. Sokongan yang diberikan sangatlah membantu kami sehinggalah kami berjaya menyiapkan kajian ini hingga ke akhirnya.

## SENARAI ABREVIASI

| SINGKATAN | MAKSUD |
|---|---|
| FELDA | Federal Land Development Authority |
| IPTHO | Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| LKTP | Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan |
| MTQ | Majlis Tadarus Al-Quran |
| NGO | Non-Governmental Organization |
| OUM | Open University Malaysia |
| PdPR | Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah |
| PKP | Perintah Kawalan Pergerakan |
| PPD | Pejabat Pendidikan Daerah |
| SK | Sekolah Kebangsaan |
| SRAB | Sekolah Rendah Agama Bersepadu |
| UTM | Universiti Teknologi Malaysia |

## SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| SMA | Siti Maizatul Aisyah Binti Johari |
| NHK | Nur Haliza Kamat |
| JMM | Jalaluddin Bin Mispan @ Mislan |

**RUJUKAN KATA**

| | |
|---|---|
| Aje | Saja |
| Ajor | Ajar |
| Ambik | Ambil |
| Asik | Selalu |
| Belajo | Belajar |
| Carik | Cari |
| Dah | Sudah |
| Engko | Engkau |
| Gini | Begini |
| Gitu | Begitu |
| Je | Sahaja |
| Jugak | Juga |
| Kecik | Kecil |
| Kekadang | Kadang-kadang |
| Kene | Perlu |
| Ko | Kau |
| Lepak | Penat |
| Masaalah | Masalah |
| Mengulo | Menipu |

| | |
|---|---|
| Naye | Aniaya |
| Nengok | Tengok |
| Ngigau | Mengigau |
| Ni | Ini |
| Ngajar | Mengajar |
| Otai | Orang lama |
| Pasal | Fasal |
| Payah | Susah |
| Perelokkanlah | Tambah baik |
| Pulak | Pula |
| Saje | Sahaja |
| Sejam | Satu jam |
| Semayang | Sembahyang/Solat |
| Sorang | Seorang |
| Sulong | Sulung |
| Takde | Tiada |
| Takpe | Tidak mengapa |
| Takkan | Tidak akan |
| Tau | Tahu |
| Tido | Tidur |
| Tu | Itu |
| Uzur | Terhalang daripada melakukan ibadah wajib |
| Yah | Payah |

## 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

### 1.1 Siti Maizatul Aisyah Binti Johari



| | |
|---|---|
| **Nama** | Siti Maizatul Aisyah Binti Johari |
| **Tarikh Lahir** | 12 Januari 1999 |
| **Tempat Lahir** | Hospital Muar |
| **Alamat** | LBK 123/3 Kampung Jawa Lenga 84040 Muar Johor |
| **No. Telefon** | 011-31929971 |
| **Emel** | maisyah999@gmail.com |
| **Program** | Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod (IM246) |

### 1.2 Nur Haliza Binti Kamat



| | |
|---|---|
| **Nama** | Nur Haliza Binti Kamat |
| **Tarikh Lahir** | 6 Mei 1999 |
| **Tempat Lahir** | Hospital Kuala Lumpur |
| **Alamat** | A82 Jalan Sekolah Felda Sri Ledang 85220 Tangkak Johor |
| **No. Telefon** | 013-2994203 |
| **Emel** | nurhalizaleeza@gmail.com |
| **Program** | Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod (IM246) |

## 2.0 BIODATA TOKOH

### 2.1 Biodata Jalaluddin Bin Mispan @ Mislan

Jalaluddin Bin Mispan @ Mislan merupakan seorang guru besar di Sekolah Rendah Agama Bersepadu Kota Tinggi, Johor. Beliau juga turut berkecimpung di dalam bidang seni khat selama 25 tahun. Beliau mula terlibat di dalam seni warisan tersebut ketika berusia 17 tahun. Beliau mula bersekolah di Tabika Kemas Felda Pasak. Di peringkat sekolah rendah, beliau bersekolah di Sekolah Kebangsaan LKTP Pasak yang kini dikenal sebagai Sekolah Kebangsaan Tun Dr Syed Nasir. Seterusnya beliau menyambung pelajaran di beberapa sekolah menengah iaitu di Sekolah Menengah Madrasah Arabiah Kluang, Sekolah Menengah Agama Bugisiah Tampok dan juga Maahad Johor. Beliau mula mendalami seni khat dengan lebih lagi ketika beliau menyambung pelajarannya di Sekolah Menengah Agama Bugisiah Tampok di mana beliau berguru dengan seorang pakar khat yang bernama ustaz Mohd Khalid Bin Arsad. Beliau turut menjadi guru sandaran tanpa latihan selama setahun lebih. Setelah itu beliau menyambung pelajarannya di Institut Pendidikan Guru di Maktab Perguruan Islam Bandar Baru Bangi Selangor peringkat Sijil Perguruan. Setelah tamat belajar di Maktab Perguruan Islam, beliau telah berkhidmat sebagai Guru Pendidikan Islam dan ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Ulu Senagang, Keningau, Sabah. Beliau juga berpeluang melanjutkan pelajarannya di Institut Perguruan Tun Hussein Onn, Batu Pahat di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Pendidikan Islam Sekolah Rendah dan seterusnya melanjutkan pelajarannya di di Open University Malaysia, cawangan Batu Pahat di peringkat Sarjana Pengajian Islam.

Beliau melangsungkan perkahwinan bersama isterinya, Zaleha Binti Haji Omar pada tahun 1996 dan dikurniakan beberapa orang anak iaitu Nurul Juzailah, Nureen Jazmina, Muhammad Zakwan dan Siti Nurasfani Jannah. Seorang anaknya telah meninggal dunia. Kesemua anak-anaknya mahir dalam bidang seni khat. Beliau telah mendidik anakanaknya dengan baik sekali sehingga mereka berjaya meraih pelbagai kejayaan di dalam pertandingan-pertandingan seni khat yang mereka sertai di peringkat daerah sehingga peringkat kebangsaan.

Beliau telah memenangi beberapa pertandingan di dalam bidang seni khat. Antaranya ialah Johan Pertandingan Seni Khat Kategori Pegawai pada Majlis Tadarus al-Quran Peringkat Daerah Kota Tinggi tahun 1997, 1998, 1999 dan 2000, Johan Pertandingan Seni Khat Kreatif anjuran Yayasan Warisan Johor, sempena Pelancaran Majlis Pameran Seni Khat di Galeri Seni

Johor tahun 2009, Johan Pertandingan Seni Khat On Line peringkat Negeri Johor anjuran Persatuan Seni Khat Johor, tahun 2020 dan pelbagai lagi. Selain itu, beliau turut mendapat pelbagai jenis pengiktirafan di dalam bidang seni khat. Antaranya ialah mendapat pengiktirafan sebagai Tenaga Pengajar Seni Khat dari Yayasan Warisan Johor tahun 2002, memperolehi Anugerah Khas Inovasi Modul Seni Khat tahun 2010 dan pelbagai lagi.

Selain itu, beliau turut mendapat pelbagai jenis pengiktirafan di dalam bidang seni khat. Antaranya ialah mendapat pengiktirafan sebagai Tenaga Pengajar Seni Khat dari Yayasan Warisan Johor tahun 2002, memperolehi Anugerah Khas Inovasi Modul Seni Khat tahun 2010 dan sering memikul tanggungjawab sebagai Hakim Pertandingan Seni Khat peringkat Zon, Daerah dan Negeri bagi pelajar-pelajar Sekolah-sekolah Malaysia sejak tahun 1998 sehingga kini. Beliau juga turut aktif menjadi ahli Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor bersama-sama isteri dan anak-anaknya. Beliau kini dilantik sebagai Naib Pengerusi Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor.

### 2.2 Pengenalan kepada Jalaluddin Bin Mispan @ Mislan

Tokoh dipilih melalui pencarian kami di media sosial iaitu Instagram. Kami berkomunikasi melalui 'direct message' yang disediakan di dalam media sosial tersebut. Setelah itu, kami mendapatkan nombor telefon beliau bagi memudahkan urusan kami untuk menghubunginya sepanjang melaksanakan kajian ini. Kami memilih tokoh ini kerana beliau menepati syarat-syarat yang diberikan oleh pensyarah kami seperti mempunyai pengalaman selama 25 tahun serta mahir dalam sesuatu bidang seni yang diceburinya.

## 3.0 SEJARAH LISAN

### 3.1 Pengenalan

#### 3.1.1. Pendahuluan

Tajuk kajian kami ialah Warisan Seni Khat di bawah tema Warisan Seni. Warisan Seni Khat adalah salah satu warisan yang unik sejak dahulu lagi dan tidak semua memiliki bakat untuk berseni dalam bidang ini. Namun begitu, ianya bukanlah satu alasan dan juga penghalang kepada masyarakat masa kini untuk mempelajari serta memahami Warisan Seni Khat Dan Jawi ini. Hal ini kerana, semua orang berpeluang untuk mempelajarinya secara turun temurun demi memastikan Warisan Seni Khat ini akan diwarisi dari zaman ke zaman.

Menurut kata Nur Hazimah Anuar (2019) pula, Seni Khat yang wujud sejak awal tamadun Islam bukan sahaja diminati oleh beberapa masyarakat Melayu/Islam di Singapura. Malah, Seni Khat ini juga menarik minat golongan muda serta masyarakat bukan Islam untuk mempelajari dan memahami Warisan Seni Khat ini. Hal ini amat digalakkan, kerana ianya sebagai salah satu cara untuk memastikan warisan seni ini terus diwarisi oleh masyarakat walau bukan oleh masyarakat Melayu/Islam sendiri.

Salah satu cara untuk memastikan Warisan Seni Khat dan Jawi ini diwarisi dari zaman ke zaman adalah dengan cara sejarah lisan. Menurut Seow Han Lin (2020), sejarah lisan adalah satu kaedah yang digunakan dalam penyelidikan sejarah bagi mendapatkan dan mengesahkan kebenaran sesuatu fakta sejarah yang diperolehi serta dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan tokoh sehinggalah pengalaman beliau dalam bidang yang diceburi. Tokoh yang dipilih kebiasaannya terdiri daripada mereka yang sudah mahir dan matang dalam bidang yang diceburinya. Maklumat yang diperolehi dari wawancara yang dilakukan seterusnya ditukar dalam format digital selepas disemak dan diberi kelulusan untuk digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan.

Sejarah Lisan adalah unik kerana ia dapat menghubungkan zaman yang lalu dan zaman sekarang melalui rakaman pengalaman-pengalaman yang bersejarah. Mahani Musa (2017) menyatakan kaedah sejarah lisan ini mampu

membolehkan tokoh Seni Khat yang berpengalaman mendekati masyarakat luar untuk memahami apa yang telah dilalui dalam kehidupan mereka. Dalam kata yang lain, pendekatan sejarah lisan ini memberi peluang kepada penyelidik untuk mempelajari serta memahami Warisan Seni Khat dengan lebih terperinci lagi.

### 3.1.2 Latar Belakang Kajian

Pada masa kini, seni khat merupakan salah satu seni warisan yang hampir dilupakan. Seni khat sangat berkait rapat dengan tulisan jawi kerana tulisan jawi adalah pinjaman dari aksara-aksara Arab serta penulisannya berpandukan Khat Arab (Abd. al-Fattah Ubadah, t.t). Ahmad Abdul Hadi Shamsul (2019), seorang penggiat seni khat menyarankan agar menceburi bidang seni khat bagi mempertahankan seni warisan kerana ianya memberikan signifikan terhadap Islam dan jawi serta dekat dengan bangsa kita sendiri iaitu bangsa Melayu . Kang Pok Kiew (2019), turut menyatakan bahawa tulisan jawi semakin dilupakan oleh generasi muda. Bangsa Melayu dan bangsa lain perlulah mempelajari khat kerana ramai yang tidak mampu membaca dan menulis jawi. Dia seorang yang berbangsa Cina turut mempelajari tulisan jawi.

Selain itu, terdapat beberapa isu yang timbul berkaitan dengan seni khat ini iaitu di mana pada tahun 2019, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memasukkan tulisan jawi dan seni khat dalam pengajaran Bahasa Melayu untuk pembelajaran murid Tahun 4 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan SJK Tamil (SJKT) (S Vijayaletchumy,2019). Hal ini mendapat tentangan daripada 12 pertubuhan pendidikan Cina dan Tamil. Jiao Zong, Ketua Gabungan Persatuan Guru Sekolah Cina Malaysia dan Dong Zong yang merupakan Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia menyatakan bahawa pengenalan tulisan khat bagi murid di dua aliran sekolah tersebut tidak bertepatan dengan keperluan sebenar pembelajaran Bahasa Melayu (Hairulazim Mahmud, 2019).

### 3.1.3 Permasalahan Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan permasalahan yang berikut:

1. Warisan Seni Khat & Jawi kian dilupakan (Hazliza Ismail, 2011)
2. Generasi muda tidak mengenali dan juga tidak berkebolehan untuk menulis tulisan jawi (Leong Chuan, 2020)
3. Sesetengah pihak keliru akan tulisan jawi dan khat (Nor 'Asyikin Mat Hayin, 2019)

### 3.1.4 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan yang dapat diketengahkan dalam kajian yang kami jalankan ini antaranya adalah:

1. Mengapa Warisan Seni Khat & Jawi kian dilupakan dan tidak diwarisi oleh generasi masa kini?
2. Bagaimana wadah menghayati dan mempelajari sejarah Warisan Seni Khat & Jawi melalui sejarah lisan?
3. Apakah perbezaan yang dapat diketengahkan antara Seni Khat dan juga Tulisan Jawi?
4. Adakah Seni Khat dan juga Tulisan Jawi akan menggugat pegangan agama seseorang apabila mempelajarinya?

## 3.2 Objektif Sejarah Lisan

Terdapat beberapa objektif dalam melaksanakan kajian ini iaitu:

1. Untuk merungkai persoalan mengapa Warisan Seni Khat & Jawi kian dilupakan dan tidak diwarisi oleh generasi masa kini.
2. Untuk memahami sejarah Warisan Seni Khat & Jawi melalui sejarah lisan.
3. Untuk memperjelaskan lebih dalam lagi berkaitan apa itu Seni Khat dan juga Tulisan Jawi.

### 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan

Kajian ini jelas akan memberi impak yang besar kepada organisasi, masyarakat, negara dan agensi, antaranya adalah:

1. Kajian yang dijalankan ini amat memberi impak terhadap masyarakat masa kini sebagai rujukan generasi akan datang agar Warisan Seni Khat dan Jawi agar ianya tidak dilupakan begitu sahaja. Kajian yang dijalankan ini mampu membantu sedikit sebanyak kepada masyarakat untuk memahami tentang sejarah serta Warisan Seni Khat yang perlu dikekalkan dari zaman ke zaman agar tidak luput ditelan zaman.

2. Kajian ini boleh menyumbangkan manfaat dalam bidang Warisan Seni di negara kita untuk memastikan kelangsungan tradisi Warisan Seni ini diteruskan oleh generasi akan datang. Kajian ini boleh dirujuk oleh masyarakat yang akan bertanggungjawab untuk meneruskan tradisi Warisan Seni Khat ini agar terus dikenali ramai dan semakin berkembang luas kewujudannya.

3. Kajian ini mampu membuka mata sesetengah organisasi yang skeptikal terhadap isu seni khat dan tulisan jawi yang tidak menggugat sebarang pegangan agama. Hal ini dibuktikan oleh Nur Hazimah Anuar (2019), yang menyatakan seni khat dan tulisan jawi adalah warisan sejak zaman dahulu lagi yang diwarisi bukan sahaja oleh masyarakat Melayu/Islam, malah diminati oleh masyarakat bukan Islam juga.

# 4.0 KAJIAN LITERATUR

## 4.1 Topik 1: Seni Warisan

Menurut Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka Edisi Keempat , seni membawa pelbagai maksud antaranya ialah karya seperti sajak, lukisan, muzik, dan lain-lain yang dicipta dengan bakat (kecekapan), hasil daripada sesuatu ciptaan Selain itu, seni turut dapat didefinisikan sebagai kebolehan mencipta sesuatu seperti lukisan, ukiran, dan lain-lain yang indah-indah. Menurut Read (1959), seni merupakan kemampuan dan keupayaan bagi menghasilkan sesuatu secara kawalan sedar yang merangsang kepada penghasilan bentuk. Menurut Sidi Gazalba (1977), seni didefinisikan sebagai usaha bagi mencipta sesuatu. Menurut Syed Ahmad Jamal (1992), kesenian dapat dikaitkan dengan sesuatu perkara ataupun suasana yang mementingkan aspek keindahan bukannya aspek kegunaan.

Manakala menurut Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka Edisi Keempat, warisan pula membawa maksud sebagai harta peninggalan, harta pusaka, sesuatu yang diwarisi dan sesuatu yang turun-temurun. Warisan membawa maksud kepada apa jua jenis tinggalan turun temurun dalam bentuk buatan ataupun semula jadi yang alih ataupun tidak yang Nampak ataupun tidak (Akta Harta Benda Purba, 1976). Di dalam Akta Warisan Kebangsaan, 2005 juga turut membawa maksud yang sama dengan penambahan definisi yang selari dengan Akta Harta Benda Purba. Akta ini menyatakan bahawa warisan seperti warisan kebangsaan, mana-mana tapak warisan, warisan kebudayaan bawah air, objek warisan ataupun mana-mana orang hidup yang diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan. Selain itu, maksud ini juga turut terkandung di dalam Seksyen 67 di dalam Akta Warisan Kebangsaan.

### 4.2 Topik 2: Seni Khat

Seni Khat menurut Dewan Bahasa Dan Pusaka Edisi Keempat adalah kemahiran dalam menulis tulisan Arab atau tulisan Jawi dengan gaya yang khas atau unik sehingga menghasilkan tulisan yang indah-indah. Selain itu, Siti Hawa Binti Ahmad (2007) mendefinisikan Seni Khat sebagai suatu ilmu yang memperkenalkan bentuuk-bentuk huruf tunggal, letaknya dan cara-cara merangkainya menjadi sebuah tulisan yang tersusun. Bukan itu sahaja, Nor Azlin Binti Hamidon (2008) pula mentafsirkan Seni Khat sebagai 'seni tulisan' iaitu ilmu mengenal teknik menghasilkan tulisan yang indah. Menurut Abdullah Jusuh (1990), Seni Khat adalah satu ciri aktiviti tamadun manusia yang merupakan salah satu keperluan asas kemasyarakatan. Daripada kehalusan rasa seni dan ketajaman daya pemikiran, manusia mencipta seni tulisan sebagai lambang kepada perkataan yang dituturkan.

Seni khat merupakan satu kesenian yang unggul dalam tamadun Islam. Seni khat merupakan satu seni yang mengindahkan lagi tulisan Arab serta melembutkan lagi tulisannya yang pada asalnya huruf-huruf tersebut berbentuk simbol seperti mana di dalam tulisan Nabati yang lebih menyerupai tulisan Arab Kuno (Alashari et al., 2019). Penulis-penulis khat mula sedikit demi sedikit memperkembangkan Warisan Seni Khat secara meluas dari masa ke masa. Mereka menggunakan seni khat bagi mengekspresikan konsep kerohanian dalam penulisan Al-Quran. Seni khat turut muncul di Nusantara melalui penyebaran Islam di seluruh rantau Asia. Penemuan Batu Bersurat di Terengganu menjadi contoh dalam penggunaan seni khat di Tanah Melayu dan juga menjadi bukti bahawa kemasukan Islam berlaku di Tanah Melayu (Musa et al., 2017).

Seni khat sangat berkait rapat dengan tulisan jawi. Hal ini kerana tulisan jawi merupakan hasil tulisan daripada orang Melayu sendiri di mana huruf Arab menjadi asasnya bagi mengeja bahasa Melayu manakala seni khat pula menjadi seni tulisan dalam aksara Arab (Musa et al., 2017). Namun begitu, pada masa kini Warisan Seni Khat sering dilupakan kerana kurangnya pendedahan kepada masyarakat. Oleh itu, kajian yang kami jalankan ini dapat membantu pada masa hadapan untuk membuka mata generasi akan datang untuk lebih menghargai Warisan Seni Khat yang kian menghilang dek luput ditelan zaman.

## 5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

**Sesi 1**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temu bual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang warisan seni khat. Bersama-sama kami ialah Ustaz Jalaluddin bin Mispan @ Mislan yang merupakan seorang guru besar di Sekolah Rendah Arab Bersepadu Kota Tinggi, Johor. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 20 Mei 2021 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 10.02 pagi melalui penggunaan platform secara atas talian iaitu *Google Meet.* Temu bual ini dikendalikan oleh saya sendiri, Nur Haliza Binti Kamat dan juga Siti Maizatul Aisyah Binti Johari. Dengan segala hormatnya temu bual dimulakan.**

**SMA: Okey. Okey, baiklah ustaz. Sebelum kami mulakan temu bual mengenai warisan seni khat secara mendalam. Boleh kami tahu serba sedikit mengenai latar belakang ustaz?**

> JMM: Baik. *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Taa'la Wabarakatuh* [Selamat sejahtera ke atas kamu dan semoga rahmat Allah serta kerberkahan-Nya terlimpah kepada kalian].

**SMA: Okey.**

> JMM: Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Cik Nur Haliza dan juga Cik Siti Maizatul Aisyah kerana memilih saya untuk ditemu ramah berhubung dengan seni khat ini ya. Untuk latar belakang saya, sebenarnya daripada kecil lagi saya dah menceburkan diri dalam bidang seni khat ini bermula daripada sekolah rendah tetapi ketika itu seni khat ini tidaklah berapa terkenal kan? Waktu itu, waktu saya di sekolah rendah memang seni khat ini tidak dikenali cuma dikenali dengan panggilan tulisan-- cantik--.

**SMA: Tulisan cantik.**

JMM: Tulisan cantik. Jadi, saya terlibat dengan seni khat ini memang daripada sekolah rendah lagi terutama mak sayalah [Jeminah Binti Abdul Kasim]. Mak saya [Jeminah Binti Abdul Kasim] yang rajin menyuruh saya menulis jawi dengan tulisan yang cantik. Jadi sejak tu saya mula terpikat dengan seni khat ini sehinggalah ke sekolah menengah. Di sana barulah kami belajar secara khususlah tentang seni khat. Begitu latar belakang awal sayalah, saya terlibat dengan seni khat dan apabila saya menyertai beberapa pertandingan di peringkat sekolah menengah ketika itu ada yang menang ada yang kalah. *So* [Jadi], dekat situ kita nampak lagilah kita punya minat dengan seni khat semakin mendalam sebab saya amat yakin dengan kata-kata Saidina Ali [Ali ibn Abi Talib]. Dia kata apa? " عَلَيْكُمْ بِحُسْنِ الْخَطِّ فإنَّهُ مِنْ مَفاتِيْحِ الرِّزْقِ. Perelokkanlah tulisan kamu kerana ia menjadi sumber rezeki bagi kamu." [Kata-Kata Ali ibn Abi Talib] Jadi, daripada kata-kata Saidina Ali ni saya amat yakin dengan seni khat ini *insya-Allah* [jika diizinkan Allah] dia [seni khat] boleh bukan setakat mencantikkan tulisan kita tapi boleh memberikan pulangan kewangan dan sebagainya. Jadi itu latar belakang serba sedikit saya terlibat seni khat. --_ _ _ saya terus berminat dengan seni khat ni dan belajar kemudian saya melanjutkan pelajaran _ di sekolah menengah _ Maahad Johor [Sekolah Menengah Tinggi Arab]. Di sana pun ada belajar seni khat dan saya sambung belajar di Maktab Perguruan [sic, Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi Selangor]. Maktab Perguruan Islam Bangi Selangor [sic, Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi Selangor] pun ada juga terlibat belajar khat dan saya juga terlibat dengan kursus-kursus, seminar-seminar, bengkel-bengkel khat di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Akhirnya menjadikan saya sangat berminat dengan seni khat daripada saya kecil lagi sehinggalah sekarang, *alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah].

**SMA:** ***Alhamdulillah*** **[Segala pujian bagi Allah].**

JMM: Baik, ada lagi soalan? Okey.

**NHK:** **(Gangguan Internet)**

JMM: Okey, jadi itu secara umum sahajalah. Nama-- saya-- Jalaluddin Bin Mispan atau Mislan. Berasal daripada Felda Pasak, Kota Tinggi Johor. Lahir di Felda Pasak, Kota

Tinggi Johorlah. Kemudian, bersekolah di Sekolah Tadika Felda Pasak [sic, Tabika Kemas Felda Pasak] kemudian Sekolah Kebangsaan LKTP, Felda Pasak [sic, Sekolah Kebangsaan Tun Dr Syed Nasir] selama enam tahun. Kemudian sambung belajar di Madrasah Arabiah Arab Kluang [sic, Sekolah Menengah Arabiah Kluang]. Empat tahun di Kluang [Johor]. Kemudian saya masuk Madrasah Bugisiah di Tampok [sic, Sekolah Menengah Agama Bugisiah Tampok] setahun. Di situ saya belajar khat ni secara lebih khususlah sebab ada pakar di situ ustaz Khalid [ustaz Mohd Khalid bin Arsad] masih hidup lagi *alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah]. Ustaz Khalid [ustaz Mohd Khalid bin Arsad] antara guru saya yang terawallah yang mengajar saya _ di Madrasah Arabiah Bugisiah Tampok Pontian Johor [sic, Sekolah Menengah Agama Bugisiah Tampok]. Kemudian setahun di situ saya sambung belajar di Maahad Johor [Sekolah Menengah Tinggi Arab], di Maahad Johor [Sekolah Menengah Tinggi Arab] sehinggalah tahun 1990. Kemudian selepas tu saya bekerja sebagai guru sandaran tanpa latihan selama lebih kurang setahun lebih. Kemudian saya sambung belajar ke Maktab Perguruan Islam Bangi di Selangor [sic, Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi Selangor] selama dua tahun setengah. Kemudian, habis tu saya mula *posting* [bertugas] lah di Sabah [Wilayah Sabah], mengajar di Sabah Sekolah Kebangsaan _ _ Keningau Sabah selama lebih kurang dua tahun setengah. Kemudian, berpindah balik ke semenanjung [Malaysia] sambil banyaklah sekolah saya telah ngajar. Balik ke semenanjung [semenanjung Malaysia] saya terus ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Pusat Bandar Lok Heng [sic, Sekolah Kebangsaan (FELDA) Lok Heng] pun selama dua tahun setengah di situ. Kemudian saya berpindah ke SK Laksamana Kota Tinggi [Johor] pun tak lama dua tahun setengah juga. Kemudian saya berpindah ke Sekolah Kebangsaan Taman Kota Jaya [Kota Tinggi, Johor], di sini lamalah saya mengajar di Taman Kota Jaya [sic, Sekolah Kebangsaan Taman Kota Jaya] dan *alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah] lepas tu lebih kurang dalam lima atau enam tahun gitu. Kemudian saya berpindah ke Pejabat Pendidikan Daerah Kota Tinggi sebagai Penyelia Kanan Pendidikan Islam di Pejabat Pendidikan di Kota Tinggi [sic, Pejabat Pendidikan Daerah Kota Tinggi] lebih kurang selama lima tahun. Kemudian, saya ditugaskan sebagai guru besar di Sekolah Kebangsaan Sedili Kecil, Kota Tinggi [Johor] lebih kurang setahun sembilan bulan lebih kurang. Kemudian berpindah ke Sekolah Kebangsaan Mawai [Kota Tinggi, Johor]

sebagai guru besar di Sekolah Kebangsaan Mawai [Kota Tinggi, Johor] lebih kurang dalam lima tahun. Kemudian baru sekarang-- ni-- berpindah di Sekolah Rendah Agama Bersepadu bukan Sekolah Rendah Arab (sambil tersenyum).

**SMA & NHK: Oh.**

JMM: Sekolah Rendah Agama Bersepadu Kota Tinggi [Johor]. Guru besar di sini ya.

**SMA: Bersepadu.**

JMM: Ya betul. Sekolah Rendah Agama Bersepadu Kota Tinggi [Johor]. SRAB. Singkatannya SRAB lah. S-R-A-B, SRAB. Bermula bulan _ tahun lepas _ _ _. Baik, kemudian sambil tu saya belajar sambil bekerja tu saya juga belajar ambil ijazah Pendidikan Islam di IPTHO, Batu Pahat. Institut Perguruan Tun Hussein Onn Batu Pahat [sic, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn]. Kemudian sambung belajar buat *Master* [Sarjana Muda] di OUM Batu Pahat juga selama dua tahun. *Alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah] lah dah selesai pelajaran sekarang ni (ketawa kecil). Itu antara lebih kuranglah latar belakang sayalah dan saya juga terlibat sebagai sekarang ni dilantik sebagai naib pengerusi Persatuan Seni Khat Negeri Johor [sic, Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor]. Jadi, melalui Persatuan Seni Khat Johor [sic, Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor] ni saya sangat bergiat dengan seni khatlah. Kita libatkan diri dalam pertandingan-pertandingan, kita libatkan diri dalam pameran, demonstrasi seni khat dan sebagainya sehinggalah ke hari inilah sampai sekarang, *alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah]

**SMA: Okey**

**NHK: (Gangguan teknikal)**

JMM: (Ketawa) Ya, betul. Saya bekerja di Sabah [Wilayah Sabah] dua tahun setengah saja lepas tu balik ke Kota [Kota Tinggi] sampailah sekarang. Balik dari Sabah [Wilayah Sabah] tahun 1996 sampai sekarang ni saya bertugas di Kota Tinggilah [Johor].

**SMA: Kota Tinggi. Nampaklah rezekinya di Kota Tinggi [Johor].**

JMM: *Alhamdulillah* [Segala pujian bagi Allah] (ketawa). _ _ _.

**SMA & NHK: (Ketawa)**

**SMA: Baiklah, ustaz. Macam yang ustaz cakap tadi, ustaz mula bergiat dengan bidang seni khat ni melalui ibu ustaz sendiri. Boleh kami tahu apa na-- siapa nama ibu ustaz.**

JMM: Baik. Nama ibu saya Hajah Jeminah Binti Abdul Kasim. Saya ingat lagi waktu saya darjah empat, darjah lima, darjah enam sebelum keluar main tu sebelum keluar main biasanya lepas *Asar* lah mak saya bagi kebenaran keluar main jadi lepas-- *Zohor*--, *Asar* tu kerjanya menulis je. Mak saya akan tulis tulisan jawilah contohnya dia bagi satu ayat kan hari ini hari Ahad contohnya kan tulis berpuluh-puluh kali tulis dengan tulisan yang cantik. Saya terpaksa tulislah tulis sampai kekadang kita rasa jemulah kan tapi itulah mak saya punya

**SMA: Tu lah rutin ustaz.**

**SMA & NHK: (Tersenyum)**

JMM: rutin. Dia *train* [latih] sampai cantik. Mak- tulisan mak saya memang *alhamdulillah* [Segala pujian bagi Allah] dia pandai jawi tapi cantik tidak-- ada khat masa tu jadi tulisan jawi cantik jadi saya tulis memang mula-mula memang tak cantiklah tulisan saya kan tapi dah hari-- kena *train* [latih] kalau tak-- boleh main kalau tak-- boleh keluar lepas semayang *Asar* boleh main kan jadi gitu lah. Lama-lama kita minatlah dengan-- jawi ni jadi waktu sekolah

**SMA: Betul.**

JMM: rendah tu tulisan jawilah kan tulisan cantik apa semua bila masuk sekolah menengah di Sekolah Arab Kluang [sic, Sekolah Menengah Arabiah Kluang] waktu tu ada belajar khat saya kata "Oh, rupanya jawi ni ada bentuk yang lebih cantik lagi iaitu kita kenali sebagai tulisan khat. Barulah saya belajar tulisan khat waktu itu kita guna pensel lah (menunjukkan tangan menulis), pensel kita asah mata dia kan waktu tu takde lagi pen *readymade* [siap sedia] jual dekat kedai takde, pakai pensel

**SMA: Betul (tergelak kecil).**

JMM: tu kan. Bila saya masuk Bugisiah [sic, Sekolah Menengah Agama Bugisiah Tampok] baru saya tahu " Oh, ada _ khat ini." Di Bugisiah [sic, Sekolah Menengah Agama Bugisiah Tampok] di sana memang ada pakar khat Ustaz Khalid [Mohd Khalid bin Arsad] memang dia pandailah khat kan dialah yang mengajar saya selama setahun di situ bidang seni khat ni memperkenalkan jenis-jenis khat, *khat Nasakh, khat Thuluth, khat Riq'ah, al-Farisi, Diwani Jali.* Dia ada lapan jenis khat.

**SMA: Wah.**

JMM: Jadi dekat di situ barulah saya menggunakan qalam [pen buluh] khat menulis baru minat saya timbul dekat situlah. Masa tu saya tingkatan lima-- jadi mula tingkatan lima barulah menulis khat dengan qalam [pen buluh] yang betul (ketawa). Waktu tu dengan pensel _ lah dengan pensel saja kan.

**SMA: (Mengiyakan)**

JMM: Memang takde lah kemudahan hari-- ini-- macam-macam qalam-- [pen buluh] khat yang ada dijual di kedai-kedai kan, di kedai buku secara *online* [atas talian] pun ada *alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah]. Jadi kemudahan tu lebih banyak lagi

**SMA: Lebih**

JMM: _ saya dululah. Itu dia.

**NHK: (Gangguan teknikal)**

**SMA: Okey.**

JMM: Okey. Apa lagi?

**NHK: (Gangguan teknikal)**

JMM: Okey. Nama ayah saya Mispan atau Mislan bin Jais. Ayah saya pun *alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah] masih sihat lagi cuma dia ada sakit sikitlah biasalah umur pun

dah lapan puluh tahun kan? *Alhamdulillah* [Segala pujian bagi Allah] mak ayah saya masih ada lagilah.

**SMA: Boleh saya tahu tak pada masa tu ibu ustaz ni seorang guru atau suri rumah sebab**

JMM: Dia

**SMA: Dia macam**

JMM: dia memang minat dengan jawi dia belajar.

**SMA: Oh, memang minat.**

JMM: Dia minat jawi tapi dia bukan seorang gurulah dia seorang suri rumah.

**SMA & NHK: (Menganggukkan kepala)**

JMM: Ayah saya peneroka-- FELDA-- Pasak [Kota Tinggi, Johor] dianya suri rumahlah

**SMA: Kalau macam tu**

JMM: Tapi dia memang boleh baca dan tulis jawi. *Alhamdulillah* [Segala pujian bagi Allah ] baik.

**SMA: Kalau macam tu adik-beradik ustaz pun bergiat juga dalam bidang seni-- ni jugak lah?**

JMM: Baik. Ada sorang lah adik [Jafaruddin Bin Mispan @ Mislan] saya ada sorang adik saya sekarang ni dia bertugas sebagai imam di daerah-- Pontian [Johor]. Dia boleh menulis khatlah *alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah] cuma dia tak berapa giatlah (ketawa) seperti saya tapi

**SMA: Faham.**

JMM: Dia bolehlah _. *Alhamdulillah*-- [Segala pujian bagi Allah] adik-beradik saya sorang tulah yang lain tak--_ _ tapi *alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah] anak-anak saya semuanya minat khat dan mereka semua boleh menulis khat dengan baiklah.

**SMA: Alhamdulillah [Segala pujian bagi Allah]**

JMM: Anak saya daripada kecik lagi memang dah masuk pertandingan seni khat sampai peringkat kebangsaan. *Alhamdulillah* [Segala pujian bagi Allah].

**NHK: (Gangguan teknikal)**

JMM: Okey. Bilangan adik-beradik saya ada-- saya anak yang ke sulong daripada tujuh orang adik-beradik.

**SMA & NHK: (Ketawa kecil)**

**SMA: Wah.**

JMM: Tujuh orang adik-beradik. Lima-- lelaki dua perempuan jadi semuanya dah berumah tangga dan bekerjaya lah.

**NHK: (Gangguan teknikal)**

JMM: Okey, ada lagi?

**NHK: (Gangguan teknikal)**

JMM: Baik. Isteri saya nama dia Zaleha Binti Haji Omar. Dia bertugas sebagai guru. Guru agama di Ladang Alaf Jalan Kulai Kota Tinggi Johor [sic, Sekolah Agama Ladang Alaf YPJ Kota Tinggi Johor]. Jadi, *alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah] isteri saya pun boleh menulis khat.

**NHK: (Ketawa kecil)**

JMM: *Alhamdulillah* [Segala pujian bagi Allah]. Minat dengan khat. (Ketawa kecil)

**SMA: Oh, patutlah serasi**

JMM: _ _ (tersenyum)

**SMA: Berkongsi hobi.**

JMM: Ya berkongsi hobi. Kami pernah banyak kalilah kalau ada pertandingan seni khat satu keluarga masuk bertanding.

**SMA: (Ketawa)**

**NHK: (Berasa kagum)**

JMM: Macam tu. Kalau menang semuanya menang semua dapat hadiah *alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah] (ketawa).

**SMA: Wah, menarik (ketawa).**

JMM: Memang bila ada pertandingan kita orang pergilah sama-sama. Satu *family* [keluarga] masa _ lah.

**NHK: (Ketawa kecil)**

JMM: Semua minat jadi semua duduk pun dekat-dekat kan ambik gambar semua (sambil ketawa)

**SMA & NHK: (Ketawa)**

JMM: Bila ambik hadiah tu masing-masing ambik hadiah jadi tak-- iri hatilah kan

**SMA: Oh.**

JMM: semuanya ada tempat _. (ketawa dan menggosok matanya)

**NHK: (Gangguan teknikal)**

JMM: Baik.

**NHK: (Gangguan teknikal)**

JMM: Baik.

**NHK: (Gangguan teknikal)**

JMM: Okey, saya mendirikan rumah tangga bersama isteri saya daripada tahun 1996-- sehinggalah hari ni lah. Anak sulung saya [Nurul Juzailah binti Jalaluddin] pun dah bekerja kan anak kedua saya [Nureen Jazmina binti Jalaluddin] sedang menuntutlah di Universiti al-Azhar Mesir [Universiti terkenal di Republik Arab Mesir]

**SMA: Oh.**

**NHK: (Berasa kagum)**

JMM: anak ketiga saya--[Muhammad Zakwan Bin Jalaluddin] sedang dalam proses untuk sambung belajar juga di Mesir [Republik Arab Mesir] *insya-Allah* [jika diizinkan Allah] dah dapat _

**SMA: Insya-Allah [Jika diizinkan Allah]**

JMM: *Insya-Allah* [Jika diizinkan Allah] lah bulan sembilan [September] kalau tak apa aral dia akan pergi ke Mesir [Republik Arab Mesir] lah. Kemudian anak kelima saya dah tiada dia dah meninggal dunia. Anak keempat [Siti Nurasfani Jannah binti Jalaluddin] anak kelima baru darjah enam. Jadi tulah sorang ada dekat rumah (ketawa) buat teman. Okey.

**SMA & NHK: (Senyum dan terdiam sejenak)**

JMM: Okey, ada lagi?

**SMA: Boleh kami tau tak macam mana ustaz mendidik anak-anak ustaz dalam warisan seni khat ni jugak macam adakah ustaz melakukan benda yang sama macam ibu ustaz lakukan?**

JMM: Okey, jadi *alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah] lah mula-- saya memang tak ajar anak saya secara formal. Daripada kecik lagi anak saya dah nampak saya menulis khat. Saya terima banyak

**NHK: (Menganggukkan kepala)**

JMM: tempahan dan saya takde bengkel takde kedai *so* [jadi] kite buat dekat rumah. Habis dinding dekat rumah saya tampal dengan kain tulis lepas tu cat. Waktu tu takde *machine printing* [mesin pencetak] macam sekarang ni kan. Jadi kalau tulis *banner* [sepanduk] tu pada kain tulis pakai kapur letak dekat dinding kita cat. Jadi anak saya ni daripada kecik nampak saya buat khat ni daripada kecil lagi. Tiba-tiba dia dipilih oleh guru dia untuk mewakili sekolah ke pertandingan terutama anak saya yang sulung [Nurul Juzailah binti Jalaluddin] yang nombor dua [Nureen Jazmina binti Jalaluddin] nombor tiga [Muhammad Zakwan Bin Jalaluddin] yang nombor empat [Siti Nurasfani Jannah binti Jalaluddin] semua macam tu. Jadi cikgu pilih dia-- [Nurul Juzailah Binti Jalaluddin] balik rumah dia [Nurul Juzailah Binti Jalaluddin] _ dekat saya. "Ayah, kakak kena wakil sekolah ni kan seni khat."

**SMA & NHK: (Ketawa)**

JMM: (Sambil ketawa) Saya kata "Engko boleh tulis khat ke?" saya kata kan. Saya tak pernah ajar

**SMA: Oh.**

JMM: dia cuma dia tau saya _ _ hari-hari dia nampak saya menulis kan? Jadi "Ko boleh tulis khat ke?" Saya kata kan. Saya kata "Cuba tulis." Saya kata kan. Dia pon cuba. Saya tengok bila dia cuba "Eh, oh ada bakat rupanya budak ni." Baru saya ajar dia.

**SMA: Oh.**

JMM: _ anak nombor dua [Nureen Jazmina Binti Jalaluddin] begitu juga anak saya nombor tiga [Muhammad Zakwan Bin Jalaluddin] darjah satu _ _. Yang nombor tiga [Muhammad Zakwan Bin Jalaluddin] tu darjah satu dah masuk bertanding dah yang nombor ti-- yang—sulung [Nurul Juzailah Binti Jalaluddin] tu darjah tiga baru-- cikgu dia pilih dia [Nurul Juzailah Binti Jalaluddin] bertanding yang nombor dua [Nureen Jazmina Binti Jalaluddin] pun begitu juga darjah tiga cikgu pilih dia untuk bertanding tapi yang nombor tiga [Muhammad Zakwan Bin Jalaluddin] ni lelaki daripada darjah satu lagi nama dia 'Muhammad Zakwan' *alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah]. Dia kidal dia tangan kiri tapi cikgu pilih dia untuk wakil sekolah bertanding sekolah agama lah masa tu

sekolah kebangsaan masa tu takde pertandingan seni khat lagi jadi di sekolah ugama saya tanya "Betul ke boleh tulis khat ni kan?" saya kata "Cuba tulis." Dia tangan kidal tangan kiri-- tulis bayanglah kita tangan kanan dia tangan kiri jadi memang masaalah lah kan? Jadi bila dia tulis tu "Eh, adalah bentuk-bentuk tu kan." Baru saya ajar anak-anak saya tulis khat. Itu daripada darjah satu, darjah dua tiga saya dah ajar dia [Muhammad Zakwan Bin Jalaluddin] cara memegang pen dengan betul, cara menulis dengan betul kan. Kalau ada pertandingan saya bawa dia bertanding sekali kan.

**SMA: Oh.**

JMM: Kalau ada pameran saya bawa dia _ pameran sekali ya saya buat demonstrasi dia duduk sebelah _ _ _ sampaikan bagi dia pen "Kau tulislah apa-apa ayat kan

**SMA: (Ketawa kecil)**

JMM: 'Bismillah' ke apa _ orang tengok, eh budak ni _ _ _ ." *Alhamdulillah* [Segala pujian bagi Allah] waktu tu darjah satu, darjah dua tengok saya lah pameran seni khat mana-mana kan. Tangan kidal kan sampaikan orang bagi dia duit singgitlah [Ringgit Malaysia], dua ringgitlah [Ringgit Malaysia] (ketawa).

**SMA: (Ketawa kecil)**

**NHK: (Menganggukan kepala)**

JMM: *So* [Jadi], minat-- dia makin—mendalam mendalamlah. "Oh, tulis khat cantik boleh dapat duit kan." Jadi daripada situlah saya bagi motivasi dekat dia belajarlah khat ni ianya satu kemahiran yang bukan orang lain semua dapat kan semua orang boleh tulis jawi tapi tak semua orang boleh tulis khat. Itu—

JMM: (Terkeluar dari *Google Meet*)

**NHK: (Ketawa)**

**SMA: Betul.**

**SMA: Terkeluar.**

**NHK: (Gangguan teknikal)**

**SMA: Tak yah nanti tulis gangguan.**

**SMA: Okey.**

JMM: Minta maaf ada gangguan.

**SMA: Takpe. (sambil ketawa)**

**NHK: (Ketawa)**

JMM: _ _ tadi terputus. Boleh eh.

**SMA: Kami faham.**

JMM: Ada *call* [panggilan] masuk tadi tapi dah terputus. Okey, jadi macam tu lah bila saya ajar dia dan dia berminat akhirnya dia dapat kuasai seni khat masuk pertandingan sampai peringkat kebangsaanlah daripada daerah

**SMA: Wah.**

JMM: kemudian _ lah zon lepas tu ke daerah

**SMA: Daerah**

JMM: ke negeri ke kebangsaan. Jadi *alhamdulillah* [Segala pujian bagi Allah] semua anak saya sampai ke kebangsaanlah. *So* [Jadi], minat dia mendalam kan. Dia pun boleh menulis dengan baik terutama anak saya yang lakilah 'Muhammad Zakwan' dia memang-- walaupun dia tangan kiri _ tapi dia boleh tulis dengan baik. *Alhamdulillah* [Segala pujian bagi Allah].

**NHK: (Gangguan teknikal)**

JMM: Baik. Sebenarnya budak-budak ni pun ikut *mood* [perasaan] juga kan ikut *mood* [perasaan] lah budak zaman sekarang ni kita tak boleh paksa, (ketawa)

**NHK: (Ketawa)**

JMM: kalau kita paksa macam saya dulu mak saya dulu paksa kan paksa tulis kan kalau tak--boleh main kan. Budak sekarang kita paksa dia, dia *bad mood* [perasaan buruk] terus dia tinggallah jadi saya tengok *mood* [perasaan] dia. Kalau *mood* [perasaan] dia bagus baik kadang-kadang sampai satu jam, dua jam boleh menulis. Kita pujilah. Walaupun kadang-kadang dia tulis-- contohlah dia tulis 'Bismillah' kan *Ba-Sin-Mim* huruf *Mim* tu tak berapa nak jadi sangatkan contohnya kan. Kita pujilah dia. "Oh bagus, cantik tulisan kamu *Mim* ni dah cantik ni tinggal macam ni, ni silap sikit. Betulkan." Macam tulah. Bila kita bagi dia [Muhammad Zakwan bin Jalaluddin] motivasilah pujian dan sebagainya. Saya tak pernah kutuk tulisan anak saya (sambil ketawa) tak jadi saya kata okey, cantik

**SMA & NHK: (Ketawa)**

JMM: bagus kan. Puji macam tulah akhirnya dia bersemangat. Waktu dia sekolah menengah sampai dia ambil upah nama ustaz-ustaz dia, nama cikgu-cikgu dia, nama kawan-kawan dia sampai dia kumpul duit

**SMA: Wah.**

JMM: kan (sambil ketawa kecil) boleh beli *handphone* [telefon bimbit] jadi

**SMA: Dia ambil upah tu maknanya orang yang suruh dia tulis *or* [atau] dia yang--**

JMM: Ya, orang suruh dia tulis

**SMA: Oh.**

JMM: _ _ _ tulislah dia tulis *ayat Kursi* [al-Kursi], surah-surah pendeklah, *selawat Nabi* [Muhammad S.A.W] lah, nama-nama orang jadi orang bagi dialah. Jadi dia semangatlah tu yang dia makin menjadi-jadi.

**SMA: Makin bergiat**

JMM: Jadi-- saya latih dia tu sejam, dua jam tak kisahlah mana-mana pun dia latih-- jadi

**SMA: Sebab minat dah ada dalam diri dia.**

JMM: Minat tu dah ada. Ya. Latihan khat ni kena selalu dia tak boleh sebulan sekali ke, dua bulan sekali tak boleh.

**SMA: Betul ustaz betul.**

**NHK: (Ketawa)**

JMM: Kalau-- ikut—guru saya [Mohd Khalid Bin Arsad] satu hari dua jam kena latih tulis (menunjukan dua jari). Tu wajib

**SMA: Wah.**

JMM: satu hari dua jam. Kalau kita dapat satu dua jam tu kira *power* [bagus] lah *insya-Allah* [jika diizinkan Allah] (ketawa). Kan. Jadi kalau misal kata tak dapat daripada satu jam dapat satu jam pun okey. Jadi saya pesan dengan anak saya dia [Muhammad Zakwan Bin Jalaluddin] _ _ kan sekolah dia [Muhammad Zakwan Bin Jalaluddin] asrama semua sekolah asrama habis darjah enam masuk asrama jadi asrama tu memang kita bekalkan dengan khat, qalam [pen] khat. Saya pesan dekat dia orang [Nurul Jazilah Binti Jalaluddin, Nureen Jazmina Binti Jalaluddin dan Muhammad Zakwan Bin Jalaluddin] "Sementara cikgu belum masuk ko tulis khat, latih-- cikgu tak masuk kelas latih--." Tu yang kawan-kawan dia [Nurul Jazilah Binti Jalaluddin, Nureen Jazmina Binti Jalaluddin dan Muhammad Zakwan Bin Jalaluddin] nampak tu. "Oh cantik." akhirnya wakil sekolah sampai kebangsaanlah. Kan. Jadi gunakan masa yang terluang tu kan. Jadi, oleh kerana tu dia [Nurul Jazilah Binti Jalaluddin, Nureen Jazmina Binti Jalaluddin dan Muhammad Zakwan Bin Jalaluddin] akhirnya dia [Nurul Jazilah Binti Jalaluddin, Nureen Jazmina Binti Jalaluddin dan Muhammad Zakwan Bin Jalaluddin] minatlah dengan khat ni. Macam tu, kan.

**NHK: (Gangguan teknikal)**

JMM: Ya.

**NHK: (Gangguan teknikal)**

JMM: *Alhamdulillah* [Segala pujian bagi Allah]. Ya. Betul-- (tersenyum).

**NHK: (Gangguan teknikal)**

JMM: Sampai cikgu-cikgu dia [Muhammad Zakwan Bin Jalaluddin] suruh tulislah dekat dinding sekolahlah, dekat mana-mana tempat ruang-ruang kosong tulislah khat. Dia kawan-kawan dia tolonglah cat ke apa kan. Kalau ada *Maulidurrasul* kan tulis pada *banner* [sepanduk], kain *bunting* [kain rentang] _ dialah yang tukang tulis (ketawa). *Alhamdulillah* [Segala pujian bagi Allah] lah. Tu dia.

**SMA: Sebab _**

**NHK: (Gangguan teknikal)**

JMM: (Berkerut) Okey. Kos ni memang kalau sekarang ni memang, memang agak tinggilah sebab setiap pen khat tu dia-- nengok jenis-- kayu--. Kalau qalam [pen] tu daripada buluh dia murahlah kalau qalam [pen] tu daripada _ dia mahal sikit. Kalau qalam [pen] tu daripada tanduk pun mahal juga. Tengok qalam [pen] yang kita beli. Biasanya kita beli akan-- kita akan beli satu set. Satu set tu maknanya dia-- ada-- banyak-- mata-- (sambil menunjukkan jarinya seperti mata). Mata kecik nombor tiga, nombor lima kemudian nombor lapan, nombor sebelas, nombor lima belas, nombor lapan belas _ nombor dua puluh. Mata dia makin-- besar--. Jadi kalau satu set tu memang harga

**NHK: (Ketawa)**

JMM: dia memang beratuslah.

**SMA: Wah.**

JMM: Sekarang ni kalau kita tengok memang harga dia satu set tu seratus lebih [Ringgit Malaysia], 180 [Ringgit Malaysia], 190 [Ringgit Malaysia] tapi banyak-- qalam [pen]. Tu baru qalam [pen] sahaja, belum lagi dakwatnya lagi, belum kertasnya. Jadi kosnya memang agak tinggi. Kalau kita nak buat sendiri boleh kos paling murah kita buat sendiri kita carilah batang resam [sejenis tumbuhan] dekat tepi jalan ke, dalam kebun ke, kita raut

**SMA: Raut**

JMM: qalam [pen] tu sehingga dia jadi pen itu murahlah *free* [percuma].

**SMA: (Ketawa kecil)**

JMM: Tapi yalah tapi kita buat sendirilah kan daripada buluh, boleh. Daripada buluh kita raut buluh tu jadi mata qalam [pen] lepas tu kita celuplah (gangguan bunyi) dakwat celup. Jadi bila mata tu dah rosak kita raut lagi kan. Kita kena jagalah jangan sampai pecah, jangan sampai dia terjatuh dan sebagainya kan sebab di luar sana kalau kita nak beli secara *online* [atas talian] pelbagai jenis qalam [pen]. Daripada Turki [Republik Turki], daripada Mesir [Republik Arab Mesir], daripada negara-negara lain, daripada Indonesia [Republik Indonesia] pun ada. Jadi qalam [pen] ni memang banyak-- jenis dan harga dia pelbagai.

**SMA: Oh.**

JMM: Kalau nak paling murah kita beli dekat kedai contohnya macam qalam [pen] ni lah (sambil menunjukkan pen khatnya) yang ada jual dekat kedai macam ni lah.

**SMA: Empat ringgit setengah [Ringgit Malaysia].**

JMM: Ni murahlah.

**SMA: (Mengiyakan)**

JMM: Kaligrafi pen kan jenama 'Artline' dia tulis dekat situ *qalamun khat arabi* [pen khat arab]. Dia ada saiz nombor satu, nombor dua, nombor tiga yang ni nombor tiga-- dia besar. Ni murahlah tapi masaalahnya mata dia cepat bulat.

**SMA: (Mengiyakan)**

JMM: Bila kita menulis kita tekan dia, dia cepat rosak. Sayanglah kalau dakwat dia masih ada tapi matanya dah rosak tak boleh pakai dah. Jadi, rugilah dekat situ. Jadi, dapat beli yang qalam [pen] mata besi ataupun tu lebih baik lagilah kan (memandang ke arah lain) dia tahan lama.

**NHK: (Gangguan teknikal)**

JMM: Ada-- (ketawa).

**SMA & NHK: (Ketawa)**

JMM: Bu- bukan tengah bosan taklah kan (sambil ketawa). --_ kan.

JMM: Tapi oleh kerana sekarang ni yalah PKP kan, PKP semua murid belajar PDR [sic, PdPR] dekat sekolah ni takde orang kan. Yang ada saya dengan kerani je (memandang ke arah lain) berdua kan. Kerani pun duduk dekat pejabat dia, dia dekat ruang dia kan. Jadi kekadang ada tempahan-tempahan khat tu memang _ _ _ _ saya akan buatlah. Contoh antaranya ni lah yang saya baru siapkan. Ini contoh (sambil menunjukkan hasil khatnya).

**NHK: (Ketawa)**

JMM: (Gangguan Internet)

**SMA: (Gangguan Internet)**

JMM: (Gangguan Internet)

**SMA: Kemas je macam fotostat.**

JMM: Contohnya adalah contoh (ketawa kecil) apa, antara caralah kita sebenarnya bila kita menulis ni dia banyak cara kan ini pun antara contoh lain, ayat lain (sambil menunjukkan hasil khatnya yang lain).

**SMA: Oh.**

JMM: Jadi ayat ni saya buat untuk pelajar saya yang akan masuk pertandingan. Ni ayat-ayat pertandingan ni.

**SMA: Oh.**

JMM: KPM bagi latihan kan. *So* [Jadi] saya buat, saya tulis pada kertas. Lepas tu kita fotostat bagi pada anak-anak murid kitalah. Anak murid kita dia akan _ ayat sampailah

cantik. Kan. (Gangguan Internet) Kaedah saya latih diaorang kan _ _ akan masuk pertandingan seni khat _ _ ni. *Online* [Atas talian]--. _ bagi latihan awallah daripada diaorang ni tak sekolah kan duduk rumah PdPR kan _. Macam tu lah.

**SMA: Betul.**

**NHK: (Gangguan teknikal)**

JMM: Ya, saya memang-- saya masuk SRAB ni, dia orang (sambil memandang ke arah lain)-- SRAB ni dah, dah lama dah takde guru besar sebab guru besarnya dah berpindah. Asalnya guru besarnya [Adnan bin Bahari], pencen ,lepas tu masuk guru besar daripada Kluang [Johor] dia [Rositah binti Othman] tak lama tiga bulan lepas tu dia [Rositah binti Othman] pindah Kluang [Johor] jadi kosong lama jadi bila cikgu-cikgu ni tahu cikgu-cikgu ni kenal dah saya dah walaupun saya tak-- pernah mengajar SRAB tapi dia orang dah kenal saya memang boleh tulis khat dan sebagainya kan. Jadi bila dia orang tahu saya nak masuk SRAB ni dia orang suka lah kan.

**SMA & NHK: (Tersenyum)**

JMM: Jadi bila saya masuk SRAB ni dia orang terus hulur je lah (sambil tersenyum) "Ustaz, boleh tak tolong latihkan budak untuk pertandingan khat ." Saya kata "Boleh aje." Saya kata kan. Sehinggakan akhirnya saya dapat wujudkan kelas seni khat untuk guru-guru yang berminat dengan anak-anak dia orang.

**NHK: (Menganggukkan kepala)**

JMM: Saya bukalah kelas dekat SRAB ni (sambil menggaru mukanya).

**SMA: Oh.**

JMM: Belum-- setahun lagi saya dekat SRAB ni bulan enam [Jun]

**SMA: Secara--**

JMM: tahun lepas saya baru masuk _ _

**SMA: Secara percuma ke bayaran ustaz?**

JMM: Percuma. Secara percuma.

**SMA: Percuma.**

JMM: Saya bagi percuma kepada cikgu-cikgu saya dan juga anak-anak dia orang yang sekolah dekat sini. Jadi, *alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah] dapat juga dia orang belajar khat. Dia orang kata memang tahu khat tapi tak pernah belajar jadi bila _ _ kaedah yang tepat yang betul dia orang rasa terujalah. *Alhamdulillah* [Segala pujian bagi Allah]. Dan anak murid saya [Muhd Nur Azri bin Jamari] yang lepas saya masuk bulan enam [Jun] kemudian bulan tujuh [Julai], bulan lapan [Ogos] dah hantar pertandingan terus menang peringkat zon, daerah

**SMA & NHK: (Berasa kagum)**

JMM: negeri dia [Muhd Nur Azri bin Jamari] tak dapat sebab dia [Muhd Nur Azri bin Jamari] dapat naib johan.

**SMA: Wah.**

JMM: Latih selama dua minggu terus sampai ke peringkat negeri _ sampai ke negeri memang _ _ daerah ke negeri

**SMA: Hebat anak murid ustaz (ketawa)**

JMM: Jadi dua minggu je latih bayangkan. Tu baru dua minggu tu (ketawa). Tapi dia [Muhd Nur Azri bin Jamari] memang minatlah budak tu memang minat kan jenis taat duduk je kan latih je kan. Jadi akhirnya dia dapatlah kan. Tapi nak cari orang yang betul-betul minat ni susah sebenarnya kan.

**SMA: (Mengiyakan)**

JMM: Kalau jenis yang minat dia tekun dia tak putus asa *insya-Allah* [jika diizinkan Allah] dia boleh kuasai sebab khat ni ada kaedah dia (menganggukan kepalanya). Kita tulis contohlah kita tulis huruf-- *Wau* contohnya kan kita tulis tu _ _ _ _ _ mana-mana

huruf *Wau* kita tulis mesti akan sama kan. Sebab dalam ayat tu mungkin ada tiga atau empat huruf *Wau*. Betul tak?

**SMA & NHK : (Menganggukkan kepala)**

JMM: *So* [Jadi] mesti akan sama kalau kita tahu kaedah dia. Tapi kalau kita tak-- tahu kaedah tu yang *Wau* kekadang terpendek, tergemuk terpanjang.

**SMA & NHK: (Ketawa)**

**SMA: Betul.**

JMM: Ada, contohlah dalam satu ayat tu dalam satu ayat ada lima *Wau* semuanya lain-lain *Wau* nya. Ada yang terpendek, ada yang terpanjang ada yang tergemuk. Jadi maknanya tak betullah kaedah tu.

**SMA & NHK: (Ketawa)**

JMM: Tapi kalau dia betul kaedah tu *insya-Allah* [jika diizinkan Allah] *Wau* tu akan sama saja. Tu yang akhirnya tulisan kita semakin cantik sebab dalam ayat tu ada banyak huruf kan. Contohnya kan huruf *Alif* ada banyak huruf *Alif* dalam ayat. Jadi kalau dia latih *Alif* tu betul-betul *so* [jadi] *insya-Allah* [jika diizinkan Allah] *Alif* tu akan sangat *smooth* [licin]. Tapi kalau dia tak latih dengan betul tu yang *Alif* nya terpanjang, terpendek, terlebih, tersen- tersendeng dan sebagainya.

**SMA & NHK: (Ketawa)**

JMM: Macam-macam ada lagi kan. Begitulah kaedahnya. Yang penting budak tu mesti kuasai huruf dululah. Bila kuasai huruf dengan baik *insya-Allah* [jika diizinkan Allah] jadi bila dia sambung tu nanti dia akan tahulah kaedah yang paling tepat sebab bila huruf bersambung ni dia macam-- bentuk boleh buat kan. *Ba* dengan *Wau* , *Jim*, *Nun* dengan *Jim* macam-- bentuk boleh buat. *Nun* dekat atas, *Nun* dekat sebelah macam-- lah. *Jim* tu bulat ke apa ke tu kaedah menyambung pula dia kena belajar kan. Tapi yang penting minatlah. Kalau minat *insya-Allah* [jika diizinkan Allah]. Minat, tekun kan. _ _ yang

cukup kemudian ada yang mengajarnya kan. Yang mengajar pun dia boleh tunjukkan *skill* [kemahiran] yang betul *insya-Allah* [jika diizinkan Allah].

**SMA: Insya-Allah [jika diizinkan Allah]**

JMM: Tapi kalau dia buat jadi, dia sukalah.

**SMA & NHK: (Ketawa)**

JMM: Tapi kalau buat-- tak-- jadi-- atau buat menjadi-jadi atau jadi-jadian (ketawa). Akhirnya dia tinggalkan lah. Begitulah kaedahnya tapi kalau dia buat jadi "Eh." Dia akan seronok. Buat jadi dia seronok. Itu yang--

**SMA: Itu yang dia nak buat lagi dan lagi.**

JMM: Ya betul. Lepas tu kalau kawan dia buat "Cantik." Dia sukalah kan.

**SMA: Dia suka dapat pujian.**

JMM: Tulis nama contohnya. Betul. Saya ingat masa saya mula-mula bekerja sebagai guru dulu kan. Jadi saya tulislah dekat persediaan mengajar saya [sic, Buku Persediaan Mengajar untuk guru-guru] dengan khat, kan.

**SMA: Wah.**

JMM: Misal kata ada cuti sekolah. Contohnya lah contoh 'Cuti Sekolah Sempena Hari Raya' (menggerakkan tangannya seperti menulis) saya akan tulislah dengan khat. 'Cuti Sekolah Sempena Aidilfitri' contohnya, kan. Jadi bila saya tulis dengan khat dekat buku persediaan mengajar [sic, Buku Persediaan Mengajar untuk guru-guru] kita penuhlah buku persediaan mengajar [sic, Buku Persediaan Mengajar untuk guru-guru] dengan tulisan-tulisan khat. Jadi bila ada pemantauan daripada penyelia PPD datang dia tengok buku kita dia teruja, kan.

**SMA & NHK: (Ketawa)**

JMM: (sambil tersenyum) Dia nengok buku "Wah, cantiknya. Ni-- khat-- apa-- " Dia tanya khat je,

**SMA: Lawa**

JMM: dia tak tanya pun apa yang kita tulis _.

**SMA & NHK: (Ketawa)**

JMM: Itulah antara satu tarikan juga lah kan. Jadi, contohlah contoh bila kita-- maknanya (bangun dan mengambil Buku Persediaan Mengajarnya) orang tengok tu "Cantiknya tulisan ni kan." Kan. Orang lain tulis biasa je. (duduk semula) Sampai sekarang ni saya masih menulis lagi dengan khat dalam Buku Persediaan Mengajar saya walaupun saya guru besar, tapi saya tetap mengajar juga. Sebagai contoh saya tulis macam ni lah (sambil menyelak-nyelak helaian bukunya). Saya tunjuk. Contohnya kalau ada-- _ sekolah kan.

**SMA: Nampaklah kreatif buku [Buku Persediaan Mengajar untuk guru-guru] tu.**

JMM: (Menunjukkan hasil khatnya)

**NHK: (Terkejut)**

**SMA: Wah.**

JMM: Kan. Minggu-- ke berapa tu kan.

**SMA: Kesepuluh**

JMM: Minggu-- kesepuluh--. *So* [Jadi], saya tulislah dengan khat, contohnya kan (sambil meletakkan bukunya).

**SMA: (Ketawa) Rajinnya ustaz.**

JMM: (Menunjukkan helaian buku yang lain sambil ketawa) Macam ni kan. 'Cuti Sempena Keputeraan Sultan Johor' kan. Tulis khat.

**SMA: Cantik.**

JMM: Kan. Jadi bila menunggu, cikgu-cikgu kita nengok pun "Wow, hebatnya kan."

**NHK: (Terkejut)**

JMM: Dia akan minatlah dengan khat akhirnya nanti insya-Allah [jija diizinkan Allah] (sambil membuka helaian bukunya). Tapi tengoklah, kan. Penuhlah dalam buku saya ni (sambil menunjukkan hasil khatnya) macam-- lah, kan. Jadi kalau ada cuti ke, apa ke, minggu ke berapa ke, minggu ke sebelas, tulis khat cantik-cantik.

**SMA & NHK: (Ketawa)**

JMM: Jadi, _ paling tak pun kemahiran kita tu tak kan hilanglah, betul tak?

**SMA: Betul.**

JMM: (Sambil melihat dan menunjukkan hasil seni khatnya) 'Cuti Sempena Awal Ramadan' contohnya kan. 'Cuti Sempena Awal Ramadan al-Kareem' tulislah, kan. Ada orang dia tampal je kan. Kan. Tapi saya memang dari dulu, daripada saya mula-mula jadi cikgu sampailah hari ni saya akan tulis supaya-- kita-- tak hilanglah kepakaran yang kita ada tu kan. Ni contohlah antara contoh, kan. Jadi kalau kita minat suatu benda tu kita buat dengan bersungguh-sungguh *insya-Allah* [jika diizinkan Allah] lah dapatlah manfaat dia kan. Jadi menjadi cabaranlah kepada rakan-rakan cikgu saya (ketawa kecil).

**SMA: Dia macam**

JMM: Kan.

**SMA: Dia macam jadi macam ustaz macam boleh *promote* [mempromosikan] apa? Boleh ajak orang suka tengok tulisan khat tu.**

JMM: Betul. Ya. Kita bukan menulis di dinding-dinding, di *banner-banner* [sepanduk-sepanduk], di *bunting-bunting* [kain-kain rentang], kita tulis dekat mana-mana sahaja dekat buku kan. Kalau macam anak saya [Muhammad Zakwan Bin Jalaluddin], (sambil menggerak-gerakkan tangannya) anak saya yang laki tu [Muhammad Zakwan Bin Jalaluddin] dia ada buku-- *sketch* [lakar]--. Anak saya yang laki tu [Muhammad Zakwan

bin Jalaluddin] dia kidal, dia bukan tulis khat saja (sambil menunjukkan jarinya seperti memegang pensel) tapi dia boleh melukis.

**SMA: Wah.**

**NHK: (Terkejut)**

JMM: Dia agak kreatif. Dia boleh melukis. Dia lukis potret lukis apa-apalah. Bawah tu dia tulis khat. Dia banyak terima tempahan lukis potret keluarga, lepas tu bawah tu tulis khat nama keluarga dia. Jadi orang tertarik dengan dia. Itu kelebihan dia. Macam saya kalau lukis memang tak retilah, kan. Agak kalau suruh lukis gambar orang jadi muka monyet nanti (ketawa).

**SMA & NHK: (Ketawa)**

JMM: Memang tak pandai tapi anak lelaki saya tu [Muhammad Zakwan Bin Jalaluddin] dia memang kreatif. Dia boleh melukis, dia boleh menulis khat dengan baik. *Alhamdulillah* [Segala pujian bagi Allah]. Jadi itu antara kelebihan dia lah, kan. Tu saya pesan dekat dia tu nanti bila sampai masa nanti belajar di sana pedalami lagi ilmu khat di Mesir [Republik Arab Mesir] sebab dekat _ _ banyak _ _ *khattat* [penulis-penulis khat] di sana kan sambil-- belajar tu boleh mendalami lagi ilmu khat di Mesir [Republik Arab Mesir]. Saya pesan dekat _ _ juga. *Insya-Allah* [Jika diizinkan Allah] lah mudah-mudahan. Doakan supaya _ _.

**SMA: Insya-Allah [Jika diizinkan Allah] boleh.**

**SMA: Okay _.**

**NHK: (Gangguan teknikal)**

JMM: Baik.

**NHK: (Gangguan teknikal)**

JMM: Okey memang adalah. Kalau dulu waktu saya sekolah, promosi melalui media ni takde lah kan. Waktu tu *handphone* [telefon bimbit] pun takde tapi bila ada *handphone*

[telefon bimbit] lagi pula *smartphone* [telefon pintar] yang canggih ni memang kita gunakan sebaiknya lah. Saya banyak letak dekat-- saya *up* [buat] dekat *status* saya sendiri kadang-kadang saya letak dekat *status* saya melalui *Whatsapp,* saya buat apa *group* [ ], buat *group* [ ]. Jadi kita boleh melalui *Whatsapp* , melalui *Telegram, IG* [sic, Instagram]. Di *IG* [sic, Instagram] saya pun saya letak juga lah macam-macam promosi tentang seni khat. Sekejap (sambil berdiri sebentar dan mengambil sesuatu). Kemudian daripada _ *alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah] ada sambutan sebagainya *alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah].

**SMA & NHK: (Terdiam sejenak)**

**SMA: Selain tu, ustaz ada mengadakan pameran tak menganjurkan pameran-pameran khat?**

JMM: Okey. Memang ada. Saya memang dah berminat untuk memanggil kami lah memanggil saya dan juga rakan-rakan yang lain untuk mengadakan

**SMA: Oh.**

JMM: demonstrasi dan pameran _. Memang ada. Kita ada banyak bahan untuk dipamerkan. Bahan kita memang ada. *So* [Jadi] biasanya kita akan buat pameran dan juga demonstrasi saya sertai _ _ _. Memang banyak memang adalah.

**SMA: Bermakna bukan ustaz seorang sahaja yang mengendalikan pameran tersebut ustaz bersama dengan rakan-rakan ustaz.**

JMM: Ya.

**SMA: _ _ persatuan.**

JMM: Kita ada Persatuan Seni Khat Johor [sic Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor]. Biasanya kita akan gunakan nama Persatuan Seni Khat Johor [sic, Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor] lah sebab kalau kita bersorang-sorang pun

**SMA: Oh.**

JMM: lepak juga tu nak angkat barang, nak menyusun dan sebagainya kan.

**SMA: Betul.**

JMM: Jadi kita ada *group* [kumpulan] ada rakan-rakan yang boleh dibantu dan mereka semua boleh menulis khat, mereka _ seni khat. Jadi, kalau ada pertanyaan daripada orang yang datang dalam pameran tu *so* [jadi] mereka boleh jawablah. Kita tak boleh letak sembarang orang nanti kan bila orang tanya "Ni ayat apa ni?" Terkebil-kebil nak jawab kalau tak pandai kan? Jadi kita kena cari memang rakan-rakan yang mahir khat untuk bantu kitalah. Biasanya macam tulah. Paling-- kurang pun dua-- atau tiga oranglah paling kurang. Kan? Nengok keluasan _ pameran tu. Kalau ruang pameran tu kecik, mungkin dua orang je cukup. Ruang tu besar mungkin sampai tiga empat orang. Tengok keadaanlah. Dan saya pernah menyertai pameran di Galeri-- Johor [Malaysia ]. Di galeri tu selama tiga bulan. Tiga bulan membuat pameran di Galeri Johor [sic, Galeri Seni Johor] saya sertai lah. Tapi dekat-dekat situ di Galeri Johor [Galeri Seni Johor] dia ada kurator dia sendiri kan, *so* [jadi] kita tak payah perlu ada dua puluh empat jam di sana kan. Tu je lah tapi lain-lain pameran biasanya dalam tiga hari, pameran dua hari

**SMA: Oh**

JMM: pameran tiga hari, biasalah. Di UTM Skudai [Johor] pun pernah saya sertai pameran sempena majlis konvokesyen, dia panggil kita untuk buat pameran dan demonstrasi dekat situ pun pernah dan banyak tempatlah sebenarnya. *NGO-NGO* [Non-Government Organization], lepas tu badan-badan kerajaan, di sekolah-sekolah pun panggil untuk buat kursus sambil tu buat pameran sekali. Biasanya sekolah-sekolah _ bila saya pergi kursus untuk murid tahun enam, saya buat pameranlah. Boleh lihat hasil tangan saya sambil belajar tu dia boleh nengoklah, maknanya bukan sekadar mengajar saja tapi kita boleh mengeluarkan hasil produk kita sendiri, kan. _ _ kekuatan yang ada jadi kita gunakan ruang tu kan. Mereka yang kita boleh buat kita boleh keluarkan produk. Akhirnya kita boleh dapat hasil titik peluh kita dengan-- menjual hasil-hasil seni yang kita _. Tu antara perkara yang memang setiap orang kena buat macam tu. Kalau dia

pandai khat tapi takde produk yang boleh dia keluarkan, dia belum-- berjaya lagilah. Dia kena ada produk yang dikeluarkan. Macam saya, saya lebih spesifik kepada penulisan khat kepada dalam pinggan.

**SMA: Dalam pinggan.**

JMM: *So* [jadi] makna kita nak tulis khat tu dalam pinggan kemudian kita *frame* [bingkai] kan, kan. Tak semua orang boleh buat khat dalam pinggan. Jadi dekat situ memang saya daripada tahun 1998 sehinggalah sekarang saya buat khat pada pinggan. Pinggan tu kita tulis, adalah kaedah dia kemudian kita *frame* [bingkai] kan. Banyaklah _ *alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah]

**NHK: (Gangguan teknikal)**

JMM: Ada lagi?

**NHK: (Gangguan teknikal)**

JMM: Baik. Sebenarnya saya memang dah lama terlibat dalam Persatuan Seni Khat [sic Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor]. Pada asalnya sebagai ahli biasa saja sejak-- tahun—1998. Tahun 1998 waktu tu saya menjadi ahli Persatuan Seni Khat. Mereka kenali saya tu adalah ada kawan-kawan dia tahu kita boleh khat. Waktu tu saya jadi hakim seni khat pertandingan MTQ, Majlis Tilawah Al-Quran [sic, Majlis Tadarus Al-Quran] di daerah, di negeri kan, di kebangsaan. Jadi bila kita jadi hakim orang kenal kita boleh tulis khat jadi hakim jadi diao rang tahu orang *suggest* [cadang] dekat kitalah. "Ustaz, bolehlah *join* [sertai] Persatuan Seni Khat Johor [sic Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor], kan. Persatuan Seni Khat Kebangsaan kan. Boleh kembangkan lagi ilmu dalam persatuan dan sebagainya." Itu yang saya *join* [sertai] tu. Jadi saya *join* [sertai]. Asalnya jadi ahli biasa sajalah dengan yuran sebanyak dua belas ringgit [Ringgit Malaysia] setahun. Waktu tu lah dua belas ringgit [Ringgit Malaysia]. Jadi saya mula terlibat dengan Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor tahun 1998 sebagai ahli biasa. Jadi dalam persatuan tu dia ada panggil kita untuk kursus, seminar. Kemudian persatuan ada menganjurkan pertandingan-pertandingan khat kita sertai. Kan, jadi dekat situ ahli persatuan kita semakin-- ramai-- jadi semakin bertambah.

Mereka akan mengenali kitalah, kan sebab bila pertandingan kita menang bertanding kita menang. Jadi semua kenal kita kan, betul tak? Jadi macam tulah kaedah dia sehingga akhirnya sekarang ni dah makin ramailah yang pandai khat ni, kan.

**SMA & NHK: (Ketawa)**

JMM: Kadang-kadang kita masuk bertanding pun kita kalah (sambil tersenyum), kan. Ada lagi-- hebat daripada kita pun ada kan sekarang ni. Kalau dulu asyik kita je yang menang kan tapi sekarang ni dah ramai makin lebih--hebat--. Jadi tok guru pun dah kalah sekarang ni ( ketawa).

**SMA & NHK: (Ketawa)**

JMM: Gitulah. _ akhirnya sampaikan bila-- kaedah macam kita pun tu yang dia orang lantik kita sebagai pengerusi di daerah kemudian akhirnya sekarang ni pulak dia orang dah kita, dia orang dah nampak kita ni otai-- orang lama dalam Persatuan Seni Khat [sic Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor] tu yang dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Persatuan Seni Khat Johor [sic Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor]. Tu yang saya baru dilantik sebenarnya ni kan sebagai Timbalan Pengerusi Persatuan Seni Khat Johor [sic Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor]. Jadi dekat situ memang sehingga ke hari nilah saya terlibat sejak tahun 1998 sampai ke hari ini saya dah jadi Timbalan Presiden Persatuan Seni Khat Negeri Johor [sic Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor] dan saya pun dah jadi ahli seni khat Persatuan Seni Johor [sic Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor] seumur hidup. Waktu tu yurannya (gangguan Internet) sekarang dah mahal jadi ahli Persatuan Seni Khat Johor [sic Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor] sekarang ni yurannya tiga ratus lima puluh ringgit [Ringgit Malaysia]. Waktu tu saya baru lima puluh. Jadi anak-anak saya, isteri saya semua saya jadikan ahli Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor waktu tu dengan yuran sebanyak seratus lima puluh [Ringgit Malaysia]. Jadi mereka semua ahli Persatuan Seni Khat Johor, ahli tetap. Jadi bila ahli tetap ni ada kelebihanlah kan. Kalau ada seminar, kursus, bengkel khat mereka akan panggil kitalah, Kalau ada mesyuarat agong nanti kita akan dapat a-apa macam orang kata duit minyak dan sebagainya dia bagi sebab kita ahli tetap, kan. Jadi tulah antara, tu yang saya takkan

biarkanlah Persatuan Seni Khat [sic Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor] ni berkubur begitu saja. *Alhamdulillah* [Segala pujian bagi Allah] melalui persatuan khat ni kita dapat lahirkan banyak penulis-penulis khat di negeri Johor dengan kerjasama Yayasan Warisan Johor. Yayasan Warisan Johor tiap tahun memberikan peruntukan beribu-ribu ringgit [Ringgit Malaysia] kepada Persatuan Seni Khat Johor [sic Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor] untuk mengadakan aktiviti, program dan sebagainya. Jadi dekat situ kita dapat lahirkan pelapis-pelapis ataupun penulis-penulis muda dan Johor ni memang dah ramai dah kita dapat lahirkan penulis-penulis muda yang berbakat, yang hebat, yang kadang-kadang kita ni pun (sambil tersenyum) dia boleh kalahkan kita (ketawa).

**NHK: (Ketawa)**

JMM: Tulisan lebih canggih, lebih cantik, lebih hebat lagi kan sebab ada antara mereka yang memang kerjanya *full-time* [sepenuh masa]--buat--khat--. Jadi bila *full-time* [sepenuh masa] ni tentulah masa dia banyak dengan khat ni, kan. Makan tidur khatlah. Macam orang minat bola kan.

**SMA: Betul.**

**NHK: (Tersenyum)**

JMM: Makan bola, minum bola, tidur bola semua bola kan. Macam tu juga. Orang yang *full-time* [sepenuh masa] ni begitu juga. Makan khat, minum khat, tidur pun khat, ngigau pun agaknya tulisan khat juga (ketawa).

**SMA & NHK : (Ketawa)**

JMM: Jadi memang-- akan cantik-- lagi tulisan dia. Macam saya ni bekerja sambil-sambil jelah kan. Ada *free* [masa lapang] tulis takde *free* [masa lapang] kita sibuk kerja tapi *Alhamdulillah* [Segala pujian bagi Allah] (sambil tersenyum) jugalah (gangguan Internet) pencen nanti kita *full-time* [sepenuh masa] lah kan dengan khat kan (sambil tersenyum) gitu jelah (ketawa). Baik, doakanlah insya-Allah [jika diizinkan Allah] mudah-mudahan.

**NHK: (Gangguan teknikal)**

**SMA: Insya-Allah [Jika diizinkan Allah].**

JMM: Okey. Untuk menyertai Persatuan Seni Khat [sic Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor] tak semestinya boleh menulis khat. Yang penting kita berminat dengan khat, boleh jadi ahli. Ada ramai antara rakan-rakan saya yang jadi ahli persatuan [sic Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor] ni dia asalnya memang tak minat khat, kan. Tapi dia cuma ingin tahu nak tahu khat tu apa jadi ahli. Bila kita anjurkan kursus, bengkel dia datang akhirnya minat, kan. Cuma makan masa lah nengok-- kekuatan diri masing-masinglah. Kalau dia betul-betul minat dengan khat ni dia akan latih sungguh-sungguh tiap-tiap hari *insya-Allah* [jika diizinkan Allah] cepatlah dia akan kuasai khat ni. Tapi kalau dia macam acuh tak acuh, seminggu sekali tulis khat, lambatlah nak kuasai khat ni. Begitu kaedah dia. Jadi siapa yang rajin, pagi-pagi menulis insya-Allah dia akan cepat kuasai khat. Kalau tak memang lambatlah sebab ada orang cepat ada orang lambat ikut kemahiran dan kemahuan diri sendiri, kan kepakaran yang dia ada pada diri. Dia minat ada peralatan yang cukup dan sebagainya. Jadi insya-Allah semua orang boleh kuasai khat ni dengan baik insya-Allah.

**SMA: Insya-Allah.**

**NHK: (Gangguan teknikal)**

JMM: Ya, betul. Bakat tu antara perkara yang terawal lah (ketawa kecil). Kalau takde bakat pun boleh insya-Allah kan tapi kalau ada bakat tu dia lebih lagilah. *Advanced* [Peringkat lebih atas] sikitlah kan. Bakat dia ada mungkin anugerahlah, anugerah Allah kan barangkali kita kata _. Bakat ni anugerah Allah kan.

**SMA: Betul.**

JMM: Tapi kalau bakat takde dia cuma minat, bakat takde tapi dia minat dia rajin-rajin pun lama-lama dia boleh kuasai _. Cuma dia kena lebih rajin lagilah sebab bakat takde kan. Bila orang ada bakat ni kita tunjuk sekali je dia boleh ikut terus. Tu kelebihan orang yang ada bakat ni. Kalau orang takde bakat kita tunjuk sepuluh kali pun tak jadi-jadi. Tapi dia minat dia latih-- akhirnya dia dapat juga. Akhirnya dia dapat. Bila dia dah dapat *skill* [kemahiran] tu rahsia-rahsia huruf tu dia dah tahu, mudahlah. Sebab setiap huruf ni

ada rahsia-rahsia dia. Macam mana nak tulis dengan betul. Huruf Alif contoh huruf Alif. Macam mana nak tulis huruf *Alif* dengan betul. Mesti ada rahsia dia. Begitu juga huruf *Ba*. Nak tulis huruf *Ba*, macam mana nak tulis huruf *Ba* dengan betul, mesti ada rahsia dia. Jadi rahsia dia tu ada bila dia berguru (ketawa kecil). Kalau dia tengok tulisan orang dia ikut, mungkin susahlah nak dapat. Kecuali kalau dia tekaplah kan. Kalau tekap tu memang betullah dia dapat kan. Tapi kalau nak ikut betul-betul kalau tak tau rahsia, payah. Kalau tau rahsia *insya-Allah* [jika diizinkan Allah] dia lebih mudah, gitu. Sebab tu kita kena berguru, berdepan dengan guru ni. Kalau belajar tanpa guru ni, takut sesat nanti. Tulis *Alif* daripada bawah ke atas.

**SMA & NHK: (Ketawa)**

JMM: Macam mana kan. Tulis huruf *Wau* daripada ekor, daripada ekor ke atas bulat. Payahlah, kan. Jadi, mesti ada cara dia. Nak mula daripada mana huruf *Wau*. Nak mula dari mana huruf *Wau* nak tulis. Huruf *Ba* nak-- tulis-- mula daripada mana daripada belakang ke daripada depan ke tengah ke tepi ke (ketawa). Tu kaedah, tu rahsia, rahsia tu ada pada guru. Jadi kita kena berguru, kalau tak berguru memang dapat ilmu tu tapi tak betul kadang-kadang takut silap, silap. Kenapa orang buat jadi kita buat tak jadi. Tu sebab tak berguru. Kalau dia berguru *insya-Allah* [jika diizinkan Allah], guru tunjuk macam mana dia akan ikut, dapatlah. Yang penting dia rajinlah tu je. Rajin. Apa pun kalau tak rajin tak jadi. Betul tak? Kalau buat,

**SMA: Betul.**

**SMA & NHK: (Ketawa)**

JMM: buat sekali terus jadi ke? Tak tentu.

**SMA: Tak.**

**NHK: (Menggelengkan kepala)**

JMM: Kan, buat kuih banyak kali baru jadi, betul tak?

**SMA: Betul.**

JMM: Buat kuih kali pertama, hitam.

**SMA & NHK: (Ketawa)**

JMM: Buat kuih kali kedua, keras. Kan. Buat kuih kali ketiga, lembik pulak atau tak sedap. Sepuluh kali buat baru jadi. Macam tu lah khat ni. Macam tu lah. Dua kali, tiga kali.

**SMA: Jadi jangan putus asalah.**

JMM: Belum tau lagi. Kan. Tak boleh putus asa. Betul. Tak boleh putus asa, kena rajin. Kalau dia minat tak tido ni.

**SMA & NHK: (Ketawa)**

JMM: _ je (sambil menggerakkan tangannya). Minat. Orang tak minat ni, waktu ada guru dia tulis takde guru dia tido (ketawa). Kan, dia tak minat dia cuma nak tau je kan (sambil mengerakkan tangannya). Cikgu ada rajin kan. Itu pun kekadang mengulo juga kan. Tapi kalau minat tak tido-tido. Kalau kursus kan kadang-kadang dah habis dah, dah pukul sepuluh ni, ceramah dah nak tutup ni kan, "Eh tak nak balik, kan." Tak nak balik bilik nak tulis lagi sampai dua belas malam, satu pagi. Boleh, tu minat kan. Kita dah tutup dah majlis kan sambung besok pagi sampai satu pagi dua pagi dia tulis. Tu minat, kan. Dia tak kira orang cakap apa pun, suruh makan pun tetap tulis juga. Tu lah. Sebab tu minat tu penting. Ya, macam tu. Kadang-kadang sampai-- ke bilik. Kita kursus dekat hotel kan. (Gangguan bunyi) takde duit kursus dekat sekolahlah lah kan (sambil menggerakkan jarinya). _ _ _ katil hotel pun sempat (gangguan bunyi). Bunyi bising pula. Ada lagi soalan?

**NHK: (Gangguan teknikal)**

JMM: Baik. Pengalaman paling manis saya ialah bila saya menang pertandingan seni khat anjuran Persatuan Seni Khat Johor [sic Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor] untuk ahli-ahli persatuan seni khat di Hotel Selesa, Johor Bharu. Jadi dalam pertandingan tu saya dapat johan, kemudian anak saya dapat johan kategori sekolah menengah—rendah [Nurul Juzailah Binti Jalaluddin], anak perempuan [Nureen Jazmina

Binti Jalaluddin] saya dapat naib johan kategori sekolah menengah. Anak saya [Muhammad Zakwan Bin Jalaluddin] yang nombor tiga pun dapat saguhati kategori sekolah rendah. *So* [Jadi], (gangguan bunyi) kami anak-beranak naik pentas _, bawak balik duit beribu ringgit [Ringgit Malaysia] masa tu. (Gangguan bunyi) Beribu ringgit [Ringgit Malaysia] dapat (sambil tersenyum). Dengan hadiah lagi. Itulah kenangan paling manis yang pernah kami _ lupakanlah. Bukan setakat saya saja menang tapi anak-anak saya semua menang (ketawa kecil). Itulah kenangan paling manis yang memang tak dapat dilupakanlah sebab ya lah benda tu kita tak sangka kan. Kita tulis lepas tu orang nilai tulisan kita, kita boleh menang bukan saya saja tapi anak-anak saya sekali sehingga mereka kenal lah keluarga saya ni keluarga khat (senyum) kan, gitulah (ketawa kecil).

**SMA: (Ketawa)**

JMM: Jadi kalau sekarang ni masing-masing dah besar dah—sekolah dah masuk universiti dah--takde lagi dah kenangan (ketawa). Kan masing-masing dah ada dah masing-masing kan. Tinggal soranglah yang dekat rumah ni yang darjah enam [Siti Nurasfani Jannah Binti Jalaluddin] (ketawa). Tinggal sorang.

**SMA: Okey. Kalau macam tadi kenangan manis, ada tak kenangan pahit pulak bagi ustaz dalam selama**

JMM: Ada-ada.

**SMA: selama dalam bidang warisan seni khat.**

JMM: Kenangan pahit saya dalam-- seni khat ni waktu tu saya masuk pertandingan seni khatlah. Kalau tak silap saya peringkat-- daerah--. Jadi kita dah tulis cantik-cantik, dah siap kan tiba-tiba meja kita dilanggar orang. Orang langgar meja kita. Jadi, waktu tu saya tengah menulis ni, orang langgar meja bergeraklah. _ tulisan tu terus terconteng. Aduh! Masa tu masa dah tinggal-- lima-- minit-- nak habis dah. Saya kata "Allah mak" Saya kata macam mana kan. Kita tulis celup (sambil mengerakkan pen khatnya), tulis celup dengan tulis pen lain tau. Tulis pen ni kalau tergarit kita boleh padam, *liquid paper* [pemadam cecair] ke, _ ke. Tapi kalau celup dengan dakwat-dakwat sekali terpecik (sambil menggerakkan tangannya). Itu masaalah.

**SMA: Betul.**

JMM: Kita _ "Alamak!" Dengan dakwat terconteng, tersebarlah satu muka surat tu dakwat. Saya kata kalau nak hantar macam tu macam mana. Nak buat balik memang takde masa. (Gangguan bunyi) Jadi itu antara perkara yang kenangan pahitlah, kan. Kekadang kita *eager* [bersemangat] nak menang kan, tapi akhirnya mungkin ada hikmah di sebalik tu. Allah tak nak bagi kita menang agaknya (ketawa). Jadi, kita pun tarik dirilah tak payah hantarlah. Tak payah hantar pasal dah terconteng kan dengan dakwat dengan apa tak. "Nanti kalau tu malu je." Saya kata, kan. Tu antara kenangan pahitlah. Waktu tu saya memang rasa macam geram macam nak marah pun ada kan, tapi dah nak _ macam mana kan. Orang dah terlanggar meja kita.

**SMA: Mungkin bukan rezeki ustaz dekat situ, rezeki ustaz dekat tempat lain.**

JMM: Ya, betul rezeki dekat tempat lain. Betul tu. Kena reda jelah, kan. Itulah antara antaralah kenangan pahit kan kenangan yang tak dapat dilupakan kan. Itu dalam pertandingan tu kita kena berhati-hati bila ada orang nak berjalan sebelah meja kita jangan sampai dia terlanggar meja kita sudah. Itu je (ketawa). Naye aku. Kita pun sama jugalah bila kita berjalan ke meja orang ni jangan terlanggar kan. Sian orang buat cantik-cantik kita langgar. Dah tak cantik, kan. Masaalah. Boleh jadi gaduh dalam tu (ketawa kecil).

**SMA: Betul.**

JMM: Okay.

**NHK: (Gangguan teknikal)**

JMM: Memang panjang, dah-- siap dah penuh satu kertas, kan. Dah siap kerawang apa dah siap, memang nak anto, kan. Jadi, dah takde rezeki nak buat macam mana. Termenunglah. Sedih kan. Itu je.

**SMA: Setiap pertandingan seni khat ni kan masa dia peruntukan memang dua jam kan ustaz? Selalunya.**

JMM: Dia tak semestinya lah, Nengok penganjur.

**SMA: Oh, ikut penganjur.**

NHK: Tapi kadang-kadang satu jam setengah (menunjukkan jarinya), ada yang dua jam, ada yang paling lama tiga jam. Tiga jam. Itu paling lamalah. Tapi *standard* [biasa] nya di sekolah kebangsaan ni, dua jam. Tapi kalau di sekolah kebangsaan di sekolah menengah dua jam. Ayat panjang.

**SMA: Ayat panjang.**

JMM: Ayat memang panjang. Saya pernah masuk pertandingan memang ayatnya panjang. Tiga jam.

**SMA: Ayat ambik dari ayat *Quran* atau *hadis* atau ayat biasa je ustaz?**

JMM: Ayat *Quran.*

**SMA: Ayat *Quran*.**

JMM: Ayat-- *Quran*--. Biasanya ayat *Quran.* Dia gini kalau pertandingan untuk di sekolah menengah, biasanya kita akan sediakan dua soalan untuk lelaki dan perempuan. Untuk perempuan kita sediakan soalan daripada *hadis* nabi. Manakala peserta lelaki ayat *Quran* sebab perempuan ni kita tak tahu (gangguan bunyi) mungkin barangkali waktu dia uzur ke apa ke takkan dia nak _ kan. Jadi di sekolah menengah kita memang sediakan _ dari *hadis nabi.* Jadi kalau dia uzur pun dia boleh tulis, kan. Tapi kalau peringkat kebangsaan, dia memang ayat *Quran.* Dia takde pilihan, kan. Kalau pertandingan *Khat Nasakh* ayat *Quran.* Kalau *Thuluth, Thuluth* saja tulis. Kalau *Riq'ah, Riq'ah* saja. Kalau *Diwani, Diwani* saja. Tapi di sekolah menengah sekarang ni pertandingan khat ni dia punya format dah berbeza. Dia campur satu-- hasil karya tu ada *Khat Nasakh*, ada *Khat Thuluth*, ada *Khat Riq'ah.* Tiga khat kena tulis. Sekarang ni lah. Tak macam dulu. Kalau dulu kategori khat nasakh lain, kategori *Khat Thuluth* lain, kategori *Khat Riqah* lain. Tapi sekarang ni dia campur. Ketiga-tiga khat pelajar kena kuasai. Dalam satu hasil karya tu mesti ada *Khat Nasakh, Khat Thuluth, Khat Riq'ah* sebab mereka belajar di sekolah ketiga-tiga khat tu. Tu sekarang ni lah,

**Sesi 2**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan sesi kedua mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang Warisan Seni Khat. Bersama-sama kami ialah Ustaz Jamaluddin bin Mispan @ Mislan yang merupakan seorang Guru Besar di Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Kota Tinggi, Johor. Rakaman ini dijalankan pada 20 Mei 2021 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 1:52 petang melalui penggunaan platform secara atas talian iaitu *Google Meet.* Temubual ini dikendalikan oleh Siti Maizatul Aisyah Binti Johari dan juga Nur Haliza Binti Kamat. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.**

**NHK: Okey ustaz, saya nak tanya. Tadi ustaz kata ada lapan jenis khat kan? Boleh tak ustaz terangkan satu-persatu khat ni?**

JMM: Okay, baik. *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Taa'la Wabarakatuh* [Selamat sejahtera ke atas kamu dan semoga rahmat Allah serta kerberkahan-Nya terlimpah kepada kalian] yang saya hormati Cik Nur Haliza dan Cik Siti Maizatul Aisyah. Terima kasih untuk sesi kedua ni. Jadi untuk seni khat ni sebagaimana kita maklum lah seni khat yang *muktabar*-- [terkenal] ni maknanya yang *popular* [terkenal] yang terkenal di seluruh dunia lah iaitu yang pertama *Khat Riq'ah,* yang kedua *Khat Nasakh,* yang ketiga *Khat Thuluth,* yang keempat *Khat Kufi,* yang kelima *Khat Diwani,* yang keenam *Khat Diwani Jali,* yang ketujuh *Khat Ijazah* dan yang kelapan *Khat Farisi.* Jadi lapan jenis khat ni jenis khat yang *muktabar* [terkenal] yang dikenali dan kebanyakkan orang menguasai kelapan-lapan jenis khat ini, manakala kalau kita lihat diluar sana ada pelbagai lagi jenis khat yang tak-- se-*popular* [terkenal] lapan ini lah, kalau kita tengok dalam komputer contohnya, banyak la beratus-ratus *font* [fon] arab-- yang-- membentukkan bentuk khat tetapi ianya tak *muktabar* [terkenal]. Jadi sekali lagi saya katakan lapan jenis khat ini dikenali dan *alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah] di Negara kita [Malaysia] banyak khat-khat ini diajar disekolah-

sekolah terutama bagi *Khat Riq'ah, Khat Nasakh* dan juga *Khat Thuluth.* Tu untuk makluman lah terima kasih, baik.

**NHK: Untuk setiap satu khat tu, ustaz amik masa berapa lama untuk belajar? Setiap khat.**

JMM: Untuk mempelajari seni khat ini, kita kene belajar daripada khat yang *basic* [asas] iaitu *Khat Riq'ah. Khat Riq'ah* ni khat paling ringkas, atau *Ruq'ah, Riq'ah* atau *Ruq'ah* disebut *Ruq'ah* pun betul, *Riq'ah* pun betul. *Khat Riq'ah* ni khat ringkas digunakan oleh penulis-penulis biasanya macam pemberita untuk mencatat laporan dan sebagainya dengan-- cepat itu *Khat Riq'ah.* Kemudian bila kita dah kuasai *Khat Riq'ah,* kita boleh menguasai atau mempelajari *Khat Nasakh. Khat Riq'ah* ni sebenarnya dia mudah, tapi kene ada ketajaman dari segi fokus lah sebab bentuk dia kecil dia tarik-- macam kepala huruf *sin* dia tak ada gigi, jadi kalau kita nak belajar *Khat Riq'ah* ni makan masa jugak lah sebenarnya kalau tengok kepada minat kita. Kalau kita minat yang mendalam mungkin dalam-- tempoh beberapa bulan kita boleh kuasai. Kemudian untuk *Khat Nasakh* ni iaitu tulisan biasa yang kita nampak dalam buku-buku dalam kitab-kitab dalam *Al-Quran,* itu kita namakan *Nasakh, Khat Nasakh* ni mudah dibaca, cantik dan kalau kita nak kuasai *Khat Nasakh* ni juga makan masa berbulan lah, sebulan dua bulan tu mungkin barangkali boleh sampai setahun dua tahun pun tak kuasai lagi. Jadi tengok kepada kemahiran yang kita ada, minat yang kita ada, kalau kita rajin cepatlah kita dapat. Kemudian, *Khat Thuluth. Khat Thuluth* ni juga digelar sebagai raja segala khat. *Khat Thuluth* ni khat yang sangat cantik dia boleh membentuk pelbagai bentuk lah buat bentuk bulat, bentuk manusia, bentuk binatang dan sebagainya. Jadi *Khat Thuluth* ni raja segala khat, ini makan masa yang lama kalau kita nak kuasai *Khat Thuluth* ni sebab dia punya ketajaman dia kesenian dia memang lagi halus lagi lah berbanding dengan khat yang lain. Kemudian begitu juga dengan *Khat Kufi. Khat Kufi* ni nampak mudah, tapi sebenarnya susah juga sebab dia lebih, lebih bentuk macam garisan-garisan lurus. *Khat Kufi* ni kan tegak-tegak, lurus-lurus. Pada asalnya *Quran* pun ditulis dengan *Khat Kufi* yang tak ada titik tak ada baris. *Khat Kufi* nampak macam mudah tapi nak buatnye tu susah, dia tak boleh menggunakan sebatang pen saja tak boleh, dia kene ada ukuran-ukuran tertentu, garisan-garisan tertentu supaya dia tegak, tepat dan sebagainya. Jadi makan masa juga lah kalau kita nak belajar *Khat Thuluth.* Begitu juga dengan *Khat*

*Diwani, Khat Diwani Jali, Ijazah* dan *Farisi*. Jadi semuanya memerlukan kecekapan seseorang untuk cepat menguasai khat itu. Ada orang mungkin boleh belajar setahun dua tahun boleh mahir, ada orang bertahun-tahun tak-- mahir-mahir. Jadi, tengoklah pada masa yang dia ada lah, kalau dia minat, dia kuasai dengan cepat lah, kalau tak memang lambat lah. Kadang-kadang sampai empat lima tahun baru mahir dalam satu khat tu, bukan kita belajar khat ni lapan jenis khat sekali belajar terus pandai, takde, makan masa sebab semuanya bentuk lain-lain-- bentuknya tak sama, itu dia okey. Okey, lagi?

**SMA: Okey bagi ustaz untuk menghasilkan satu seni khat, makan berape masa berapa lama untuk siapkan?**

JMM: Baik, sebenarnya kita lihat berapa banyak ayat yang nak dibuat, tu yang pertama. Kemudian yang kedua, berapa besar saiz yang dia nak. Dia bergantung kepada besarnya saiz, ayatnya panjang ke pendek. Kemudian dia punya *material* [bahan] nya , nak tulis pada apa.

**SMA: Oh macam pada dinding.**

JMM: Kalau pada kertas saja sekejap je lah, kalau pada dinding lagi, pada kain, dia makan masa yang lama lah. Ha karang kalau pada kain tu nengok ukuran kain berapa panjang berapa kaki, kalau *standard* [biasa] dua belas kaki kali empat kaki, tempoh nak menyiapkan tu siap cat semua mungkin dalam dua atau tiga hari baru siap. Tu kalau sorang lah cat, kalau yang mengecat tu ramai, sekejaplah satu hari boleh siap. Ha, macam tu. Tapi kalau kita tulis pada kertas, ikut saiz lah kalau saiz A4 sekejap je dia boleh siap. Ambik pen khat, terus tulislah, mungkin dalam tempoh kurang daripada sepuluh minit dah boleh siap dah untuk kertas A4. Jadi maknanya saiz kertas, jenis ayat panjang atau pendek ukuran dia tu, kemudian besarnya macam mana. Jadi, dia terpulang. Maknanya dia tak ada masa yang-- tetap. Mesti siap dalam tempoh sejam, tak. Kalau kita nak mengecat dinding, berapa kaki dinding tu nak kene ukur dulu. Kalau dinding tu rendah okey, kalau tinggi panjat turun naik-- nak mengecat lagi. Tu yang makan mase sampai lima, enam hari baru siap. Jadi, nengok keadaan dan situasi lah, kalau kita menghasilkan sesuatu jenis itu.

**NHK: Kalau macam tadi ustaz ada cakap yang ustaz pakar dalam buat khat dalam pinggan tadi?**

JMM: Ye, betul.

**NHK: Untuk pinggan tu berape lama?**

JMM: Ye, betul ye. Okey, untuk menghasilkan khat pada pinggan biasanya kita amik masa dalam dua hingga ke tiga hari-- lah, untuk satu-- karya lah pinggan, bersaiz pinggan tu saiznya macam pinggan hidang, pinggan makan, pinggan hidang, itu dua, tiga hari sebab ada banyak proses yang kita kene buat, dia bukan terus tulis pada pinggan tu, tak. Kalau terus tulis itu-- *style* [gaya], *old-style* [gaya lama] la. Jadi pinggan tu tak nampaklah seninya kita tulis hanya tulisan hitam saje. Tapi kalau macam saya, saya buat lebih kepada khat kontemporari lah, khat moden macam mana kite nak mewarnakan tulisan itu dengan corak latar belakang yang menarik, biasa makan masa dua hingga tiga hari sehingga siap lah sehingga di*frame*kan [dibingkaikan]. Daripada pinggan itu kita *frame* [bingkai] kan dalam dua, tiga hari boleh siap satu karya, *insya-Allah* [jika diizinkan Allah].

**NHK: Tadi ustaz ada cakap, pada sesi yang pertama tadi untuk macam untuk perempuan susah kadang-kadang ada yang datang haid untuk tulis satu khat kalau khat tu adalah bentuk ayat *Quran*. Ade syarat-syarat lain ke kalau nak tulis khat ni, kalau nak menulis khat ni ada syarat-syarat dia?**

JMM: Dalam pertandingan memang kita terikat dengan starat-syarat macam saye sebut tu, itu syarat untuk menulis ketika dalam pertandingan. Dalam pertandingan dalam tempoh satu jam, dua jam, jadi peserta pertandingan biasanye kita tak bagi ayat *Al-Quran*, kita bagi Hadis Nabi, supaya mudah dia menulis kalau ade keuzuran dia boleh tulis. Tapi kalau diluar pertandingan terpulang kepada masa lah penulis tu, sebab ade juga penulis-penulis khat daripada kalangan perempuan. Kalau dia nak tulis khat tu berbentuk ayat *Quran so* [jadi] dia kena pilihlah waktu dia suci dia boleh buat lah. Sebab terpulang kepada masa.

**NHK: Masanya lah?**

JMM: Jadi, kalau-- yelah sebab kita nak tulis ayat *Al-Quran* mestilah kita suci daripada haid dan sebagainya, kalau bagi perempuan lah, bagi lelaki dia tak ada masalah. Jadi kene pilih masa yang sesuai, yang dia dah suci maka dia bolehlah tulis ayat *Quran,* sebab kita nak jaga-- kesucian ayat *Quran* itu sendiri lah. Macam saya sendiri, bila saya nak menulis ayat-ayat *Al-Quran* pada kertas pada ape sahaja, saya kena berwuduk dulu, itu adab dia, adab bila nak menulis *Al-Quran.* Kite kena berwuduk sebab yang kita tulis tu ayat *Al-Quran* bukan terjemahan dia. Jadi, kita ada wuduk, kene bersihlah baru boleh tulis ayat *Al-Quran. insya-Allah* [jika diizinkan Allah]-- maknanya jaga, terjagalah kesucian itu. Jadi kita tak boleh sebarang-sebarang tulis. Takkan nak tulis ayat *Quran* dengan tak pakai baju, dengan ber*legging* [berseluar ketat] begitu, mentang-mentang dalam rumah, pakai seluar pendek tulis ayat *Quran,* tanpa berwuduk (ketawa kecil) tu takde adab lah, takde adab nak menulis ayat *Quran.* Jadi, kene ada adab-adab, sebab ayat *Quran.* Sebab ayat *Quran* ni melihat pun dapat pahala, betul tak?

**SMA & NHK: Betul (mengangguk).**

JMM: Apatah lagi kita menulis. Kita kene ada wuduk, kene menutup aurat, kene jaga lah, tak boleh kita pijak, saki baki tulisan yang rosak dan sebagainya kene bakar, sebab dia ayat *Al-Quran.* Kalau yang tulis tu pantun ke, tu tak kisah lah, kita boleh koyak-koyak buang tepi pun takpe, *Al-Quran* jangan. Nanti kita tak masal dapat dosa pulak nanti sebab kita tak menghormati ayat-ayat *Al-Quran.* Itu dia.

**SMA: Okey, berkaitan dengan peralatan-- untuk kita mula nak menulis khat ustaz ada cakap dekat sesi satu tu kita guna kalam. Bila-- *qalam* [pen] tu ustaz selalu beli dekat *online* [atas talian] ke dekat ada-- kedai-kedai khas yang ustaz selalu beli?**

JMM: Okey, untuk *qalam* [pen] ni, kalau misal kata *qalam* [pen] yang *ready-made* [siap sedia] macam ni (tunjuk pen) yang ada dijual dikedai, biasanya ada dijual dikedai-kedai buku, saya beli kat kedai buku yelah. Kalau *ready-made* [siap sedia] saiz tiga *point* [titik] kosong, matanya besarlah macam ni mata dia (tunjuk mata pen), nampak tak? Matanya macam tebal lah.

**SMA: Tebal (mengangguk).**

JMM: Ha tu, tebal. Okey saya beli dekat kedai ataupun kita guna *Artline*--[garis seni] nombor sembilan puluh pun boleh juga sebab model serong kan? Ha tu saya beli kat kedai. Tapi untuk *qalam* [pen] khat yang tradisional-- macam buluh, batang resam, kita boleh dapatkan buluh, batang resam dekat kebun kita ke tepi-tepi jalan, kita gunakan pisau, potong dia jadikan dia *qalam* [pen]. Kalau kita nak lebih cantik lagi yang siap ade ukiran, siap ade corak dan sebagainya, kene beli lah. Biasanya saya beli secara *online* [atas talian], takde jual dekat kedai-kedai biasa takde jual. *Qalam* [pen] batang resam, buluh, pucuk, tulang daripada tulang daripada besi dan sebagainya. Itu memang kite kene beli *online* [atas talian], nak cari dekat kedai-kedai buku memang takde jual lah, sebab di Negara [Malaysia] kita ni memang payah nak dapat. Tapi kalau dekat Mesir [Republik Arab Mesir], dekat Jordan ke tu memang ada kedai-kedai khat dia memang ada jual. Baru-baru ni anak saya [Nurul Juzailah binti Jalaluddin] pun waktu *Covid* [penyakit Corona Virus Disease 2019] tu dia balik sini dia belikan *qalam* [pen] yang daripada Mesir [Republik Arab Mesir] tu lah. *Alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah] ada tu, tapi mahallah harga dia, tapi kita puas hati lah, ni *made in* [diperbuat daripada] Mesir [Republik Arab Mesir] (ketawa kecil). Memang saya simpan *Qalam-qalam* [pen-pen] tu. [gangguan bunyi telefon bimbit] Okey.

**NHK: Apa cabaran yang ustaz lalui sepanjang nak ceburi dalam bidang ni? Kita tahu tadi ustaz ade ceritekan sedikit pasal kenangan pahit ustaz, tapi yang ni lebih kepade cabaran dari tahun ke tahun untuk ustaz lalui, yang ustaz lalui sepanjang ni.**

JMM: Cabarannya sebenarnya gini, memang banyak cabaran nak menguasai seni satu hal, kemudian kita nak terus minat dengan seni khat ni pun satu hal juga. Cabarannya kita kene ada dapat sokongan daripada keluarga lah, tu yang paling penting lah. Kalau kita sebagai anak, mak ayah kita *support* [sokong] kite memang bertuah sangat lah. Tapi kalau kita tak dapat *support* [sokong] daripada mak ayah kite memang *problem* [masalah]. Sebab, kita nak modalkan beli alat-alat tulis, *qalam* [pen], dengan dakwat dengan kertas dan sebagainya, itu bermodal sebenarnya. Dan kita nak menghasilkan sesuatu yang menarik, *material* [bahan] nya kita kene modal nak beli. Sebab ada orang tempah contohnya buat pada besi _ _ _ dan sebagainya memang kene modal lah untuk belikan. Jadi, cabarannya kite kene ada modal kemudian kita ada orang *support* [sokong] kita

untuk kite menghasilkan karya. Kemudian kita kene ada orang ajar kita lah macam mana kita nak hasilkan karya. Waktu saya muda-muda, waktu ye lah bujang-bujang nak carik orang yang pandai khat paling susah sebenarnya. Tak semua orang boleh ajor kita khat. Semua orang boleh tulis jawi tapi tak semua orang boleh tulis khat, ha tu masalahnya. Tapi sekarang ni dah macam-macam kita *type* [taip] je dekat *Youtube*, beribu-ribu video tunjuk cara macam mana nak menulis khat, betul tak? Kita boleh belajar *online* [atas talian] lagi sekarang ni, belajar khat secara *online* [atas talian] pun boleh. Jadi guru-guru khat pun dah ramai _ _ _ _ _ [gangguan internet] dekat Malaysia ni. Nak carik tenaga pengajar tu memang susah, nak cari yang betul-betul pandai memang payah lah. Mungkin dalam satu sekolah tu sorang dua orang je yang pandai, yang lain tak berapa nak pandai, tak berapa nak jadi. Jadi, kemudian kita kene ada *support* [sokong] lah, bila kita macam saye sendiri bila dah berumahtangga, isteri [Zaleha Hj Omar] saya memang *support* [sokong] saya banyak lah, isteri [Zaleha Hj Omar] saya banyak-- sebab dia lah beri saye sokongan untuk pegi-- mana-mana saya pegi apa buat demonstrasi ke apa dia bantu, tolong dan sebagainya lah. Kalau tak ada *support* [sokong] daripada keluarga masalah juga, saya rasa terkubur minat saye. Kemudian dengan anak-anak pulak dia pun berminat. *Alhamdulillah* [segala puji an bagi Allah] lah, *so* [jadi] ini boleh kekal sampai bila-bila, kalau tak ada *support* [sokongan] daripada keluarga, kawan-kawan memang masalah. Kalau nak tulis khat sendiri boleh, tapi kena *struggle* [berusaha keras] lah, kite kena *explore* [meneroka] banyak benda, kene cari tok guru sendiri, kene belajar sendiri, kena tanya orang sendiri. Ha memang nanti hasilnya tengoklah macam mana, sebab hasil kita tu akan dinilai oleh orang. Kalau kita masuk-- kalau kita nak tahu-- Okey macam saya sendiri lah, kalau saya nak tahu tulisan saya ni cantik ke tak cantik, saya masuk bertanding. Kalau menang dalam pertandingan, maknanya saya rasa tulisan saya cantik lah. Kalau kalah, maknanya tulisan saya tak betul lagi, betul tak? Ha itu cabaran saya lah, jadi saye kene rajin masuk bertanding. Baru saya tahu, kalau menang betul lah tulisan aku dah okey dan saya simpan daripada dulu sampai sekarang saya simpan, dan ada lah dia punya perbezaan, sebab kite belajar kan, buat daripada dulu, kadang-kadang kita tengok tulisan kita dulu pun kita ketawa (ketawa kecil). Banyak dekat masjid-masjid, surau-surau dalam Daerah Kota Tinggi [Malaysia] ni waktu saya bujang-bujang dulu saya dah buat dah dekat dinding-dinding. Harini tulisan tu mereka simpan sampai

sekarang, saya datang nengok sendiri, ketawa tulisan saya sendiri (ketawa kecil). Kemudian ada perbezaan dekat situ, berbanding dengan sekarang, tu dia. Itulah cabaran dia. Kadang-kadang kita nak cari peralatan pun payah masa tu, nak cari dakwat yang *waterproof* [kalis air], susah nak dapat waktu tu, waktu saya belajar dulu. Kalau sekarang, *type* [taip] je dekat *handphone* [telefon bimbit] semua ada. Nak cari *qalam ijuk* [pen ijuk], *qalam* [pen] daripada *tampuk* ke apa ke payah, sekarang dah banyak dah. Jadi cabarannya tak sama macam sekarang lah.

**SMA: Betul.**

JMM: Orang sekarang _ _ _ (gangguan internet) rugi lah kalau dia tak nak belajar khat ni, dah ada depan mata dah.

**SMA: Sebab dah mudah sangat dah, peralatan pun mudah didapati.**

JMM: Okay. Ha, betul. Semua dah dapat dah, tinggal nak tak nak je lah tu. Tak macam kami dulu lah kan, susah nak cari cikgu payah, nak cari alat susah. Kadang buat-buat pun, orang nak komen pun tak pandai sebab orang pun tak pandai khat. Kita rasa macam tulisan kita cantik kan, masuk bertanding, kalah (ketawa kecil). Bila kalah, maknanya oh belum betul lah tu tulisan kita (ketawa kecil). Itu je jadi penanda aras dia _ _. Lepastu saya cakap dengan anak-anak saya, "Kalau kau nak tahu tulisan kau cantik ke tak, pegi masuk bertanding, kalau menang dalam pertandingan, maknanya tulisan tu dah cantik lah tu. Tapi kalau asik kalah je, maknanya tak betul lagi lah tu, kena betulkan lagi". Macam tu lah.

**SMA: Macam mana kita nak tahu bila kita bertanding tulisan kita cantik ke tak. Kita boleh tanya ke juri tu apa salah kita?**

JMM: Baik, biasanya dalam pertandingan dia akan tentukan jenis khat apa yang kita akan tulis dan ayat jenis-- dia akan bagi ayat apa. *So* [jadi] kita tulis dalam pertandingan-- contohnya lah dalam dewan pertandingan ada ramai peserta-peserta. Dekat situ kita boleh lihat orang lain buat. Kita tulis sambil tu mungkin kita *boring* [bosan], ye lah dua jam duduk satu tempat kan. *So* [jadi], kita jalan-jalan kita pergi tengok hasil orang lain. Waktu tu baru kita tahu, "Dia punya *wau* cantik, aku punya *wau* tak cantik, oh dia punya

huruf *jim* comel, aku punya tak jadi". Kat situ kita dah tahu dah, yang kita memang kalah lah ni (ketawa kecil). Kalau kita nengok tulisan orang semuanya kelaut, kita punya yang paling terbaik, kita boleh tahu dah kita boleh menang sebab itu lah-- sebab dalam pertandingan kita boleh tengok orang punya tulisan, kita jalan tengok sana, jalan tengok sini, kita sendiri boleh rasa, kita boleh-- kita tahu lah kan tulisan tu jadi ke tak jadi. Bagi orang yang tak pandai khat dia rasa tulisan ni memang cantik lah. Tapi bagi orang yang belajar dia tahu lah, ni tak betul ni. Buat berapa kali pun tak jadi-jadi-- ya betul. Sebab saya pun macam tu, orang-orang macam ni rasa macam cantik lah tulisan dia. Kita nengok pun kita gelak, tapi gelak dalam hati je lah (ketawa kecil). Bila dia suruh komen, kita komen betul-betul lah [gangguan di pejabat]. Jadi kalau dia suruh komen, memang saya komen betul-betul lah, ini tak betul, ni tak betul. Baru dia pening kepala (ketawa kecil). Okey-- ada lagi?

**NHK: Okey, siapa saingan ustaz sepanjang ustaz dalam bidang ni? Maksudnya kawan-kawan ustaz yang ustaz rasa macam "Eh dia dengan aku ni saingan", macam tu.**

JMM: Ada, memang ada-- (mengangguk). Waktu saya dulu lah waktu saya muda-muda lah, ceh sekarang muda lagi kot kan. Memang bila setiap kali masuk bertanding saya ada satu kawan nama dia Ustaz Zamri [Ustaz Zamri bin Hamid]. Ustaz Zamri Harun [sic, Ustaz Zamri bin Hamid ni dia memang pakar. Kenal kan?

**SMA: Kenal (mengangguk).**

**NHK: Yang bagi-- nombor ustaz dekat saya (ketawa kecil)**

JMM: Oh yang bagi nombor, daripada dia ye? Oh okey lah okey (ketawa kecil). Ustaz Zamri Hamid ni dia memang pakar. Jadi kalau saya masuk bertanding dengan dia, dia memang menang punya. Itu-- cabaran saya lah. Dia nombor satu, saya nombor dua. Ha macam tu.

**SMA: Tapi takpe lah, saingan sihat.**

JMM: Kalau dia buat silap, dia kalah, saya menang. Tapi kalau dia ada, memang saya akan kalah dengan dia lah. Tapi kalau dia tak ada memang saya menang lah (ketawa

kecil). Ustaz Zamri ni memang, dia memang-- *full time*-- [sepenuh masa], dengan seni khat ni. Dia ada galeri, dia ada kedai-kedai. Dia memang *full time* [sepenuh masa], kerja dia memang buat khat dua puluh empat jam. *So* [jadi], tulisan dia memang mantap lah. Dia pantang lah pegi mana-mana pertandingan, semua dia pergi. Macam kita ni bekerja, *so* [jadi] kita terikat dengan waktu bekerja. Kadang-kadang nak pergi, alamak waktu bekerja, tak dapat nak pergi. Dia *free* [lapang] kan? *So* [jadi] dia pergi, tu yang tulisan dia mantap tu. Dia memang rajin, tulis je keje dia, dua puluh empat jam menulis (ketawa kecil). Memang saya tabik (buat gaya tabik) dekat dia lah. Dia pun banyak ajar saya secara tak langsung dia pun macam guru saya juga lah, ajar saya macam-macam, banyak jasa dia pada saya. Dia sampai sekarang masih lagi menulis. Kalau dia ada itu memang cabaran saya lah (ketawa kecil).

**SMA: Okey, macam ustaz cakap tadi, ustaz ada bukak kelas untuk seni khat, ade tak cabaran-cabaran semasa mengajar dan mendidik pelajar-pelajar baru yang baru berkecimpung dengan seni khat ni, yang baru bermula.**

JMM: Memang-- ada cabaran. Apa pun yang kita buat mesti ada cabaran, dugaan. Untuk seni khat ni kebanyakkannya pelajar-pelajar yang *first time* [pertama kali] untuk belajar khat, mereka kita kena betulkan-- pertama cabaran saya kena betulkan cara memegang pen ataupun cara memegang *qalam* [pen]. Kalau cara memegang *qalam* [pen] tu salah, susah kita nak bentukkan huruf. Jadi, murid ni pelbagai cara dia pegang *qalam* [pen] ni. Ada yang pegang *qalam* [pen] macam ni lah, ada yang masuk celah jari macam ni lah (menunjukkan cara memegang pen dengan cara yang salah), macam mana kita nak buat khat. Ada yang tangan yang macam ni (menunjukkan cara memegang pen dengan cara yang salah), kita pun pening, macam mana kita pegang pen macam ni, contohnye lah. Jadi, kalau-- lagi kalau kidal, ada yang macam ni tulis kan (menunjukkan cara memegang pen dengan cara yang salah), dia-- orang kata gini, dia tulis macam ni kan. Memang, "Ini payah ni" saya kata gini. Pegang pen pun dah tak betul, macam mana nak tulis khat, itu cabaran yang pertama lah, kena betulkan cara dia pegang pen. Sebab *qalam* [pen] khat ni dia mata dia serong (menunjukkan isyarat serong), dia bukan bulat (menunjukkan isyarat bulat). Kena betulkan kedudukan mata tu (menunjukkan isyarat tangan serong), tak boleh tegak (menunjukkan isyarat tangan tegak) betul, tak boleh baring sangat (menunjukkan

isyarat tangan membaring), baring sangat jadi tebal, kalau tegak betul jadi kurus. Jadi dia ada berapa darjah kecondongan tu, itu dia kene kuasai, tu cabaran pertama lah untuk memegang pen, kalam. Apatah lagi kalau murid tangan kiri, kita tangan kanan. Dia tulis tangan kiri. Jadi, kita nak ajar susah _ _ [gangguan internet]. Sebab menulis khat ni kalau kita guna tangan kanan, tulisan tu makin dekat dengan kita, pasal kita tulis macam ni (menunjukkan cara menulis dengan tangan kanan). Tapi kalau kiri, tulisan tu makin jauh dengan kita, betul tak? Kita tulis kiri, makin jauh daripada kita (menunjukkan cara menulis dengan tangan kiri). Jadi kita kanan, dia kiri, kita nak ajar dia susah, itu cabarannya. Kalau sama tulis kanan tak ada masalah, kalau murid tu tangan kiri, kita tangan kanan, masalah. Sebab tu anak saya yang kidal tu [Muhammad Zakwan bin Jalaluddin], kalau misal kata saya ada kelas dia *free* [lapang], dia datang sekolah saya, dia ajar budak yang kidal tu. "Kau pergi ajar budak ni" (ketawa kecil). Yang kidal ajar kidal, baru betul, baru dia boleh ikut. Kalau tidak memang susah. Cabaran yang kedua, nak menguasai huruf tu. Bila membentuk huruf tu memang kena tulis banyak kali, beratus-ratus walhal mungkin beribu-ribu kali baru jadi. Dia bukan,-- nampak tulis *alif* tu senang kan? Tapi cuba buat, mesti senget, menggigil, condong, tebal atau pun kurus sangat. Baru huruf *alif* tu, kita ada dua puluh lapan huruf *hija'iyah*, itu tak termasuk huruf jawi. Kalau jawi tiga puluh enam huruf semua sekali (ketawa kecil). Itu baru menulis huruf tunggal, belum sambung lagi, belum buat perkataan, belum buat ayat, itu belum lagi buat ayat yang kreatif, berbentuk, lagi pening. Jadi maknanya cabarannya memang *first* [pertama], mesti budak kuasai huruf tunggal terlebih dahulu. Kalau dia kuasai huruf tunggal dengan baik, yang lain takde masalah. *Insha-Allah* [jika diizinkan Allah] dia akan dapat ikut dengan senang lah, tu dia.

**NHK: Okey, apa cabaran yang apa bagi ustaz cabaran untuk mengekalkan warisan seni khat itu sendiri?**

JMM: Baik-- untuk seni khat ni kita di Negeri Johor [Malaysia] khususnya lah, kita ada Yayasan Warisan Johor. Kemudian kita ada Persatuan Seni Khat Johor [sic Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor] dan di peringkat kebangsaan kita ada Persatuan Seni Khat Kebangsaan. Jadi melalui *NGO-NGO* [Non-Government Organization] yang terlibat secara terus da- daripada apa seni khat ini, saya rasa ianya boleh dapat dikekalkan

lah. Cabaran kita, bagaimana kita nak tarik minat orang muda untuk mempelajari seni khat, tu cabaran dia. Sebab orang muda sekarang dia lebih suka kepada benda-benda yang *live* [secara langsung], dia-- lebih minat nengok *handphone* [telefon bimbit] lama daripada dia menulis. Suruh tulis, satu minit dua minit dah *fed up* [menyampah] dah, tapi kalau nengok *handphone* [telefon bimbit], satu jam dua jam *no problem* [tiada masalah], itu cabaran dia. Jadi kalau nengok *handphone* [telefon bimbit] dua puluh empat jam, kalau dia yang dia nengok tu video khat ke apa ke okey lagi. Jadi paling tak pun dia boleh meniru (ketawa kecil). Ketawa anak saya (ketawa kecil sambil menunjuk ke arah anaknya). Tapi kalau-- misal kata dia menulis dengan khat, dengan pen kalam saje, kita tak bagi dia apa-apa memang pengsan lah, dia tak akan tulis. Cabarannya tu memang macam mana kita nak tarik minat orang muda supaya minat dengan khat, ini cabaran masa sekarang. Mungkin barangkali sampai bila-bila kot, sebab benda ni-- cuma tinggal lagi sekarang ni dah diajar di sekolah rendah, di sekolah menengah, di sekolah agama. Jadi tinggal murid tu sendiri tak ambik peluang memang rugi sangat lah, sebab tak ramai orang boleh tulis khat. Kalau kita pandai khat, kita akan dipandang lah. Maknanya, kita akan dicari orang, dikenali, macam tu sekali. Macam saya sendiri lah, ramai orang kenal nama tapi tak kenal siapa saya. Oh nama tahu dia kenal tu, oh ini dia, macam tu. Nama kita semua orang tahu dah, orang kenal, sebut nama Jalal [Jalaluddin bin Mispan@Mislan] je. Contoh macam dekat Kota Tinggi [Malaysia] ni lah kalau tanya lah kat mana-mana sekolah "Kenal tak Ustaz Jalal [Jalaluddin bin Mispan@Mislan]?". Oh semua kenal, sebab kita ada kemahiran yang tak dimiliki oleh orang lain. Itu kelebihan yang kita ada lah. Sebab tu saya pesan selalu kat anak-anak saya, kena ada satu ilmu yang tidak ada pada orang lain dan ilmu itu memberi manfaat kepada diri kita dan orang lain. Baru orang-- pandang tinggi kat kita. Orang *salute* [memberi hormat] lah kat kita (menunjukkan gaya tabik).

**SMA: Orang akan cari.**

JMM: Itu di antara lah. Jadi, orang akan cari kita, betul. Kadang-kadang sampai tak terbuat, dah banyak sangat *order* [tempahan], suruh kita buat, lagi nak raya, sampai tak terbuat. Sampai kita *sap* [beri] pada orang lain, *sap* [beri] pada kawan-kawan kita yang pandai khat tu, tolong buatkan ni, tolong buatkan ni (ketawa kecil). Sampai macam tu

sekali. Okey, jadi cabaran tu memang ada lah, memang ada sentiasa. *So* [jadi] kita kena bersabar, kena tabah dan teruskan usaha kita tunjukkan pada masyarakat. Dulu ada Utusan Melayu, surat khabar Utusan Melayu, sekarang mana ada lagi.

**SMA: Haah, betul.**

JMM: Ini masalahnya, lama-lama dah lupus dah jawi ni. Bila jawi dah lupus, khat habis lah. Sebab khat dan jawi ni tak boleh dipisahkan. Khat dan jawi ni tak boleh dipisahkan. Bila tulis khat *confirm* [sah] tulis jawi, betul tak?

**SMA: Betul.**

JMM: Tulis jawi tak semestinya khat. Jadi berbeza. Jadi ramai orang boleh tulis jawi tapi tak ramai orang boleh tulis khat. Itu dia, jadi itu kelebihan yang ada pada *khattat-khattat* [pakar-pakar khat]. *Khattat-khattat* [pakar-pakar khat] ni maknanya penulis-penulis khat lah, *Al-Khattat* [pakar-pakar khat]. Okey-- ada lagi?

**SMA: Okey, sedia maklum ustaz terlalu banyak sumbangan yang ustaz dah berikan dekat yayasan dekat ni lah dekat Negeri Johor [Malaysia]. Ada tak sumbangan yang terbesar bagi ustaz yang ustaz dah sumbangkan, paling besar?**

JMM: Okey, sumbangan saya sendiri lah sebagai tenaga pengajar Yayasan Warisan Johor [Malaysia]. Kemudian saya juga sebagai tenaga pengajar seni khat, jurulatih seni khat Kementerian Pendidikan Malaysia. Kemudian saya juga merupakan Ketua seni khat Persatuan Seni Khat Johor [sic Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor] dan sumbangan saya-- banyak menulis *backdrop-backdrop* [latar belakang] majlis-majlis rasmi bersama dengan rakan-rakan yang lain lah. Kita orang ambil video lah khususnya buat *backdrop-backdrop* [latar belakang] majlis-majlis rasmi lepastu banyak juga sumbangan-sumbangan saya-- bina tulisan khat di masjid-masjid, surau-surau dan projek terbesar yang pernah saya buat iaitu di Masjid Sedili Besar-- [masjid di Kota Tinggi, Johor]. Masjid-- apa nama saya tak ingat, Masjid Mujahidin [sic, Masjid Al-Muttaqin Sedili Besar] ke apa nama dia di Sedili Besar [Kota Tinggi, Johor, Malaysia]. Jadi dalam masjid tu keliling lah saya tulis *asmaul husna* [sembilan puluh sembilan nama Allah] dengan ayat-ayat *Al-Quran* dan tulisan kalimah Allah sebesar lima kaki tinggi. Di--

*mihrab* [bahagian masjid] di masjid, naik *staging* [pentas] sampai empat *staging* [pentas] panjat. Masa tu kita cat memang besar. Jadi keliling tu lebih kurang dalam hampir tiga ratus kaki juga lah saya buat hampir tiga ratus kaki. Itu kami buat dalam tempoh enam hari, tiga orang buat. Saya sorang tukang tulis, dua orang tukang cat. Enam hari dalam bulan puasa, siap. Itu projek terbesar dan paling cepat yang pernah saya siapkan (ketawa kecil). Buat dalam bulan puasa, jadi memang tak makan lah. Datang pagi, panjat *staging* [pentas], tulis sampai *zohor*. Azan *zohor*, turun, sembahyang *zohor* berjemaah lepastu lepas sembahyang naik lagi, panjat lagi dinding sampai *Asar*. Turun *Asar*, balik sebab nak buka puasa (ketawa kecil), macam tu la. Enam hari siap, *Alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah]. Itu sumbangan terbesar lah dekat Masjid Sedili Besar Kota Tinggi [Masjid di Malaysia], yang lain-lain tu banyak juga lah, tempat-tempat lain. Ada juga orang gunakan khidmat kita sebagai tenaga pengajar, di sekolah-sekolah dan sebagainya. Memang banyak lah, *Alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah]. Okey, ada lagi soalan?

**NHK: Tadi-- okey mungkin Ustaz Zamri adalah saingan ustaz kan? Ustaz ada kawan lain tak yang sentiasa-- sokong bersama-sama lah dengan ustaz.**

JMM: Okey, ada-ada. Saya ada kawan yang memang sentiasa bersama dengan saya iaitu nama dia Jo- han, Johan bin Sijaya ni kawan baik-- saya lah. Dia sentiasa sokong hasil kerja saya. Dia ada kedai *frame* [bingkai], *so* [jadi] kami buat *kolaborasi* [kerjasama] lah dengan dia, saya hasilkan tulisan khat, dia akan *frame* [bingkai] kan tulisan saya. Kemana-mana saya pergi buat pameran memang saya akan bawa dia. Sebab dia pakar tentang *frame* [bingkai]. Jadi, dialah yang banyak bantu saya menyiapkan hasil-hasil karya. Sebab kalau saya nak buat sampai siap memang saya tak mampu lah. Saya bila tulis, kadang-kadang nak potong pun tak sempat. Encik Johan [Johan bin Sijaya] lah yang potong sebab saya ajar dia, macam mana cara potong yang ni tajam, yang ni tak tajam, yang ni mesti di masukkan kanan kiri dan sebagainya lah. Jadi sehingga dia mahir, sehingga dia-- pandai potong. Dia tak pandai khat, tapi dia boleh potong tulisan khat tu tepat. Tak ada masalah apa pun, sampai macam tu sekali. Jadi Encik Johan [Johan bin Sijaya] memang-- sehingga hari ni. Sampai sekarang dia masih lagi dengan saya dan sentiasa berurusan dengan saya lah. Begitu juga rakan-rakan saya yang lain yang pandai khat. Contohnya macam, selain daripada Ustaz Zamri [Ustaz Zamri bin Hamid], Ustaz

Zamri [Ustaz Zamri bin Hamid] tu memang lah, dia memang satu Daerah dengan saya Kota Tinggi [Johor, Malaysia]. Memang selalu jumpa dia, pun banyak bersama dengan saya juga lah. Bersama-sama buat pameran, buat jualan, demonstrasi dan sebagainya. Begitu juga dengan yang lain-lain yang muda-muda yang bawah-bawah saya pun ramai juga lah Ustaz Sahlan [Ustaz Sahlan bin Abd Rahman] , contohnya lah kan, Ustaz Saifuddin [Ustaz Saifuddin bin Afandi], Ustaz Zaini [Ustaz Zaini bin Amid]. Kemudian lagi Ustaz Asri [Ustaz Mohd Asri bin Buang], ramai lah yang-- pandai khat di Daerah Kota Tinggi [Johor, Malaysia] ni yang *still* [masih] bantu saya lah, *alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah]. Okey.

**NHK: *So* [jadi], apa perasaan ustaz masa dapat semua pencapaian yang macam sumbangan. Ustaz sebut sumbangan, mestilah rasa macam dah ada pencapaian tersendiri. Jadi apa ustaz rasa _ _ _ (gangguan internet).**

JMM: Pertamanya, saya rasa puas sebab saya dapat memenuhi permintaan-- orang. Kerana setiap orang tu ada permintaanya sendiri, dia nak buat ayat itu, ayat ini. Memanjang, besar, lengkung dan sebagainya. Jadi bila kita buat dengan hasil seni yang menarik, yang tepat, yang betul dengan kaedah, mereka dapat terima hasil tulisan saya. *So* [jadi], saya rasa puas. Saya sangat gembira, sangat puas apatah lagi tulisan kita tu kekal sampai hari ini. Bila kita datang, eh dah lama tak datang sekolah tu, datang, eh ada lagi tulisan yang kita tulis padahal tulisan tu dan berpuluh-puluh tahun pun masih lagi disimpan disekolah itu. Jadi, kita rasa sangat puas hati lah. Di-- apa?

**SMA: Dihargai.**

JMM: Tulisan kita tu dihargai, sayang nak-- dipadam, walaupun bangunan dah cat baru, tulisan kita tak di- dipadam. Sampai macam tu sekali. Jadi, kita rasa sangat puas, dan kita seronok lah nak berkhidmat untuk-- menyiapkan karya-karya yang _ _ _ [gangguan internet] diminta untuk kita siapkan . Selain daripada itu, kita-- usaha kita lah untuk berdakwah. Bila kita menulis ayat *Quran Hadis* Nabi. Contohnya lah, kita tulis, sembahyanglah kamu dihadapan [sic, dibelakang] imam sebelum. Eh, sembahyanglah kamu dibelakang imam, sebelum kamu disembahyangkan dihadapan imam (ketawa kecil). Kita buat dalam masjid tu kan, jadi tu secara tak langsung mesej dakwah kita. Betul tak?

**SMA: Haah betul.**

JMM: Tulisan kita, orang baca. Kita berdakwah sebenarnya dengan tulisan kita. Automatik mungkin barangkali orang tak tahu, boleh tahu. Orang yang takde ilmu mungkin dia dapat ilmu sebab itu tulisan kita. Jadi secara tak langsung, dakwah itu kekal lah selagi tulisan tu ada, selagi tu lah ia akan beri manfaat kepada pembaca. Sebab itu lah kita bila kita tulis, bukan kita fikir untuk dapatkan impak keuntungan semata-mata, tak. Sebenarnya kita berdakwah. Sebab tu kadang-kadang kita tak boleh letak harga yang terlalu mahal, apatah lagi ayat *Quran*. Seolah-olah macam kita jual ayat *Quran*, sedangkan ayat *Al-Quran* itu tak boleh dijual. Haram hukumnya kita jual ayat *Al-Quran*. Kita jual hasil seni karya kita, itu boleh. Ayat *Quran* tak boleh dijual, kita jual karya yang kita buat, tenaga kita, masa kita, modal kita, kita keluarkan untuk buat sesuatu ayat, itu yang kita jual, bukan ayat *Quran*. Sebab tu kalau ada orang minta kurang, kita bagi lah kurang. Kita boleh letak harga yang murah-murah dan sebagainya. Memang, ada lah dulu orang jual dengan harga yang beribu-ribu [Ringgit Malaysia] dan sebagainya. Macam saya, saya tak kisah sangat. Kadang-kadang saya, di tanya "Ustaz, berapa ringgit [Ringgit Malaysia] ni ustaz?", "Terpulang lah nak bagi berapa". Saya suka macam tu, sampai macam tu sekali. Buat-buat ni, buat dinding, "Berapa ringgit [Ringgit Malaysia] ni ustaz?". "Terpulang lah nak bagi berapa" (ketawa kecil) _ _ _. Sampai kata "Ustaz, cukup tak ni ustaz?". "Cukup" saya kata. "Kalau tak cukup cakap ustaz, saya tambah". "Kalau nak tambah, tambah. Kalau tak nak tambah takpe". Saya *style* [gaya] macam tu (ketawa kecil). Kecuali kalau orang tu, dia bagitahu saya, "Okey saya nak buat kos dia dua ratus lima puluh [Ringgit Malaysia]". Saya akan buat lah ikut kos dua ratus lima puluh [Ringgit Malaysia], memang macam tu. Kadang saya fikir balik, sebenarnya buat khat ni nengok-- material yang kita kena buat. Nak buat pada apa? Nak buat pada gelas ke, buat pada *copper* [tembaga] tulen ke, pada kain ke, kanvas ke. Semua itu berbeza-beza. Jadi kita tanya dia, "Nak-- *you* [awak] nak bajet berapa?". Kita buat ikut bajet, lagi senang. Dia kata "Okey saya nak buat bajet lima ratus ringgit [Ringgit Malaysia], saiz dia ukuran macam ni--". Saya kata "Okey, boleh". Saya buat lah. Kalau saya kata "Ini tak boleh ni lima ratus [Ringgit Malaysia]. Ni mahal sangat, benda tu kecik je, dua ratus [Ringgit Malaysia] boleh tak?". Saya pulak kurangkan. Begitu juga sebaliknya, kalau dia minta murah sangat, saya kata "Eh tak boleh ni bang, ini ukuran dia dah lapan kaki,

panjat tinggi pula tu, nak upah *skylift* [jentera] lagi, nak pasang apa semua", nak kena ambil kira, kena *up* [naik] sikit harga lah. Jadi, macam tu lah keadaan dia. Jadi kalau yang orang yang minta tolong kat saya, saya cakap "Sukahati kau lah, nak bayar berapa". Saya macam tu je mudah. Jadi, saya tak-- lah tentukan harga dan sebagainya, tak *demand* [menuntut] lah orang kata (ketawa kecil). Nanti orang marah pulak kita, "Mahal lah beli kat Jalal [Ustaz Jalaluddin bin Mispan@Mislan]" (ketawa kecil).

**SMA: Boleh tawar-menawar lah macam tu.**

JMM: Saya suka menolong orang lah. Haah boleh tawar-menawar. Satu lagi kalau kita buat kat masjid kan, kita tulis orang baca, kan dapat pahala. Kita pun dapat pahala sebab kita yang menulis. Bila kalau kita *demand* [menuntut] banyak sangat, agak-agak dapat tak pahala (ketawa kecil). Betul tak?

**SMA: Nanti kita berkira pulak (ketawa kecil).**

JMM: Dekat masjid, orang masuk masjid sikit-sikit baca-- Jadi kita banyak kena fikir, ini lebih kurang lah, kita pun takde hal punya. Haah macam tu.

**NHK: Paling mahal ustaz, pernah dapat berapa?**

JMM: Bagi-- orang lain caranya kan, mungkin-- orang lain-- caranya kan, macam saya, macam tu lah cara saya. Ada orang dah tentukan dah, okey sekian sekian harga ni--. Nak, buat. Taknak, tak jadi. Bagi saya, *no problem* [tiada masalah], tak ada hal punya lah (ketawa kecil). Ada orang tak bayar sampai sekarang pun ada, buat-buat, tak bayar dengan kita sampai sekarang, dia diam je. Tak minta pun (ketawa kecil). Ada-- (mengangguk). Dia pulak malu nak jumpa kita. Eh, macam-- apa lah pulak. Tapi, yelah, kalau ada rezeki, ada lah. Kalau takde, nak buat macam mana, tu je lah. Okey, ada lagi?

**NHK: Paling mahal berapa ustaz, yang pernah ustaz dapat lah, orang bayar?**

JMM: Okey, paling mahal yang pernah saya dapat untuk buat satu hasil karya sehingga siap sekitar hampir tujuh ribu ringgit [Ringgit Malaysia], enam ribu [Ringgit Malaysia] lebih. Untuk siapkan tulisan khat dalam masjid yang saya sebut tadi lah, Masjid Sedili Besar [Kota Tinggi, Johor, Malaysia]. Enam ribu lima ratus [Ringgit Malaysia] lebih lah,

paling mahal yang pernah saya terima. Itu pun saya kata banyak sangat ni. "Ambik, ambik je, ni masjid dah sediakan dah". *AllahuAkhbar* [Allah Maha Besar]. Bayangkan saya buat enam hari, belum habis siap dia dah bayar habis tau. Belum sampai enam hari, dia dah bayar dulu siap-siap. Ya Allah, malu saya. Jadi saya terpaksa bertungkus lumus lah siapkan. Bulan puasa, dia kata "Kalau boleh ustaz, sebelum raya mesti siap", malu saya kalau raya nanti tulisan tak siap dalam masjid orang nampak kan. Jadi, dia bayar dulu siap-siap sebelum habis. *AllahuRabbi* [Ya Allah Ya Tuhanku] , kelam kabut. Kita pun buat sungguh-sungguh, *Alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah] enam hari siap. Maknanya seminggu sebelum raya dah siap dah. *Alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah] lah. Antara lain yang mahal, saya pernah buat pada kertas A4 saja. Saiz kertas A4-- kecil (sambil menunjukkan bentuk segi empat). Saya ingat kertas A4 tu dia bayar saya dua ratus lima puluh ringgit [Ringgit Malaysia]. Itu antara paling mahal lah.

**SMA: Wah, tulis apa ustaz?**

JMM: Sehelai kertas A4, dua ratus lima puluh ringgit [Ringgit Malaysia]. Tulis tangan, pada kertas A4. Itu dulu lah, sekarang takde lah (ketawa kecil). Tulis tangan waktu tu saya tulis program-- tu program Sultan Johor [Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar] sebenarnya. Ada satu syarikat yang (gangguan internet), kontrak untuk Program Keruncung tak silap saya. Program Keruncung Nusantara Negeri Johor [Malaysia]. Jadi syarikat tu suruh saya *design* [reka bentuk] bentuk lah, bentuk khat dalam tulisan keruncung tu lah. Ada-- ejaan keruncung apa-- tu. Nanti dia akan buat pada *banner* [sepanduk], pada kain rentang, pada baju, pada *backdrop* [latar belakang]. *So* [jadi], *design* [reka bentuk] tu sehelai tu dia bayar saya dua ratus lima puluh ringgit [Ringgit Malaysia]. Tu saya kata berapa-- lah. Dia bagi dua ratus lima puluh [Ringgit Malaysia], dia *bank in* [memindahkan wang] terus dekat saya. "*MashaAllah* [Allah yang Maha Agung] banyak ni", saya kata. "Tak apa ni rezeki ustaz, ustaz ambik je". *MashaAllah* [Allah yang Maha Agung], saya tak minta tapi dia yang bagi, tu antara paling mahal pada sehelai kertas A4, dua ratus lima puluh ringgit. *MashaAllah* [Allah yang Maha Agung].

**NHK: Kertas A4 kosong lah ustaz?**

JMM: Haah, kertas A4 putih, kosong, macam-- ni lah, tulis kertas A4 macam ni (menunjukkan kertas). Tapi ni kertas saiz besar, ni saiz-- A3. Dia A4, separuh. Macam ni lah kertas putih, tulisan hitam macam tu lah. Tapi kita buat *design* [reka bentuk] tu dia akan ulat cetang [sic, ulang cetak]. Dia akan ulang-- cetak, dia buat pada baju, buat pada *backdrop* [latar belakang], mula sekeping je pada kertas A4 tapi dia *design* [reka bentuk] lah buat logo, buat apa. Macam tu lah dan tulisan tu dia punya-- *main* [utama] tu saya simpan lah sampai sekarang. Ini tulisan tangan saya (ketawa kecil), saya simpan sampai sekarang, dia punya yang aslinya lah.

**SMA: Okey, seterusnya boleh kami tahu tak apa harapan ustaz terhadap seni khat pada generasi akan datang?**

JMM: Baik, harapan saya seperti juga rakan-rakan dalam kawan setingkat yang lain lah. Kita mahukan seni khat ini tak mati ditelan zaman. Kita mahukan orang Islam khususnya orang Islam lah menguasai seni khat ini. Walaupun hanya boleh menulis satu jenis khat saja. Contohnya dia kuasai *Khat Nasakh*, dah cukup dah. Itu pun dah memadai. Kita ada lapan jenis khat, tak semua orang boleh kuasai kelapan-lapan jenis khat. Ada orang ada pandai dua, ada tiga, ada empat, macam itu. Tapi kalau dapat kuasai satu jenis khat pun dah cukup dah, itu pun dah berjaya dan dia kenal khat lain tu macam mana. Harapan saya, saya nak generasi akan datang dia kenal khat itu apa, dan dia boleh tulis khat itu dengan baik dan dia boleh wariskan kepada generasi-generasi muda akan datang selepas dia. Jadi, supaya seni warisan Islam ini tak mati ditelan zaman, sebab pencinta-pencinta, penulis-penulis khat seperti saya memang mengharapkan sangat supaya ilmu ni dapat diteruskan. Sebab itu di sekolah saya bagi kuliah ataupun bagi kursus khat ni secara percuma kepada cikgu-cikgu lain. Tak perlu bayar apa-apa. Datang, belajo. Itu pun kadang, cikgu bagi juga kita duit. Kita kata "Tak payah lah". Eh dia bagi juga. Orang dah bagi kita ambil je lah, nanti kecik hati pulak, betul tak? (ketawa kecil). Maknanya macam tu lah pengorbanan saya dan juga rakan-rakan yang lain kalau kat sekolah ni memang kita bagi percuma. Panggil saya ke sekolah buat kursus, dorang tanya "Nak bayar berapa ustaz?", *AllahuAkhbar* [Allah Maha Besar], "Terpulanglah pada sekolah nak bagi berapa", sampai macam tu sekali. Itu pengorbanan saya lah, supaya khat ini diminati. Selain daripada kita kene bagi motivasi lah kepada anak-anak muda berkaitan khat ini supaya kita boleh dapat

rezeki yang melimpah-ruah sebab bukan semua orang boleh tulis dan menguasai seni khat ini. Itu dia, itu lah harapan saya.

**NHK: Apa yang ustaz nampak dalam bidang khat ni untuk sepuluh tahun akan datang?**

JMM: Baik, untuk masa akan datang ni cabarannya sewaktu saya kata tadi yang awal-awal, cabarannya adalah macam mana kita nak tarik minat orang muda dengan khat. Sebab dia tak nampak kelebihan-- menguasai seni khat ni dia tak nampak. Jadi kalau tak ada usaha-usaha yang dilaksanakan melalui *NGO-NGO* [Non-Governmental Organization] ataupun Persatuan Seni Khat Johor [sic Persatuan Seni Khat KebangsaanCawangan Johor], memang satu masa nanti seni khat di Johor [Malaysia] ni akan terkubur lah, akan terkubur. Jadi, khat ni sebenarnya dia melatih kita menjadi orang yang sabar. Dia melatih kita jadi orang yang tekun, orang yang fokus pada kerja sebab khat ni terapi bagi saya menulis khat ni merupakan satu terapi emosi yang terbaik lah. Orang yang marah, orang yang ada perasaan hasad dengki, bila dia menulis khat dalam keadaan marah, tulisan dia takkan jadi (menggeleng kepala). Jadi kene sabar, kene fokus, kene tekun, emosinya kene stabil. Macam kita kalau lapar, kalau kita lapar pegang pen gigil-gigil macam mana nak tulis khat. Tak boleh lapar, tak boleh marah, kalau marah tulis sikit renyuk kertas, buang. Marah orang sana sini, tak boleh lah. Dia kena sabar. Jadi nak cari orang yang penyabar, tekun, susah sebenarnya, betul-betul minat. Kalau-- takde apa cara-cara macam mana nak belajar dan sebagainya, akhirnya ia terkubur lah begitu saja. Jadi untuk sepuluh tahun akan datang, memang harapan kami supaya generasi-generasi muda terus belajar lah. Sebab itu di sekolah-sekolah dah diperkenalkan seni khat ini untuk dipelajari. Kemudian kita ada persatuan, kemudian ada banyak laman web-- seni khat milik orang Malaysia khususnya yang-- dah pandai, dah boleh menguasai khat dengan baik, dah banyak dah. Jadi, tinggal lagi kita ambil masa sedikit untuk kita buat *research* [penyelidikan], *search* [cari] dekat pak cik *Google*, tanya mana-mana-- seni khat ni-- dia akan tolong jawabkan. Siapa yang boleh khat dan sebagainya, dia akan bagitahu kita. Jadi tinggal lagi kita nak belajar atau tak, itu je lah. Kalau kita dapat *spend* [luangkan] masa dengan khat melalui *YouTube* pun boleh (mengganguk) kita kuasai. Lambat laun pandai jugak akhirnya. Itu lah, kalau kita tak gunakan medium yang ada ni, teknologi yang canggih ni kita tak gunakan. Maka, rugilah kita. Sebab hari ni ada orang

tak pandai khat tapi dia boleh hasilkan seni khat dengan lebih baik. Dia tak pandai khat (menggeleng kepala), tapi dia boleh hasilkan seni khat dengan baik. Kerana apa? Kerana adanya teknologi canggih seperti sekarang. Percaya atau tidak? Daripada komputer sendiri, dia taip fon jawi, daripada situ dia tulis, supaya jadi latar belakang yang menarik dan sebagainya, dia *print out* [cetak]. Dia boleh keluarkan hasil seni dia, padahal dia tak pandai tulis khat. Itu cabaran masa kini. Jadi bila macam tu, orang dah taknak belajar menulis khat secara tradisional. Tapi dengan menggunakan komputer.

**NHK: Tak ada ketulenan lah.**

JMM: Haah, tak ada ketulenan. Nengok tulisan, kita kenal ni mesti tulisan komputer. Tulisan tangan dia berbeza dengan tulisan komputer. Kalau komputer tu ada jarak-jarak, tapi dia kena pandai lah macam mana-- ada orang yang dia pandai, dia lapik-lapikkan huruf itu supaya tidak seperti macam komputer. Walhal kalau kita nengok *huruf alif* tu *huruf wau* tu *huruf ba* tu ukuran-ukuran itu tidak tepat. Mungkin waktu dia besarkan huruf tu dia tak-- dia terlupa. Walhal setiap huruf itu ada ukuran-ukuran tertentu, yang tak boleh, yang-- kita kenal lah, dengan ini beso sangat ni, sepatutnya empat titik, ni dia sampai lima atau enam titik, dia tahu-- Bagi orang yang peka khat dia tahu lah, ini komputer, ini tulisan tangan, dia tahu. Tapi bagi orang yang tak pandai khat, oh cantik semua kan.

**NHK: Betul (ketawa kecil).**

JMM: Dia akan teruja lah. "Oh, cantiknya kau buat". Padahal komputer pun. Itu cabaran. Apatah lagi sepuluh tahun akan datang. Lagi hebat-hebat aplikasi-aplikasi khat, daripada Mesir [Republik Arab Mesir], daripada apa Timur Tengah dan sebagainya, lagi dasyat-dasyat. Menggunakan komputer je, dah ada dah contohnya. Jadi dia menggunakan aplikasi tersebut untuk dia tulis khat. Lepastu diaorang *print out* [cetak], letaklah gambar ke latar belakangnya cantik-cantik, dah boleh jual. Itu cabaran untuk sekarang dan juga akan datang lah kepada penulis-penulis khat. Akhirnya tak ada orang pandai menulis khat nanti. Semua orang menggunakan komputer seratus peratus, itu yang kita bimbangkan (ketawa kecil). Sebab tu kita kena ajar anak-anak kita yang muda-muda ni supaya dia boleh menulis khat. Kalau kau pandai menulis khat, kalau ni tulisan kau, cuba kau tulis.

Itu macam mana kita nak *detect* [mengesan], ini tulisan dia ke tulisan komputer. Kalau betul tulisan kau, okey tulis sekarang, contohnya. Dia boleh tulis tak sebiji macam tu, kalau dia boleh tulis, oh betul lah memang dia tulis (ketawa kecil). Kalau tak, memang komputer lah-- yang selalu dia guna. Jadi memang saya boleh harapkan supaya semua boleh menulis dengan baik masa akan datang lah terutama pada anak-anak didik lah daripada sekolah rendah. Sebab sekolah rendah ni tangan dia masih lembut, dia banyak masa untuk fokus. Kalau dah dewasa nanti sibuk dengan bekerja pulak. Nak buat itu, nak buat ini, tak sempat nak latih, tak sempat nak buat ulangan dan sebagainya. Kalau kanak-kanak ni memang-- lagi lah PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] ni duduk rumah je, buat lah latihan. _ _ _ (gangguan internet) je lah, lama-lama nanti pandai, itu je kaedah dia. Tak kisah lah, nanti lama-lama dia minat. Kalau jadi je, macam contoh lah anak saya, saya pernah beli tulisan anak saya sendiri.

**NHK & SMA: Wah! (teruja)**

JMM: "Kalau cantik, ayah bayar". Saya beli tulisan anak saya. "Kau buat ni cantik-cantik, ayah akan bayar" (ketawa kecil). Dia akan buat lah, buat-buat tak jadi, dia buat lagi, buat sampai dia puas hati. Wow, memang cantik. Kita bagi dia, kita bayar dia. Itu antara motivasi lah. Dia kata "Oh, seronoknya kalau cantik dapat duit". Memang betul. Sampai sekarang dia ambil upah dan sebagainya, macam tu lah. Tinggal lagi kita ada masa, nak kena ada masa, kena *spend* [luangkan] masa lah untuk khat ni (ketawa kecil). Itu dia, okey ada lagi soalan?

**NHK: Pada 2019, kita tahu Kementerian Pendidikan Malaysia nak masukkan pendidikan jawi dalam silibus Bahasa Melayu dan ada sesetengah persatuan yang menentang hal tu. Jadi apa komen ustaz berkenaan dengan isu itu?**

JMM: Baik, sebenarnya untuk tulisan jawi ni, yang menentang ni sebenarnya bukan kebanyakkannya dikalangan bukan orang Islam lah, yang menentang jawi ni. Walhal, orang-orang yang tak suka jawi ni pun, dia dah gunakan tulisan jawi tu dekat produk-produk dia pun. Betul tak? Ni kalau kita sebutkan *racist* [rasis] pulak. Tapi yang menentang tu kebanyakkannya bukan yang beragama Islam. Kenapa jawi tu ditentangnya walhal tulisan jawi tu untuk orang-- kita orang Islam. Bukan tulisan dia,

yang dia pakai tulisan jawi dalam produk-produk dia dah lama pun tak ada masalah pun. Betul tak? Bagi saya macam ni lah, sebenarnya usaha kerajaan untuk mengekalkan tulisan jawi dalam Bahasa Melayu tu sebenarnya memang dah lama dah. Dulu lagi, waktu saya sekolah pun dah ada dah belajar jawi dalam Bahasa Melayu. Tapi oleh kerana mungkin ada segelintir yang-- salah faham. Bila tulis jawi, terutama orang-orang kafir lah, bila tulis jawi kene masuk Islam. Itu masalah dia. Bila tulis jawi ni-- apa mungkin barangkali ayat *Al-Quran* katanya, walhal jawi tu tak semestinya kita tulis ayat *Al-Quran*. Dia hanya tulisan saja, pengalaman saya di Sabah [Malaysia], saya pernah mengajar di Sabah [Malaysia], tahun 1994 - tahun 1995, saya *posting* [penempatan] Sabah [Malaysia] dulu. Saya mengajar di Sekolah Kebangsaan Ulu Sinagang, Keningau, Sabah [Malaysia]. Jadi, di sekolah saya tu, ada enam orang saja murid Islam. Waktu tulisan jawi ada tiga orang murid bukan beragama Islam masuk kelas jawi saya. Mereka beragama Kristian tapi nak belajar tulisan jawi. Bayangkan, tak ada masalah. Sehinggakan guru besar membenarkan, sebab ia hanya tulisan, kenapa nak takut dengan tulisan. Jadi, saya ajar lah murid tiga orang tu, darjah satu sorang lepastu darjah dua sorang, darjah empat sorang. Yang dua orang tu adik-beradik, yang sorang tu anak-- lain lah, anak orang lain lah. Jadi, ada dua-- keluarga lah, yang dua orang tu adik-beradik, yang sorang tu ibu ayah dia lain lah. Boleh, tak ada masalah. Dan orang kampung pun tak ada lah marah saya ke apa ke. Tulis *alif, ba, ta,* memang tulis jawi, sampai guru besar pun tunjuk apa tunjuk-- sokong lah usaha saya sehinggakan budak tu kenal huruf jawi. Lagi murid Kristian, jadi tak ada masalah sebenarnya. Bukan saya ajak dia masuk Islam, tak. Ia hanya tulisan saja jawi tu. Kalau kita pergi Kelantan [Malaysia], cina-cina Kelantan [Malaysia] pun boleh tulis jawi. Tak ada masalah pun, boleh baca jawi lagi, contohnya lah. Sebab dia hanya tulisan, kenapa nak takut sangat dengan jawi, betul tak? Jadi, walau macam mana pun kerajaan kita ni dia kerajaan dulu lah sebelum ni, yang sekarang ni lain, yang-- sebelum ni lah. Jadi, bila dah macam tu kerajaan kena ikut suara ramai, akhirnya ia terkubur begitu saja. Jadi, macam mana pun, dalam Pendidikan Islam pun ada khat sebenarnya dan jawi. *So* [jadi], tak ada masalah sebenarnya. Walaupun kita tak belajar jawi dalam Bahasa Melayu tapi kita tetap belajar jawi dalam Pendidikan Islam. Macam di Negeri Johor [Malaysia] ni, kita ada sekolah agama yang memang

belajar agama, memang dalam tulisan jawi sepenuhnya. *So* [jadi], tak ada masalah bila di Johor [Malaysia]. Okey, ada lagi lain?

**NHK: *So* [jadi], kalau--- ada orang cakap yang "Tak nak lah belajar tulisan jawi". Jadinya kami boleh bagi hujah macam ustaz cakap lah, jawi hanyalah tulisan semata-mata.**

JMM: Ya, sebab ianya tulisan saja. Macam India ada tulisannya, Cina ada tulisannya. Macam kita ni orang Islam pun ada tulisan kita iaitu tulisan jawi, betul tak? Bukan jawi tu bukan-- memang jawi tu asalnya daripada tulisan Bahasa Arab, tapi kita ada penambahan huruf-huruf. Contohnya, *huruf nga, huruf ga, huruf pa, huruf nya, huruf va, wau* yang ada titik. Jadi, itu tulisan jawi. Jadi, ia hanya tulisan, bukan ada kena mengena dengan apa-apa kecuali kalau kita tulis ayat *Quran*, itu memang ayat *Al-Quran*. *So* [jadi], berbeza lah dengan jawi. Jadi kalau tulisan tu hanya tulisan jawi kenapa mesti takut dengan tulisan jawi. Sedangkan orang-orang kafir dia gunakan produk-produk dia pun tulis dalam tulisan jawi. Boleh pun, tak ada masalah. Dia hanya tulisan saja. Kecuali kalau kita tahu tu ayat *Quran*, baru lah kita kena muliakan dia. Selainnya tak ada masalah lah. Okey, ada lagi?

**NHK: Jadinya kalau macam saya ni, boleh lah ustaz nak belajar. Kiranya boleh bila-bila masa je lah ustaz *open* [buka].**

JMM: Boleh, boleh *InshaAllah*. Kalau nak belajar khat, secara kita gunakan *Google Meet* ke atau pun guna *WhatApps* pun tak apa. Saya akan rakamkan tulisan saya, awak nengok video tu, awak ikut contoh, lepastu awak tulis kat kertas, tunjuk kat saya, kat *WhatApps* pun boleh. Sebab musim PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] ni macam tu lah saya ajar budak-budak saya dengan khat kan, guna *WhatApps*, guna *Telegram*, *video call* [panggilan video], boleh. Jarak jauh pun boleh takde masalah. Saya ada sorang pelajar daripada Sarawak [Malaysia], belajar khat dengan saya secara *live* [secara langsung] lah, pun boleh takde masalah. Pelajar Sarawak [Malaysia], perempuan pulak tu, dia belajar. "Ustaz tolong tulis ni", lepas tu saya tulis lah lepastu video kan, post kat dia nanti dia nengok dia tiru. Dia buat, nanti saya akan komen lah. Dia tunjuk balik kat saya, saya komen ini tak betul, ini kene panjangkan sikit. Dia betulkan lah, akhirnya pandai jugak dia, tak pernah jumpa pun, jumpa dekat macam ni lah dalam-- *online* [atas talian] ni.

**SMA: Maknanya *online* [atas talian] pun ustaz *still* [masih] mengajar lah.**

JMM: Boleh, haah kalau ada permintaan lah-- ya saya ajar. Dia akan maklum kat kita, "Ustaz, nanti kita nak *live* [secara langsung] boleh tak, sekian tarikh sekian masa", saya kata "Okey", okey lah, kita *live* [secara langsung] lah. Macam tu lah. Macam sekarang ni lah, awak tengah *live* [secara langsung] dengan saya, jadi lah (ketawa kecil). Tulis _ _ _ [gangguan internet] sekarang, lepastu tunjuk, semua tunjuk. Lepastu tunjuk, saya komen. Ini tak betul-- saya tunjukkan yang betul saya tunjuk kat awak, ini yang betul macam ni (sambil seakan-akan menunjukkan kertas). Macam tu je, macam saya bagi masa seminggu-- okey, latih je *huruf wau* sampai jadi, selagi tak jadi jangan tunjuk kat saya, dah jadi baru tunjuk (ketawa kecil). Nanti kalau *huruf wau* dah-- pandai baru pindah huruf lain pulak, contoh gitu. Sebab dia ada kaedah dia, belajar. Ada orang belajar huruf daripada *huruf alif. Alif, ba, ta, sa,* betul tak? Sampai *ya* lah. Kalau *alif* tak lepas, tak boleh pindah *huruf ba.* Nanti *alif* dah pandai, baru boleh pindah *huruf ba. Ba, ta, sa,* sama lah takde masalah. Okey, pandaikan *alif, ba, ta, sa,* selagi tak pandai *alif, ba, ta, sa* tak boleh pindah *huruf jim,* macam tu. Begitu juga nak ke *dal,* begitu lah. Pandaikan *huruf jim* dulu, dah pandai *jim* baru boleh pindah *dal.* Memang bertahun lah jawabnya (ketawa kecil). Macam saya, saya tak ajar macam tu, saya ajar ikut bentuk-bentuk huruf. Huruf menegak, saya ajar huruf menegak je. Apa huruf menegak? *Huruf alif, huruf lam.*

**SMA: Ustaz ada cara ustaz sendiri.**

JMM: Ya, saya. Jadi, saya ajar satu, dia dapat tiga, dapat empat. Huruf menegak *alif,* lagi *lam* huruf menegak, lagi *mim*-- ekor panjang kebawah, *mim* tu menegak tu *mim* tu ekor dia huruf *alif.* Bila kita tahu huruf *alif,* kita sebenarnya belajar ekor huruf *mim* menegak. Kita belajar huruf *lam* juga, sebab *alif* [sic, *lam*] yang *lam* tu *huruf alif* sebenarnya. Jadi kita akan belajar tu semua terus, itu kaedah saya, jadi mudah. Jadi dia cepat dan mudah. Belajar satu huruf tapi boleh dapat banyak huruf (ketawa kecil). Macam pelik, tapi itu lah realitinya. Kita belajar huruf *lam*-- tu kan dia macam mata kail, ekor *lam* tu adalah ekor *nun, huruf nun.* Jadi kalau kita boleh buat *huruf lam,* bermaksud kita boleh buat *huruf nun* ekor dia. *So* [jadi], kat situ kita ada hubung kait dengan *nun. Nun* ni *huruf ya* separuh bulat, kita akan belajar huruf-huruf separuh bulat, ada banyak huruf-huruf separuh bulat.

Jadi saya akan belajar ikut bentuk. Huruf menegak-- huruf separuh bulat-- Jadi cepat lah. Itu kaedah saya lah. Daripada orang lain, orang lain punya cara. Bagi saya itu lah caranya, paling cepat, mudah untuk kuasai seni khat. Kita belajar satu, kita dapat dua tiga bentuk, macamtu. Okey, ada lagi?

**Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan sesi kedua mengenai bidang Warisan Seni Khat bersama Ustaz Jalaluddin bin Mispan@Mislan. Kami mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Sekian, terima kasih. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang Warisan Seni Khat para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.**

**6.0 LOG TEMUBUAL**

**Sesi 1**

| LOG | TOPIK | |
|---|---|---|
| 00:00:01-00:04:26 | **Latar Belakang** | • Tokoh mula menceburkan diri dalam bidang khat sejak dari sekolah rendah<br>• Khat dahulunya dikenali sebagai tulisan cantik<br>• Ibunya menyuruh menulis jawi sehingga timbu<br>• Menyertai pelbagai pertandingan seni khat di sekolah rendah, sekolah menengah<br>• Turut menceritakan sedikit latar belakang mengenai akademiknya yang belajar mengenai khat<br>• Nama: Jalaluddin Bin Mispan @ Mislan<br>• Asal: Felda Pasak, Kota Tinggi, Johor |
| 00:04:27-00:05:25 | **Akademik** | • Tabika Kemas Felda Pasak<br>• Sekolah Kebangsaan Tun Dr Syed Nasir<br>• Sekolah Menengah Arabiah Kluang<br>• Sekolah Menengah Agama Bugisiah Tampok<br>• Belajar lebih khusus di Sekolah Menengah Agama Bugisiah Tampok kerana belajar bersama ustaz Mohd Khalid Bin Arsad<br>• Maahad Johor<br>• Menjadi guru sandaran tanpa latihan selama setahun lebih<br>• Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi Selangor |
| 00:05:26-00:07:52 | **Tempat mengajar, bekerja dan penglibatan masa kini** | • Mula mengajar di Sabah selama dua tahun setengah<br>• Pulang ke semenanjung |

| | | |
|---|---|---|
| | | • Mengajar di Sekolah Kebangsaan (FELDA) Lok Heng Kota Tinggi Johor dua tahun setengah<br>• Sekolah Kebangsaan Laksamana Kota Tinggi Johor selama dua tahun setengah<br>• Sekolah Kebangsaan Taman Kota Jaya Kota Tinggi Johor selama lima atau enam tahun<br>• Menjadi Penyelia Kanan Pendidikan Islam di Pejabat Pendidikan Daerah di Kota Tinggi Johor selama lima tahun<br>• Guru besar di Sekolah Kebangsaan Sedili Kecil, Kota Tinggi Johor selama setahun sembilan bulan<br>• Guru besar di Sekolah Kebangsaan Mawai Kota Tinggi, Johor selama lima tahun<br>• Baru sahaja berpindah ke Sekolah Rendah Agama Bersepadu Kota Tinggi Johor sebagai guru<br>• Belajar sambil bekerja ketika di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn<br>• Menyambung Sarjana Muda di OUM Batu Pahat<br>• Dilantik sebagai Naib Pengerusi Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor<br>• Aktif menyertai pertandingan, pameran demonstrasi seni khat |
| 00:07:53-00:08:17 | **Negeri bekerja** | • Bekerja di Sabah hanya dua tahun setengah<br>• Pulang dari Sabah pada tahun 1996 dan bekerja di Kota Tinggi Johor sehingga sekarang |

| | | |
|---|---|---|
| 00:08:18-00:08:36 | **Latar belakang ibu** | • Nama ibu: Jeminah Binti Abdul Kasim |
| 00:08:37-00:09:40 | **Cara ibunya melatih tulisan cantik** | • Rutin ibunya menyuruhnya menulis jawi sebelum keluar bermain selepas Asar ketika darjah empat, darjah lima dan darjah enam<br>• Ibunya memberi contoh dan perlu menulisnya |
| 00:09:41-00:11:08 | **Pengalaman mula-mula lebih bergiat mempelajari seni khat** | • Mula mendalami khat di Sekolah Menengah Arabiah Kluang<br>• Belajar dari pakar khat bernama Ustaz Mohd Khalid Bin Arsad selama setahun<br>• Mempelajari kelapan-lapan jenis khat<br>• Mula menggunakan qalam (pen buluh) bagi menulis khat |
| 00:11:09-00:11.32 | **Latar belakang ayah** | • Nama ayah: Mispan atau Mislan Bin Jais<br>• Ayahnya berumur lapan puluh tahun<br>• Ayah dan ibunya masih hidup lagi |
| 00:11:33-00:11:58 | **Pekerjaan ibu & ayah** | • Ibunya seorang suri rumah yang meminati jawi tetapi bukan seorang guru<br>• Ayahnya seorang peneroka FELDA |
| 00:11:59-00:13:09 | **Latar belakang adik beradik** | • Seorang adiknya sahaja yang bergiat khat<br>• Anak-anaknya semua berminat khat dan mampu menulis dengan baik<br>• Bilangan adik beradiknya ialah tujuh dan tokoh merupakan anak sulung |

| | | |
|---|---|---|
| | | • Lima lelaki dan dua perempuan<br>• Semua sudah bekerja dan berumahtangga |
| 00:13:10-00:15:35 | **Latar belakang isteri & anak-anak** | • Nama isteri: Zaleha Binti Haji Omar<br>• Seorang guru di Sekolah Agama Ladang Alaf YPJ Kota Tinggi Johor<br>• Isterinya pandai menulis khat<br>• Bersama-sama satu keluarga pergi ke pertandingan khat<br>• Semuanya selalu mendapat tempat dalam pertandingan khat<br>• Mula mendirikan rumah tangga pada tahun 1996<br>• Mempunyai lima orang anak<br>• Anak pertama, Nurul Juzailah sudah bekerja<br>• Anak kedua, Nurren Jazmina menuntu di Universiti al-Azhar<br>• Anak ketiga, Muhammad Zakwan dalam proses menyambung pelajara<br>• Anak keempat, Siti Nurasfani berusia dua belas tahun<br>• Anak kelima sudah meninggal dunia |
| 00:15:36-00:23:54 | **Cara mendidik anaknya mempelajari khat** | • Tidak mengajar anak-anaknya secara formal pada mulanya tetapi anak-anaknya sudah melihatnya membuat pelbagai jenis tempahan khat sejak kecil<br>• Anak-anaknya mula dipilih oleh guru sebagai wakil sekolah dan baru mula mengajar anak-anaknya<br>• Anaknya yang ketiga, Muhammad Zakwan seorang yang kidal.<br>• Membawa anaknya ke setiap pameran, demonstrasi<br>• Mula mendapatkan duit dengan |

| | | |
|---|---|---|
| | | membuat khat<br>• Selalu memberi motivasi anaknya untuk terus menulis khat<br>• Anak-anaknya berjaya sehingga ke peringkat kebangsaan dalam menyertai pertandingan khat<br>• Tidak memaksa anaknya mempelajari khat seperti ibunya dahulu<br>• Memuji hasil khat anaknya walaupun tidak berapa jadi dan menegur kesilapannya<br>• Anaknya bersemangat menulis khat sehinggakan guru-guru dan rakan-rakan membuat tempahan kepadanya untuk menulis khat dan berjaya mengumpul duitnya sendiri<br>• Tokoh melatih anaknya selama satu ke dua jam<br>• Gurunya, ustaz Mohd Khalid Bin Arsad menasihatinya untuk sehari dua jam<br>• Turut bekalkan anak-anaknya qalam iaitu pen khat untuk latih di asrama<br>• Menyuruh anaknya membuat latihan sebelum guru masuk ke kelas<br>• Anaknya Muhammad Zakwan diminta guru-gurunya menulis khat di dinding sekolah, sepanduk dan kain rentang bersama-sama rakan-rakannya |
| 00:23:55-00:26:55 | **Kos dan peralatan untuk menulis khat** | • Kos untuk menyiapkan satu hasil seni khat agak tinggi<br>• Qalam daripada buluh agak murah<br>• Qalam daripada tanduk agak mahal<br>• Biasanya qalam dibeli dalam satu set kerana mempunyai pelbagai mata |

| | | |
|---|---|---|
| | | • Mata pen dari nombor tiga, nombor lima, nombor lapan, nombor lima sebelas, nombor lima belas, nombor lapan belas dan nombor dua puluh<br>• Satu set boleh mencecah RM180 ke RM190<br>• Kos tersebut belum termasuk dengan dakwat dan kertas<br>• Kos paling murah adalah dengan mencari batang resam di tepi jalan atau dalam kebun dan rautnya<br>• Qalam boleh dibuat menggunakan buluh dengan meraut buluh sehingga menjadi mata. Jika rosak matanya boleh diraut lagi<br>• Boleh dibeli secara atas talian seperti dari negara Turki, Mesir, Indonesia dengan pelbagai jenis dan harga<br>• Membeli pen kaligrafi jenama 'Artline' di kedai-kedai juga murah kosnya.<br>• Mempunyai mata saiz nombor satu, nombor dua dan nombor tiga<br>• Pennya mudah rosak jika ditekan<br>• Sebaiknya beli pen mata besi untuk ketahanan |
| 00:26:56-00:28:15 | **Waktu melakukan seni khat** | • Kerap melakukan terutama pada masa kini berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan<br>• Buat setelah mendapat tempahan<br>• Menulis khat untuk dijadikan contoh kepada anak-anak murid yang akan masuk pertandingan dengan menggunakan contoh dari Kementerian Pelajaran Malaysia |

| | | |
|---|---|---|
| 00:28:16-00:31:03 | **Kisah perjalanan khat di SRAB Kota Tinggi** | • Melatih anak muridnya di atas talian<br>• Menjadi guru besar SRAB Kota Tinggi kerana guru-guru besarnya berpencen dan berpindah.<br>• Mewujudkan kelas seni khat untuk guru-guru dan anak mereka yang berminat<br>• Membuka kelas tersebut secara percuma<br>• Anak muridnya, Muhd Nur Azri Bin Jamari mendapat naib johan di peringkat negeri<br>• Melatihnya hanya selama dua minggu |
| 00:31:04-00:33:34 | **Kaedah menulis khat** | • Setiap huruf mempunyai kaedahnya yang tersendiri untuk menulis<br>• Kuasai huruf dengan baik<br>• Pengajar perlu mempunyai kemahiran yang betul semasa mengajar |
| 00:33:35-00:36:38 | **Menunjukkan hasil seni khatnya** | • Pelbagai jenis hasil khatnya ditunjukkan<br>• Turut menulis khatnya di dalam Buku Persediaan Mengajarnya<br>• Bukunya mendapat perhatian apabila terdapat pemantauan<br>• Menulis di dalam buku tersebut agar tidak hilang kemahirannya |
| 00:36:39-00:38:17 | **Kisah anak lelakinya dalam seni khat** | • Anaknya, Muhammad Zakwan Mempunyai bukunya sendiri untuk melatih menulis khat<br>• Anaknya turut pandai melukis<br>• Menerima banyak tempahan untuk |

| | | |
|---|---|---|
| | | melukis potret keluarga<br>• Tokoh memesan kepada anaknya agar mendalami lagi ilmu seni khat ketika menyambung pelajarannya di Universiti al-Azhar pada masa akan datang |
| 00:38:18:-00:40:33 | **Cara mempromosikan seni khatnya** | • Tokoh mempromosikan seni khatnya melalui media sosial seperti *Whatsapp, Instagram* dan *Telegram*<br>• Mengadakan pameran, demonstrasi bersama kawan-kawannya |
| 00:40:34-00:42:46 | **Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor (Bahagian 1)** | • Mengadakan pameran di bawah Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor<br>• Bersama-sama rakannya melakukan pameran dan demonstrasi<br>• Pernah menyertai pameran di Galeri Seni Johor selama tiga bulan<br>• Pameran biasanya memakan hari selama dua atau tiga hari<br>• Pernah menyertai pameran di UTM Skudai sempena majlis konvokesyen<br>• Pernah melakukan pameran dan demonstrasi bersama *NGO*, badan-badan kerajaan di sekolah-sekolah seperti kursus bersama murid tahun enam |
| 00:42:47-00:44:13 | **Nasihat kepada ahli-ahli seni** | • Orang yang menghasilkan seni mestilah ada produknya sendiri<br>• Boleh menjual hasil-hasil seni kita<br>• Penulis khat jika tidak mengeluarkan produknya tersendiri belum dikira sebagai berjaya |

| | | |
|---|---|---|
| | | • Tokoh aktif dalam membuat seni khat dalam pinggan dari tahun 1998 |
| 00:44:14-00:49:51 | **Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor (Bahagian 2)** | • Menjadi ahli biasa sejak tahun 1998<br>• Mendapat cadangan kawan-kawannya untuk menjadi ahli persatuan semasa menjadi hakim-hakim pertandingan Majlis Tadarus Al-Quran<br>• Yuran pada ketika itu RM12 setahun<br>• Sertai pelbagai seminar, kursus dan pertandingan semasa menjadi ahli persatuan<br>• Memenangi hadiah dalam pelbagai pertandingan dalam persatuan itu<br>• Kini dilantik sebagai Timbalan Pengerusi persatuan itu<br>• Sehingga kini masih bergiat dalam persatuan itu<br>• Yuran pada masa kini RM350 setahun<br>• Isteri dan anak-anaknya turut menjadi ahli tetap persatuan itu<br>• Pelbagai kelebihan diterima apabila menjadi ahli persatuan tersebut seperti mendapat duit minyak untuk ke mesyuarat agong<br>• Ramai penulis khat lahir dalam persatuan itu yang bekerjasama dengan Yayasan Warisan Johor<br>• Mendapat peruntukan beribu-ribu Ringgit Malaysia pada tiap tahun bagi mengadakan pelbagai aktiviti<br>• Pelbagai penulis dan pelapis yang berbakat lahir dalam persatuan itu<br>• Ada sesetengahnya melakukan khat secara sepenuh masa<br>• Tokoh hanya melakukan khat ketika |

| | | |
|---|---|---|
| | | mempunyai masa terluang |
| 00:49:52-00:51:12 | **Persatuan Seni Khat Kebangsaan Cawangan Johor (Bahagian 3)** | • Untuk menjadi ahli persatuan tersebut tidak perlu pandai menulis khat, hanya perlu meminati khat<br>• Orang yang minat biasanya akan melatih menulis khat dengan bersungguh-sungguh<br>• Latih mengikut kemahiran dan kemampuan seseorang<br>• Minat dan peralatan yang cukup penting untuk menguasai tulisan khat |
| 00:51:13-00:55:43 | **Kepentingan bakat dalam menulis khat** | • Kalau tiada bakat boleh sahaja menulis khat namun memakan masa untuk kuasai<br>• Lebih cepat kuasai jika mempunyai bakat<br>• Setiap huruf khat mempunyai rahsia-rahsianya yang tersendiri<br>• Berguru penting dalam menulis khat agar tidak membuat kesilapan |
| 00:55:44:00:57:28 | **Pengalaman manis** | • Tokoh menang dalam pertandingan seni khat bersama-sama anak-anaknya |
| 00:57:29-00:-01:00:27 | **Pengalaman pahit** | • Hasil seni khatnya terconteng kerana mejanya dilanggar. Pada ketika itu di saat akhir sebelum menghantar hasil seni khatnya di dalam pertandingan |
| 01:00:28-01:03:06 | **Peruntukan masa & ayat dalam pertandingan seni** | • Mengikut pertandingan itu sendiri<br>• Masa yang ada satu jam setengah, dua jam, tiga jam |

| | | |
|---|---|---|
| | **khat** | • Biasanya dua jam untuk pertandingan di sekolah<br>• Ayat untuk ditulis biasanya agak panjang<br>• Ayat Quran untuk pelajar lelaki dan hadis nabi untuk pelajar perempuan<br>• Pelajar perlu menguasai *Khat Nasakh, Khat Thuluth dan Khat Riq'ah* untuk pertandingan |

**Sesi 2**

| LOG | TOPIK | |
|---|---|---|
| 00:01:13-00:02:46 | **Jenis-jenis khat yang terkenal** | Jenis-jenis khat:<br><br>*1. Khat Riq'ah*<br><br>*2. Khat Nasakh*<br><br>*3. Khat Thuluth*<br><br>*4. Khat Kufi*<br><br>*5. Khat Diwani*<br><br>*6. Khat Diwani Jali*<br><br>*7. Khat Ijazah*<br><br>*8. Khat Farisi* |
| 00:03:00-00:06:26 | **Cara dan jangka masa untuk mempelajari serta menguasai sesuatu jenis seni khat** | • Mempelajari dari khat yang mudah iaitu Khat Riq'ah dan diikuti dengan khat yang lain lain seperti Khat Nasakh, Khat Thuluth, Khat Kufi, Khat Diwani, Khat Diwani Jali, Khat Ijazah dan Khat Farisi.<br>• Boleh menguasai dalam masa beberapa bulan atau tahun jika ada minat yang mendalam, kerajinan diri untuk membuat latihan dan ketajaman fokus yang tinggi |

| | | |
|---|---|---|
| 00:06:36-00:08:10 | **Jangka masa untuk menyiapkan sesuatu hasil karya seni khat** | • Mengambil masa lebih kurang sepuluh minit untuk menghasilkan karya seni khat pada sehelai kertas<br>• Sementara itu, jika menghasilkan karya pada dinding dan kain perlu mengambil masa berhari-hari untuk disiapkan<br>• Mengambil kira jenis ayat yang perlu ditulis (panjang atau pendek) serta sebesar mana hasil karya seni khat yang ingin dihasilkan. Sebagai contoh, menghasilkan seni khat pada dinding mengambil masa sehingga lima ke enam hari. |
| 00:08:19-00:09:19 | **Jangka masa untuk menyiapkan hasil karya seni khat dalam pinggan** | • Anggaran masa untuk menyiapkan hasil karya seni khat dalam pinggan adalah selama dua hingga tiga hari<br>• Bermula daripada proses menulis khat di atas pinggan sehinggalah dibingkaikan |

| | | |
|---|---|---|
| 00:09:48-00:12:00 | **Syarat bagi penulis khat untuk menulis seni khat dalam bentuk ayat suci Al-Quran** | • Semasa dalam sesuatu pertandingan, peserta perempuan diberi ayat dalam Hadis Nabi manakala lelaki dalam bentuk ayat Al-Quran. Hal ini kerana untuk menjaga adab dengan ayat suci Al-Quran sekiranya peserta perempuan berhadas besar.<br>• Memastikan diri suci daripada hadas besar<br>• Berwuduk sebelum mula menulis seni khat dalam bentuk ayat Al-Quran<br>• Menutup aurat semasa menulis seni khat dalam bentuk ayat Al-Quran<br>• Tidak boleh memijak saki baki tulisan yang rosak dan perlu dibakar dengan cara yang dikhususkan untuk melupuskan ayat Al-Quran |

| | | |
|---|---|---|
| 00:12:24-00:14:08 | **Cara untuk mendapatkan peralatan menulis seni khat** | • Kebiasaanya kalam yang *ready-made* boleh didapatkan di kedai-kedai alat tulis atau kedai buku. Contohnya, kalam khat 1.0, 2.0, 3.0 serta 90 yang bermata serong.<br>• Kalam khat tradisional seperti buluh, batang resam boleh didapati di kebun-kebun. Kemudian dipotong serong untuk dijadikan kalam khat.<br>• Kalam daripada tulang dan besi pula boleh didapati secara atas talian yang kebanyakkannya dijual di Mesir dan Jordan |

| | | |
|---|---|---|
| 00:14:35-00:19:16 | **Cabaran untuk menceburi serta rahsia untuk mahir dalam bidang warisan seni khat** | Cabaran-cabaran untuk menceburi bidang warisan seni khat:<br><br>• Cabaran dari segi menguasai kesemua jenis khat, mengambil masa yang agak lama<br>• Cabaran untuk terus meminati warisan seni khat perlu dorongan daripada keluarga<br>• Cabaran untuk mendapatkan modal untuk memperolehi peralatan menulis khat jika tidak mendapat sokongan daripada keluarga<br>• Cabaran untuk mencari tenaga pengajar untuk mempelajari seni khat kerana tidak semua orang memiliki keistimewaan menulis khat<br>• Cabaran untuk mendapatkan peralatan seni khat yang sukar untuk ditemui<br><br>Rahsia kekal mahir dalam bidang seni khat:<br><br>• Isteri yang selalu memberi sokongan dan menolong jika ada pertandingan atau demonstrasi<br>• Sokongan daripada anak-anak yang juga meminati dalam bidang yang sama menimbulkan rasa lebih |

| | | |
|---|---|---|
| | | bersemangat<br>• Sentiasa melibatkan diri dalam pertandingan seni khat untuk mengetahui kebolehan diri |

| | | |
|---|---|---|
| 00:19:28-00:20:56 | **Cara untuk mengetahui adakah cara kita menulis seni khat betul atau salah** | • Semasa dalam pertandingan sudahpun ditetapkan jenis khat dan ayat yang perlu ditulis<br>• Peserta diberi kebenaran untuk berlegar di dalam kawasan pertandingan untuk melihat hasil karya orang lain<br>• Jadi peserta boleh buat pembandingan sendiri antara tulisan sendiri dengan tulisan orang lain |
| 00:21:12-00:22:45 | **Saingan dalam bidang warisan seni khat** | • Ustaz Zamri bin Hamid, seorang pakar dan penulis seni khat sepenuh masa yang mempunyai galeri dan kedai tersendiri<br>• Beliau bergiat aktif dalam menyertai mana-mana pertandingan seni khat yang dianjurkan<br>• Secara tidak langsung telah menjadi idola dan tenaga pengajar kerana penulisannya yang cantik dan halus<br>• Sering ditandingi Ustaz Zamri bin Hamid dimana-mana pertandingan. Jika Ustaz Zamri mendapat johan, maka Ustaz Jalaluddin menyandang naib johan. |

| | | |
|---|---|---|
| 00:23:02-00:26:04 | **Cabaran mendidik pelajar yang baru berkecimpung dalam bidang seni khat** | • Cabaran mengajar cara memegang kalam khat dengan betul<br>• Cabaran untuk memastikan pelajar menguasai dan mahir menulis setiap huruf jawi mengikut jenis khat yang tertentu |

| | | |
|---|---|---|
| 00:26:16-00:30:03 | **Cabaran untuk mengekalkan warisan seni khat dan kelebihan mahir dalam seni khat** | Cabaran mengekalkan warisan seni khat:<br>• Sukar untuk menarik minat orang muda untuk mempelajari seni khat<br>• Anak muda lebih gemar meluangkan masa dengan gajet berbanding meluangkan masa dengan menulis atau mempelajari sesuatu yang baru<br>• Penerbitan surat khabar Utusan Melayu yang dihentikan menyebabkan salah satu cara untuk menarik minat masyarakat terhapus<br><br>Kelebihan mahir dalam bidang seni khat:<br>• Seseorang yang mahir dalam seni khat akan dicari, dikenali orang sekeliling<br>• Kelebihan dan ilmu yang diperoleh perlulah memberi manfaat kepada orang lain dan diri kita sendiri<br>• Masyarakat akan memandang tinggi dan hormat kita<br>• Ramai masyarakat boleh menulis jawi tetapi tidak ramai yang boleh menulis khat |

| | | |
|---|---|---|
| 00:30:24-00:32:40 | **Sumbangan terbesar dalam bidang seni khat** | Sumbagan-sumbangan:<br><br>• Tenaga pengajar Yayasan Warisan Johor<br>• Tenaga pengajar Seni Khat<br>• Jurulatih seni khat Kementerian Pendidikan Johor<br>• Ketua seni khat Persatuan Seni Khat Johor<br>• Menulis *backdrop-backrop* untuk majlis-majlis rasmi<br>• Membina tulisan khat di masjid-masjid, surau-surau. Projek terbesar di Masjid Sedili Besar, Kota Tinggi iaitu menulis *asmaul husna* dan ayat-ayat suci Al-Quran serta tulisan kalimah Allah sebesar lima kaki tingginya. |

| | | |
|---|---|---|
| 00:32:55-00:34:57 | **Sahabat seperjuangan yang sentiasa menyokong** | • Encik Johan bin Sijaya, seorang pakar tentang *frame* juga seorang usahawan yang mempunyai kedai *frame* tersendiri yang sentiasa berkolaborasi bersama untuk menghasilkan sesuatu karya seni khat. Encik Johan selalu mengikuti bersama-sama dalam sesuatu pameran<br>• Selain itu, Ustaz Zamri bin Hamid sentiasa bersama-sama mengikuti pameran, jualan, demonstrasi dan sebagainya<br>• Di samping itu, Ustaz Sahlan bin Abd Rahman, Ustaz Saifuddin bin Afandi, Ustaz Zaini bin Amid, Ustaz Asri bin Buang dan ramai lagi termasuk dalam sahabat yang sering membantu dalam mempertahankan seni khat ini |

| | | |
|---|---|---|
| 00:35:16-00:40:48 | **Perasaan memperoleh semua pencapaian dan sumbangan yang telah diberi serta anggaran harga untuk hasil karya seni khat** | Perasaan memperoleh pencapaian dan sumbangan:<br><br>• Berasa puas kerana dapat memenuhi permintaan orang ramai<br>• Turut merasa gembira melihat tulisan yang ditulis kekal sehingga ke hari ini<br>• Merasa sangat seronok dapat berkhidmat untuk menghasilkan karya seni khat untuk masyarakat<br>• Dalam masa yang sama, gembira kerana dapat menyampaikan mesej dan dakwah islam secara tidak langsung. Contohnya, menulis Hadis Nabi berkaitan mengingatkan tentang kewajipan solat di dinding-dinding masjid, jadi ramai yang akan membacanya dan mesej dakwah itu sampai kepada masyarakat serta memberi manfaat yang berpanjangan<br><br>Anggaran harga hasil karya seni khat:<br><br>• Menulis seni khat bukan untuk mendapatkan impak keuntungan semata-mata<br>• Tidak kisah berkaitan bayaran yang diberi asalkan setanding dengan |

| | | |
|---|---|---|
| | | tenaga, masa dan modal yang dikeluarkan<br>• Mengikut bajet yang pembeli berikan dan sekiranya bayaran yang diberikan terlalu tinggi, maka akan dikurangkan mengikut kesesuaian harga<br>• Suka mengamalkan sikap tawar-menawar dalam menghasilkan karya seni khat |

| | | |
|---|---|---|
| 00:40:54-00:44:13 | **Bayaran paling mahal yang pernah diterima** | • Bayaran paling mahal sekitar RM6500 hingga RM7000 untuk projek karya seni khat di Masjid Sedili Besar, Kota Tinggi dalam masa enam hari sahaja<br>• Seterusnya, pada sehelai kertas A4, menulis khat untuk Program Keruncung Nusantara Negeri Johor dengan bayaran RM250. *Design* seni khat yang dihasilkan dijadikan logo, *backdrop*, cetak pada baju, *banner* dan sebagainya di dalam program itu |
| 00:44:23-00:46:15 | **Harapan terhadap warisan seni khat pada generasi akan datang** | • Mahukan agar warisan seni khat ini tidak mati ditelan zaman<br>• Berharap agar orang Islam terutamanya mampu untuk menguasai seni khat walaupun hanya satu jenis khat sahaja<br>• Selain itu, berharap agar ilmu-ilmu berkaitan seni khat terus diteruskan dan diperkembangkan<br>• Harapan agar dapat mencungkil minat anak-anak muda sejak daripada kecil kerana tidak semua orang memiliki keistimewaan menulis khat dengan hasil seni yang halus |

| | | |
|---|---|---|
| 00:46:27-00:52:53 | **Warisan seni khat sepuluh tahun akan datang dan ciri-ciri seorang penulis khat** | Seni khat sepuluh tahun akan datang:<br><br>• Cabaran menarik minat orang muda untuk mempelajari seni khat kerana mereka tidak didedahkan dengan kelebihan-kelebihan yang akan diperoleh<br>• Usaha-usaha NGO dan Persatuan Seni Khat akan terkubur jika anak muda tidak mempelajari dan mewarisi warisan seni khat<br>• Berharap sepuluh tahun akan datang masyarakat muda terus mewarisi dan mempelajari seni khat dengan baik<br>• Hilangnya ketulenan seni khat kerana ramai yang boleh menghasilkan seni khat tanpa mempelajarinya dengan cara menggunakan teknologi masa kini iaitu dengan bantuan komputer, aplikasi serta *font-font* jawi yang tersedia di internet<br>• Berharap anak-anak muda dididik sejak kecil lagi mengenai seni khat kerana anak muda lebih banyak masa yang terluang di samping tangan mereka yang masih lembut mudah untuk diluntur dan mempunyai fokus yang tinggi |

| | | |
|---|---|---|
| | | Ciri-ciri penulis khat:<br><br>• Seorang yang penyabar<br>• Melatih diri menjadi seorang yang tekun dan fokus<br>• Mengajar untuk mengawal rasa marah dan hasad dengki<br>• Dapat mengimbangi emosi diri |

| | | |
|---|---|---|
| 00:53:14-00:58:08 | **Huraian tentang isu penambahan pendidikan jawi dalam silibus Bahasa Melayu oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2019** | • Kebanyakkan yang menentang adalah bukan orang Islam<br>• Tulisan jawi adalah hanyalah tulisan semata-mata untuk orang Islam, sama juga seperti India dan Cina yang mempuanyai tulisan tersendiri<br>• Segelintir orang bukan islam yang salah faham beranggapan jika menulis tulisan jawi bermakna perlunya mereka tukar agama ke agama Islam. Walhal sebenarnya tidak berkeperluan sebegitu<br>• Pengalaman sendiri semasa mengajar di Sabah, pernah mengajar tulisan jawi kepada enam orang murid bukan beragama Islam. Keluarga murid tersebut tidak mengongkong malah guru besar Sekolah Kebangsaan Ulu Sinagang, Keningau, Sabah turut memberikan sokongan atas usaha mengajar tulisan jawi tersebut<br>• Tiada masalah jika di Johor kerana pelajar turut diberi pelajaran tulisan jawi melalui subjek Pendidikan Islam dan juga dengan adanya sekolah agama setiap petang |

| | | |
|---|---|---|
| 00:58:33-01:02:29 | **Peluang mempelajari tulisan seni khat bersama Ustaz Jalaluddin** | • Memberi peluang sesiapa sahaja yang ingin mempelajari tulisan seni khat secara atas talian atas sebab Perintah Kawalan Pergerakan yang diadakan masa kini<br>• Boleh mempelajari seni khat melalui aplikasi *Google Meet, Whatsapp, Telegram, Video Call* dan sebagainya<br>• Pernah mengajar seorang pelajar perempuan daripada Sarawak melalui atas talian<br>• Mengajar dengan cara menghantar video cara menulis khat dengan cara yang betul dan seterusnya pelajar mengambil masa sekurangnya seminggu untuk berlatih dan menunjukkan hasil yang telah dipelajari mereka melalui gambar<br>• Seterusnya mengajar menulis dengan kaedah yang senang, pantas dan menjimatkan masa iaitu belajar menulis satu huruf yang boleh dihubung kait atau seakan sama dengan huruf lain pada satu masa yang sama |

## 7.0 RALAT

Ketika temubual ini dijalankan terdapat beberapa jenis ralat yang tidak dapat dielakkan. Berikut adalah jenis ralat yang telah dirakam secara tidak langsung:

- Bunyi telefon bimbit
- Gangguan teknikal
- Bunyi selakan kertas
- Mendiamkan diri
- Perkataan kurang jelas
- Gangguan di pejabat

Walau bagaimanapun, temubual kami bersama Ustaz Jalaluddin bin Mispan@Mislan berjalan lancar dengan jayanya. Ralat tersebut tidak mengganggu kerana suara Ustaz Jalaluddin bin Mispan@Mislan masih boleh didengari.

## 8.0 GLOSARI

| No. | Perkara | Huraian |
|---|---|---|
| 1. | ***Al-Khattat*** | Al-Khattat adalah merupakan perkataan Arab yang memberi maksud gelaran yang diberikan kepada seseorang yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam penulisan seni khat. |
| 2. | ***Al-Quran*** | Al-Quran merupakan kitab suci agama Islam yang juga mempunyai nama yang lain seperti Al-Furqan, Al-Kitab, Al-Zikr, Al-Nur, Al-Tanzil dan Al-Bayyinah. |
| 3. | ***Asar*** | Waktu petang antara lepas zuhur hingga masuk matahari. |
| 4. | ***Asmaul Husna*** | Sembilan puluh sembilan nama Allah yang teragung, termulia dan terindah. (Kamus Dewan Edisi Keempat) |
| 5. | ***Backdrop*** | Latar belakang |
| 6. | ***Banner*** | Sepanduk |
| 7. | **Bengkel** | Perbincangan secara berkelompok untuk mengkaji atau bertukar-tukar pendapat tentang sesuatu. |
| 8. | **Condong** | Senget ke sebelah, tidak tegak lurus. |
| 9. | **Dakwah** | Kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan. |
| 10. | **Demonstrasi** | Penerangan tentang cara kerja sesuatu pekerjaan. |
| 11. | **Galeri** | Bangunan atau bilik tempat mempamerkan karya-karya seni. |

| | | |
|---|---|---|
| 12. | **Galeri Seni Johor** | Galeri Seni Johor dijadikan sebagai Galeri Seni Lukis dan berfungsi sebagai pusat pendidikan, pengumpulan, peragaan, pendokumentasian, rujukan serta tempat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti seni lukis pada tahun 2003. Perasmian dilakukan oleh Y.A.B Dato' Haji Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor. |
| 13. | **Guru Sandaran** | Guru sandaran adalah guru yang baru tamat pengajian dan sedang dalam proses untuk mendapat pengesahan jawatan yang sebenar. |
| 14. | ***Hadis Nabi*** | Perbuatan atau kelakuan Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh sahabat-sahabatnya untuk menjelaskan dan menentukan sesuatu hukum Islam. |
| 15. | ***Huruf Hija'Iyah*** | Huruf alfabet yang berasal dari Arab. |
| 16. | **Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi Selangor** | Institusi perguruan tunggal yang mengeluarkan guru-guru terlatih dalam bidang pendidikan Islam di sekolah-sekolah rendah dan guru bahasa Arab untuk sekolah menengah. |
| 17. | **Juri** | Sekumpulan orang yang tugasnya mengadili sesuatu pertandingan. |
| 18. | **Jurulatih** | Orang yang melatih orang lain supaya mahir. |
| 19. | **Kaligrafi** | Tulisan tangan yang menghasilkan huruf atau tulisan yang indah sebagai suatu seni. |
| 20. | **Kanvas** | Kain yang tebal digunakan untuk melukis. |
| 21. | **Karya** | Buatan atau ciptaan seperti seni. |

| | | |
|---|---|---|
| 22. | ***Khat*** | Tulisan tangan yang cantik. |
| 23. | ***Khat Diwani*** | Khat Diwani adalah gaya seni khat yang berbentuk melengkung. |
| 24. | ***Khat Diwani Jali*** | Khat Diwani Jali bermaksud gaya jelas. Hurufnya berkait dan garis lurus dari atas hingga ke bawah berselang-seli dan dibuat agar kelihatan satu. |
| 25. | ***Khat Farisi*** | Khat Farisi atau Khat Nasta'liq ialah gaya melengkung yang dibangunkan dalam dunia Parsi. |
| 26. | ***Khat Kufi*** | Khat Kufi adalah khat tertua dengan gaya yang lebih geometrik dan jelas dengan rima jelas dan penekanan kepada garis melintang. |
| 27. | ***Khat Nasakh*** | Khat Naskh adalah penulisan melengkung mudah yang digunakan dalam perutusan sebelum pakar khat mula menggunakannya bagi penulisan Al-Quran. |
| 28. | **Khat Pinggan** | Karya Khat yang dihasilkan di dalam pinggan. |
| 29. | ***Khat Riq'Ah*** | Khat Riq'ah lebih mudah dan dapat ditulis dengan cepat sering digunakan untuk tujuan surat-menyurat. |
| 30. | ***Khat Thuluth*** | Khat Thuluth kebanyakkannya digunakan untuk hiasan seperti yang terdapat dalam mashaf uthmani (Al-Quran). |
| 31. | **Kidal** | Gemar menggunakan tangan kiri apabila melakukan sesuatu. |
| 32. | **Kolaborasi** | Kerjasama dengan seseorang atau sesuatu ihak untuk melakukan sesuatu. |

| | | |
|---|---|---|
| 33. | **Kontrak** | Perjanjian formal dengan syarat-syarat tertentu antara dua pihak atau lebih. |
| 34. | ***Maulidurrasul*** | Sambutan atau majlis memperingati keputeraan Nabi Muhammad SAW. |
| 35. | ***Muktabar*** | Terhormat, terkenal. |
| 36. | **Pakar** | Seseorang yang mahir dalam sesuatu ilmu. |
| 37. | **Pameran** | Pertunjukan hasil seni. |
| 38. | **PKP** | Perintah Kawalam Pergerakan adalah satu peraturan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Malaysia berpandukan Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit, 1988 (Akta 342) dan Akta Polis 1967 (Akta 344). |
| 39. | ***Racist*** | Orang yang bersifat perkauman. |
| 40. | **Seni Khat** | Kemahiran menulis tulisan Arab atau tulisan jawi dengan gaya yang unik sehingga menghasilkan tulisan yang indah-indah. |
| 41. | **Serong** | Menyimpang dari arah yang lurus, tidak lurus. |
| 42. | **Setingkat** | Sama martabatnya, setaraf. |
| 43. | **Tabik** | Perbuatan menghormati dengan cara mengangkat tangan. |
| 44. | ***Zohor*** | Waktu tergelincir matahari ke arah barat hingga bayang-bayang kayu sama panjang dengan kayu yang menjadi pengukurnya. |

## 9.0 INDEKS

**A**

*Al-Khattat* 60

*Al-Quran* 38, 49, 51, 52, 60, 63, 70, 71

*Asar* 15, 61

*Asmaul Husna* 60

**B**

*Backdrop* 60, 65, 66

*Banner* 21, 26, 34, 65

Bengkel 12, 21, 39

**C**

Condong 58

**D**

Dakwah 62, 63

Demonstrasi 14, 22, 36, 54, 62

**G**

Galeri 37, 57

Guru Sandaran 13

**H**

*Hadis Nabi* 46, 51, 62

*Huruf Hija'Iyah* 58

**J**

Juri 55

Jurulatih 60

**K**

Kaligrafi 27

Kanvas 63

Karya 46, 51, 54, 61, 62, 63. 64

Khat 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 43, 44, 45, 46, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 67, 68, 69. 70, 71, 73

Kidal 21, 22, 35, 57, 58

Kolaborasi 61

Kontrak 65

**M**

*Maulidurrasul* 26

*Muktabar* 48

**P**

Pakar 13, 16, 34, 41, 51, 56, 60, 61

Pameran 14, 22, 36, 37, 61, 62

PKP 28, 69, 71

**R**

*Racist* 69

**S**

Seni 11, 12, 14, 15, 16, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 29, 34, 36, 37, 38, 39, 40, 43, 44, 45, 47, 48, 49, 50, 51, 53, 57, 58, 59, 60, 62, 63, 66, 67, 68

Serong 53, 57

Setingkat 66

**T**

Tabik 57, 59

**Z**

*Zohor* 15, 61

## 10.0 BIBLIOGRAFI


Alashari, D. M., Hamzah, A. R., & Marni, N. (2019). Islamic Art and Language as a Source of Inspiration Leading to Traditional Arabic Calligraphy Art. *UMRAN - InternationalJournal of Islamic and Civilizational Studies, 6*(3), 33–45. https://doi.org/10.11113/umran2019.6n3.342

Casey, E. S. (1971). Expression and Communication in Art. Expression and Communication inArt, 30(2), 197–207. http://www.jstor.org/stable/429538?origin=JSTOR-pdf.

Hazliza Ismail. (2011). *Kaedah dan pendekatan mempelajari seni khat: kajian di Kelantan Hazliza Binti Ismail Universiti Teknologi Malaysia.* http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdffail/ptkghdfwp2/p_2011_10052_f1e8a05fe8a24b709a6a13532fb0fb0f.pdf

Haziyah Hussin, S. (1970). Seni, Seni Hias, Seni Reka, Reka Bentuk Dan Estetika Daripada Persepsi Umum Dan Orang Melayu. *International Journal of Mechanical and Materials Engineering, 20*(20).

Hospers, J. (2020, November 26). Philosophy of art. *Encyclopedia Britannica.* Https://www.britannica.com/topic/philosophy-of-art

Ismail Sualman. (2019, Ogos 7). Mengapa pertikai tulisan Jawi, seni khat? Berita Harian. https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/08/593613/mengapa-pertikai-tulisan-jawi-seni-khat

Isu tulisan khat: Hanya tekap, sambung titik, tiru semula sahaja. *Astro Awani.* (2019, Ogos 7). https://www.astroawani.com/berita-malaysia/isu-tulisan-khat-hanya-tekap-sambung-titik-tiru-semula-sahaja-214381.

Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatitif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*, Januari 2012. http://eprints.utm.my/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf

Nur Aslinda Mohd Nasir. (2020, Julai 24). Leong Chuan hairan ramai Melayu tidak pandai Jawi. *Utusan Malaysia*. https://www.utusan.com.my/nasional/2020/07/belajar-jawi-tidak-rasis/.

Musa, N. I. K. Y., Muslim, N., & Alias, J. (2017). Sejarah Perkembangan Seni Khat dan Pengaruhnya Terhadap Tulisan Jawi di Nusantara. Malim: *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara (Sea Journal of General Studies), 18,* 30–42. https://doi.org/10.17576/malim-2017-1801-03

Nor 'Asyikin Mat Hayin. (2019, Ogos 11). Ia warisan bangsa Malaysia. *Harian Metro*. https://www.hmetro.com.my/utama/2019/08/485034/ia-warisan-bangsa-malaysia-metrotv.16

Nurulfatiha Muah. (2019, Ogos 23) Khat seni paling agung. *Sinar Harian*. https://m.sinarharian.com.my/mobile-article?articleid=81565.

Mohd Anwar Patho Rohman. (2019, Ogos 5). 12 Pertubuhan tak setuju tulisan khat untuk murid SJKC, SJKT. *Berita Harian Online*. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/592977/12-pertubuhan-tak-setuju-tulisan-khat-untuk-murid-sjkc-sjkt.

Seni. (n.d.). *Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka.* https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=seni.
Warisan. (n.d.). Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka. https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=warisan.

Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah, Ab Samad Kechot. (2011). Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan sepintas lalu. Jurnal Melayu, 8(8), 173–188.

Zumurni. (2019, August 5). Tulisan jawi bukan asing dalam masyarakat Cina. *Sinar Harian.* https://www.sinarharian.com.my/article/41521/BERITA/Nasional/Tulisan-jawi-bukan-asing-dalam-masyarakat-Cina.

## 11.0 LAMPIRAN

### 11.1 Biografi Jalaluddin Bin Mispan @ Mislan



| Nama | Jalaluddin Bin Mispan @ Mislan |
|---|---|
| Nama samaran | Al-Khattat |
| Tarikh Lahir | 2 Mei 1968 |
| Tempat Lahir | FELDA Pasak, Kota Tinggi, Johor |
| Alamat | No 46 Jln SS 8, Tmn Sri Saujana, 81900 Kota Tinggi, Johor |
| No. Telefon | 013-7575812 |
| E-mail | alkhattat06@yahoo.com.my |
| Profesion | Guru |
| Bidang | Pendidikan Islam |

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN**

Saya ......Jalaluddin Bin Mispan@Mislan...... K/P: ......680502015301...... pada ......21/6/2021......dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak mililk sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
    a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

Type something...

..........................................................

(Nama tokoh Jalaluddin Bin Mispan @Mislan )

Tarikh: 21/6/2021

..........................................................

(Siti Noorsiah Binti Jamaludin)

b.p.Dekan

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA

**11.3 Senarai Soalan**

**A. Soalan Orientasi**

1. Latar Belakang Tokoh

   1.1 Apakah nama penuh ustaz?

   1.2 Apakah pekerjaan ustaz sekarang?

   1.3 Bilakah ustaz dilahirkan?

   1.4 Dimanakah ustaz dilahirkan?

   1.5 Dimanakah ustaz menetap sekarang?

2. Latar Belakang Keluarga Tokoh

   2.1 Apakah nama ibu & ayah ustaz?

   2.2 Berapakah bilangan adik beradik ustaz?

   2.3 Ustaz anak ke berapa?

3. Perkahwinan

   3.1 Apakah nama isteri ustaz?

   3.2 Sudah masuk tahun keberapa perkahwinan ustaz?

   3.3 Apakah pekerjaan isteri ustaz?

   3.4 Berapakah bilangan anak ustaz?

   3.5 Berapakah umur anak ustaz yang sulung sekarang?

4. Pendidikan

   4.1 Dimanakah ustaz mendapatkan pendidikan awal?

   4.2 Ustaz menyambung pengajian di dalam jurusan apa?

   4.3 Adakah ustaz berminat untuk menyambung pengajian dalam jurusan itu?

   4.4 Pada tahun berapa ustaz mula berkhidmat dalam pekerjaan ustaz?

**B. Soalan Umum**

1. Penglibatan Dalam Seni Khat

   1.1 Bagaimana ustaz boleh menceburi bidang seni khat ini?

   1.2 Bagaimana ustaz boleh meminati seni khat ini?

   1.3 Apakah keunikan seni khat pada ustaz?

   1.4 Siapakah idola/inspirasi ustaz dalam bidang seni khat?

2. Pendidikan secara formal/tidak formal

   2.1 Di mana ustaz mula belajar seni khat?

   2.2 Siapakah yang melatih ustaz?

   2.3 Berapa jam dalam seminggu ustaz melatih diri ustaz menulis khat?

   2.4 Berapakah anggaran kos yang ustaz dah gunakan sepanjang mempelajari bidang seni khat?

3. Promosi

   3.1 Adakah ustaz mempunyai sebarang sosial media untuk mempromosikan seni khat ustaz?

   3.2 Siapakah 'target market' ustaz dalam perniagaan koleksi Seni Khat ini?

   3.3 Dimanakah ustaz akan mempromosikan Seni Khat ini selain daripada di *platform* sosial media?

   3.4 Adakah ustaz ada waktu yang spesifik untuk mengadakan pameran untuk mempromosikan Seni Khat ini?

   3.5 Adakah setiap pameran yang diadakan dikenakan bayaran?

   3.6 Bagaimana ustaz membahagikan waktu sebagai guru dan sebagai orang pakar dalam bidang Seni Khat ini?

4. Kenangan Manis

4.1 Apakah kenangan manis ustaz sepanjang berkecimpung dalam bidang Seni Khat ini?

5. Kenangan Pahit

5.1 Bagaimana pula dengan kenangan pahit ustaz sepanjang berada dalam bidang warisan Seni Khat ini?

**C. Soalan Khusus**

1. Latar Belakang Seni Khat

1.1 Berapa banyak jenis khat yang ada?

1.2 Apakah jenis-jenis peralatan yang diperlukan?

1.3 Berapa lamakah masa yang diambil untuk menyiapkan satu seni khat?

1.4 Berapakah harga yang ustaz tawarkan untuk setiap tempahan mengikut jenis?

1.5 Adakah ustaz menawarkan sebarang kelas/bengkel bagi sesiapa ingin mempelajari seni khat?

1.6 Berapakah anggaran harga ke semua peralatan yang ustaz gunakan untuk khat?

1.7 Berdasarkan jenis-jenis khat yang ustaz pelajari, boleh tak ustaz bagi 'rate' untuk tahap kesukaran mempelajarinya.

1.8 Di manakah biasanya ustaz dapatkan peralatan-peralatan untuk membuat khat?

1.10 Kalau macam saya yang baru nak ceburi seni khat, apa yang saya perlu pelajari dahulu?

2. Cabaran

2.1 Apakah cabaran yang ustaz lalui sepanjang menceburi bidang ini?

2.2 Siapakah saingan ustaz sepanjang berkecimpung dalam bidang ini?

2.3 Apakah cabaran untuk mengajar dan melatih orang lain dalam bidang Seni Khat ini?

2.4 Apakah cabaran untuk mengekalkan warisan Seni Khat ini?

3. Sumbangan

3.1 Apakah sumbangan terbesar ustaz dalam bidang seni khat?

3.2 Siapakah yang selalu memberi sokongan untuk ustaz terus memberi sumbangan dalam bidang ini?

3.3 Adakah ustaz mempunyai sahabat rapat/kawan sekerja yang sentiasa bersama dalam bidang ini?

4. Pencapaian

4.1 Apakah pencapaian yang ustaz pernah kecapi dalam bidang seni khat?

4.2 Apakah pencapaian yang paling tidak dapat dilupakan oleh ustaz?

4.3 Apakah perasaan ustaz menerima pencapaian tersebut?

5. Harapan

5.1 Apakah harapan ustaz terhadap seni khat kepada generasi akan datang?

5.2 Pada pendapat ustaz, siapakah yang bakal menyambung warisan Seni Khat ini pada masa akan datang?

5.3 Adakah wujud persatuan atau organisasi yang sentiasa menjaga dan mengekalkan warisan Seni Khat ini?

5.4 Apa yang ustaz nampak dalam seni bidang khat pada 10 tahun akan datang?

### 11.4 Diari Penyelidikan

| Tarikh | Masa/Lokasi | Tindakan |
|---|---|---|
| 28 Mac 2021 | 8.15 Pagi<br>*Google Meet* | • Puan Noorsiah mula menerangkan mengenai tugasan kajian ini ketika hari pertama kelas untuk semester Mac 2021-Julai 2021<br>• Kami perlu mencari tokoh yang berkaitan dengan seni kebudayaan atau sejarah tempatan atau warisan seni<br>• Kami perlu mencari seorang tokoh dan pakar untuk tema tersebut dengan beberapa kriteria yang telah diberikan oleh Puan Noorsiah |
| 28 Mac 2021 | 10.00 Pagi<br>*Whatsapp* | • Kami bersetuju untuk membentuk satu kumpulan<br>• Kami bersetuju untuk memilih tema warisan seni. Kami memilih warisan seni 'Khat'<br>• Mula melakukan pencarian tokoh di laman web dan media sosial |
| 1 April 2021 | 9.30 Pagi<br>*Instagram & Whatsapp* | • Kami menjumpai tokoh yang mengikut kriteria-kriteria yang diperlukan dan meminta pengesahan daripada Puan Noorsiah<br>• Memulakan tugasan pertama iaitu di mana perlu menceritakan latar belakang awal berkaitan dengan tokoh |
| 4 April 2021 | 2.17 Petang<br>*Telegram* | • Puan Noorsiah mengesahkan bahawa tokoh kami layak untuk ditemu ramah |
| 18 April 2021 | 8.30 Pagi<br>BK3 | • Puan Noorsiah menerangkan lanjut mengenai proposal dan soalan temu ramah bagi kajian kami<br>• Beliau menerangkan satu persatu apa yang perlu kami lakukan |
| 18 April 2021 | 9.30 Malam<br>Surau Kolej Intan | • Kami mula berbincang mengenai proposal iaitu bahagian pengenalan proposal dan soalan temu ramah kami |

| | | |
|---|---|---|
| | | sehingga jam 11 malam |
| 25 April 2021 | 10.15 Pagi<br>PTDI 1 | • Kami meneruskan perbincangan kami mengenai proposal kami. Kami menyiapkan bahagian tinjauan literatur. Pelbagai artikel dan sumber kami cari di PTDI 1 berdasarkan tajuk seni warisan dan juga seni khat |
| 25 April 2021 | 9.30 Malam<br>Surau Kolej Intan | • Kami meneruskan perbincangan kami mengenai proposal kami. Pelbagai soalan temu ramah kami bincangkan iaitu mengikut soalan orientasi, soalan umum dan soalan khusus mengikut tema kami<br>• Kami menyiapkan perbincangan dan tugasan sehingga jam 11 malam |
| 27 April 2021 | 8.15 Pagi<br>BK3 | • Kami menunjukkan soalan-soalan temu ramah kami kepada Puan Noorsiah. Terdapat soalan-soalan yang diterima dan tidak diterima. Kami membetulkan mengikut arahannya |
| 27 April 2021 | 9.30 Malam<br>Surau Kolej Intan | • Kami meneruskan perbincangan kami mengenai proposal kami. Masih menyiapkan tinjauan literatur dan metodologi kajian. Kami menyiapkan perbincangan dan tugasan sehingga jam 11 malam |
| 28 April 2021- 1 Mei 2021 | *Google Docs* | • Kami mengumpulkan tugasan menggunakan *Google Docs.* Kami melakukan perbincangan atas talian kerana Nur Haliza terlibat dengan aktiviti-aktiviti persatuannya |
| 2 Mei 2021 | 9.55 Pagi<br>BK3 dan DK1 | • Puan Noorsiah menerangkan cara-cara untuk menulis transkrip. Pelbagai jenis peraturan yang kami perlu ikuti untuk menulis transkrip<br>• Kami meneruskan kelas di DK 1 kerana gangguan teknikal di BK3 |
| 4 Mei 2021 | 8.30 Pagi<br>DK1 | • Puan Noorsiah masih menerangkan cara-cara untuk menulis transkrip.<br>• Kami menyemak proposal kami kepada Puan Noorsiah. Terdapat beberapa |

| | | |
|---|---|---|
| | | kesalahan yang perlu diperbetulkan |
| 4 Mei 2021 | 10.00 Malam<br>Surau Kolej Intan | • Kami menyiapkan proposal dan memperbetulkan mengikut arahan Puan Noorsiah<br>• Kami menyiapkan sehingga jam 11 malam<br>• Perbincangan kami agak lambat dari biasa kerana Nur Haliza mempunyai perjumpaan bersama persatuannya |
| 5 Mei 2021 | 12.00 Tengahari<br>PTDI 1 | • Kami menghantar proposal kami mengikut tarikh yang ditetapkan<br>• Kami menghantarnya di *Ufuture* |
| 15 Mei 2021 | 10.30 Malam<br>Di rumah masing-masing & *Whatsapp* | • Kami membincangkan tarikh yang sesuai untuk menemu ramah tokoh kami<br>• Beberapa faktor telah kami ambil untuk menentukan tarikh temu ramah kami. |
| 16 Mei 2021 | 10.15 Pagi<br>*Whatsapp* | • Menanyakan tokoh untuk pengesahan tarikh.<br>• Beliau bersetuju untuk ditemu ramah mengikut tarikh yang ditetapkan dan ingin melakukannya secara 2 sesi<br>• Kami memilih tarikh 20 Mei 2021 pada jam 10 pagi |
| 19 Mei 2021 | 10.30 Malam<br>*Google Meet* | • Kami melakukan 'reherseal' bagi memastikan kelancaran temu ramah kami<br>• Kami memutuskan untuk 'screen record' temu ramah kami |
| 20 Mei 2021 | 9.30 Pagi<br>Rumah nenek & *Cyber Cafe* | • Kami keluar dari rumah kami bagi menemu ramah tokoh kami. Kami pergi ke tempat yang mempunyai rangkaian Internet yang laju kerana rumah kami rangkaian Internet agak lambat dan tidak sesuai untuk menemu ramah untuk masa yang panjang |
| 20 Mei 2021 | 10.00 Pagi-11.05 Pagi<br>Rumah nenek & *Cyber Cafe* | • Temuramah bermula dan tamat. Temuramah kami berjalan dengan lancar untuk sesi 1 |
| 20 Mei 2021 | 1.45 Tengahari-2.46 Petang | • Kami terpaksa melakukan temuramah lebih awal kerana tokoh mempunyai hal |

| | | |
|---|---|---|
| | Rumah nenek & *Cyber Cafe* | yang perlu diselesaikan.<br>• Temuramah kami bermula dan tamat dengan lancar untuk sesi 2 |
| 25 Mei 2021 | 8.15 Pagi<br>*Google Meet* | • Meneruskan kelas seperti biasa. Puan Noorsiah memberikan *Powerpoint* panduan menulis transkrip dan surat perjanjian untuk ditandatangani tokoh kami. |
| 25 Mei 2021- 6 Jun 2021 | Rumah masing-masing | • Kami menyiapkan transkrip dan log temu ramah kami. Kami saling berbincang cara-cara yang betul untuk menulis transkrip |
| 6 Jun 2021 | 8.15 Pagi<br>*Google Meet* | • Puan Noorsiah menerangkan cara-cara menulis transkrip penuh. Pelbagai tugasan kami selesaikan untuk menyiapkan transkrip tersebut. Beberapa soalan telah kami ajukan mengenai transkrip kami. |
| 13 Jun 2021 | 8.15 Pagi<br>*Google Meet* | • Puan Noorsiah menerangkan cara-cara menulis artikel. Setelah kelas tamat, kami masih menanyakan pelbagai soalan mengenai transkrip |
| 13 Jun 2021-19 Jun 2021 | Rumah masing-masing | • Kami menyiapkan transkrip dan log temu ramah kami. Kami saling berbincang cara-cara yang betul untuk menulis transkrip |
| 19 Jun 2021 | 5.41 Petang<br>*Whatsapp* | • Menghantar surat perjanjian kepada tokoh untuk ditandatangani |
| 20 Jun 2021 | 12.23 Tengahari<br>*Whatsapp* | • Tokoh menandatangani surat perjanjian tersebut secara atas talian |
| 24 Jun 2021 | 11.15 Pagi<br>Rumah nenek | • Nur Haliza pergi ke rumah neneknya untuk memuat naik audiovisual rakaman temuramah sesi 1. Berjaya memuat naik video pada pukul 3.11 petang |
| 26 Jun 2021 | 9.00 Malam<br>Taman | • Siti Maizatul Aisyah memuat naik audiovisual untuk sesi 2. Berjaya memuat naik audiovisualnya pada pukul 11.52 malam |

| | | |
|---|---|---|
| | | • Kami masih menyiapkan dan menyemak transkrip kami di saat akhir sebelum menghantarnya.<br>• Siti Maizatul Aisyah menghantar audiovisual kami pada jam 12.08 tengah malam |
| 27 Jun 2021 | *Ufuture* | • Menghantar transkrip penuh kami dan meneruskan untuk menyiapkan artikel |

**11.5 Gambar, Sijil-Sijil dan Bahan Lain Yang Berkaitan**




*Gambar 1 menunjukkan contoh program yang tokoh kami terlibat*




*Gambar 2 menunjukkan tokoh bersama anak lelakinya, Muhammad Zakwan.*




*Gambar 3 menunjukkan beberapa hasil seni khat yang dihasilkan oleh tokoh sendiri.*